BSN

MENGGAPAI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK

A BETTER LIFE WITHIN YOUR REACH

LAPORAN TAHUNAN

2016

ANNUAL REPORT

2016

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

BANK SIMPANAN NASIONAL

RASIONAL KULIT
COVER RATIONAL

Sejajar dengan komitmen baharunya dalam memenuhi keperluan dunia moden, BSN terus menyediakan perkhidmatan dalam jangkauan semua rakyat Malaysia tanpa mengira usia, bangsa, jantina, status dan lokasi. Peluang sama rata disediakan kepada semua rakyat Malaysia untuk mencapai masa depan kewangan yang lebih baik dan cerah. Rekabentuk kulit hadapan laporan tahunan ini mencerminkan fokus kami dalam menyatukan aset, saluran dan strategi-strategi kami bagi memacu kebolehcapaian yang lebih baik dan kemudahan yang dipertingkatkan.

In line with its renewed commitment to meet modern needs, BSN continues to place its services within easy reach of all Malaysians regardless of their age, race, gender, status and location. This provides an equal opportunity for all Malaysians to pursue a better and more promising financial future. This year's design reflects our focus on integrating assets, channels and strategies to drive greater accessibility and enhanced convenience.

www.mybsn.com.my

KANDUNGAN

2 **Seimbas Lalu**
At a Glance

4 **Visi dan Misi**
Vision and Mission

5 **Nilai-Nilai Murni**
Core Values

6 **Piagam Pelanggan**
Clients' Charter

7 **Struktur Korporat**
Corporate Structure

8 **Profil Korporat**
Corporate Profile

12 **Anugerah dan Pengiktirafan**
Awards and Recognitions

16 **Carta Organisasi**
Organisation Chart

20 **Kenyataan Pengerusi**
Chairman's Statement

30 **Lembaga Pengarah**
Board of Directors

32 **Profil Lembaga Pengarah**
Board of Directors' Profile

42 **Jawatankuasa Syariah**
Shariah Committee

INSIDE STORY

46 **Pengurusan**
Management

52 **Pencapaian Peranan Pembangunan/Dimandatkan**
Development/Mandated Achievements

55 **Tinjauan Strategik**
Strategic Outlook

58 **Laporan Aktiviti**
Activity Report

70 **Sorotan Media**
Media Highlights

72 **Penyata Tadbir Urus Korporat**
Statement on Corporate Governance

78 **Penyata Pengurusan Risiko**
Statement on Risk Management

82 **Kenyataan Audit Dalaman**
Internal Audit Statement

83 **Laporan Jawatankuasa Syariah**
Shariah Committee Report

86 **Penyata Kewangan**
Financial Statements

Profil Korporat
Corporate Profile
ms: pg: 8

Kenyataan Pengerusi
Chairman's Statement
ms: pg: 20

Lembaga Pengarah
Board of Directors
ms: pg: 30

Tinjauan Strategik
Strategic Outlook
ms: pg: 55

SEIMBAS LALU

AT A GLANCE

RM1.94
bilion billion
HASIL
Revenue

RM1.28
bilion billion
PENDAPATAN BERSIH
Net Income

RM21.09
bilion billion
PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN
Loan, Advances and Financing

RM109.5
juta million
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT
Profit Before Tax and Zakat

RM57.18
juta million
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT
Profit After Tax and Zakat

RM24.67
bilion billion
DEPOSIT DAN SIMPANAN
Deposits and Savings

732

MESIN TELLER AUTOMATIK

Automatic Teller Machines

407

MESIN DEPOSIT TUNAI

Cash Deposit Machines

403

CAWANGAN DI SELURUH NEGARA

Branches Nationwide

99

MESIN JURUWANG MAYA

Virtual Teller Machines

6,876

EJEN BANK BSN (EB BSN)

BSN Banking Agents (EB BSN)

lebih over

7,000

KAKITANGAN

Employees

VISI
VISION

Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan
No Malaysian Left Behind

Di BSN, kami berhasrat untuk memberi semua warga Malaysia peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dengan memungkinkan masa depan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian yang meluas dan perkhidmatan yang pelbagai.

At BSN, we aim to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and range of services.

MISI
MISSION

Misi kami adalah membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

- Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur bagi orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif.
- Menggalakkan dan menggembleng simpanan, terutamanya daripada para penyimpan-penyimpan kecil.
- Menanam tabiat berjimat cermat dan menyimpan.
- Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:

- Providing the means for savings and investments by the general public with a comprehensive range of banking services.
- Promoting and mobilising savings, particularly from small savers.
- Inculcating the habit of thrift and savings.
- Utilising the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.

NILAI-NILAI MURNI
CORE VALUES

Di BSN, cara kerja dan kelakuan/tindakan kami adalah berlandaskan Nilai-Nilai Murni:

At BSN, the way we work and behave are guided by our Core Values:

C A R E

Komited
Committed

Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

We are committed to excellence in all that we do.

Cerdas & Tangkas
Agile

Kami peka dengan trend pasaran dan memanfaatkan peluang.

We anticipate market trends and leverage on opportunities.

Menghormati
Respectful

Kami hargai kepelbagaian dan pendapat orang ramai serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka untuk lebih memahami kehendak mereka.

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.

Beretika
Ethical

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.

BSN komited sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi yang patut diterima oleh setiap warga Malaysia.

Piagam kami adalah:

- Pelanggan adalah keutamaan kami.
- Menyediakan perkhidmatan yang memuaskan pelanggan kami dan sentiasa meyakinkan bank kami.
- Sentiasa konsisten dalam memberikan Produk dan Perkhidmatan berkualiti tinggi.
- Maklumat yang diberikan adalah jelas dan lengkap.
- Menyediakan persekitaran perbankan yang selesa dan selamat.

PIAGAM PELANGGAN

CLIENTS' CHARTER

BSN is totally committed to providing you with the high quality service and products that every Malaysian deserves.

Our charter decrees:

- Customers are our main priority.
- We will provide services that satisfy our customers and continuously instill confidence in our bank.
- We will consistently deliver Products and Services of high quality.
- We will deliver information that is clear and sufficient.
- We will provide a safe and comfortable banking environment.

STRUKTUR KORPORAT
CORPORATE STRUCTURE



> "Bank Simpanan Nasional merupakan suatu cara baharu dalam usaha kita untuk menanam tabiat berjimat cermat supaya rakyat akan lebih digalakkan untuk menyimpan wang mereka. Ia akan mengekalkan standard tinggi Bank Simpanan Pejabat Pos dan pada masa yang sama, membawa beberapa perubahan mengikut aliran masa kini. Saya harap dengan pelancaran Bank Simpanan Nasional hari ini, ia akan membangun sebagai sebuah institusi simpanan utama dan akan mengembangkan kempen menyimpan kerajaan, satu langkah mengawal inflasi dan mempercepatkan proses pembangunan negara.
>
> Oleh itu, Bank Simpanan Nasional mempunyai peranan penting dalam kehidupan rakyat dan Pembangunan Negara."
>
> - YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein

Bank Simpanan Nasional (BSN) merupakan salah sebuah institusi kewangan terulung negara dengan lebih 7,000 kakitangan merentasi 403 cawangan di seluruh negara, yang menawarkan perkhidmatan kepada lebih 9.1 juta rakyat Malaysia dengan deposit dan simpanan berjumlah RM24.67 bilion. Terkini, BSN mempunyai 732 mesin teller automatik, 407 mesin deposit tunai dan 6,876 ejen bank BSN (EB BSN) di seluruh negara (setakat 31 Disember 2016).

Sejarah penubuhan kami bermula pada lewat abad ke-19 apabila perkhidmatan Bank Simpanan mula dibuka di Perak dan Selangor. Bank-bank ini kemudian menjadi sebahagian daripada rangkaian Bank Simpanan Pejabat Pos negara yang seterusnya berkembang dengan 2.5 juta pendeposit menjelang tahun 1974 dan aset terkumpul berjumlah lebih RM537 juta.

Akta Bank Simpanan Nasional (Akta BSN) diperkenalkan pada 1974 bagi membolehkan peralihan kuasa pengurusan daripada Jabatan Perkhidmatan Pos kepada sebuah Lembaga Pengarah Bank yang membawa kepada penubuhan rasmi BSN pada 1 Disember 1974. BSN dilancarkan secara rasmi pada 5 Disember oleh YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Matlamat berterusan BSN adalah untuk menggalakkan amalan menyimpan dan melabur di kalangan semua lapisan rakyat Malaysia, ke arah mempertingkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat. Pada hari ini, kami meneruskan usaha tersebut dengan menawarkan lebih banyak produk, perkhidmatan dan kemudahan tersedia – sambil memastikan akses mudah terutama untuk masyarakat luar bandar dan pedalaman.

Langkah penjenamaan semula secara menyeluruh yang dilaksanakan pada 2015 merupakan satu pembaharuan yang tepat pada waktunya selepas BSN menyambut ulangtahun ke-40. Transformasi imej yang lebih segar, moden dan mesra pelanggan dalam merealisasikan janji jenama BSN iaitu "Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik". Penjenamaan semula merangkumi transformasi dari aspek fizikal dan falsafah, selain penambahbaikan dalam kualiti operasi dan perkhidmatan. Ini termasuk pengenalan Mesin Juruwang Maya (VTM) yang pertama di Malaysia pada Disember 2015, iaitu satu teknologi baharu di mana para pelanggan di cawangan yang sibuk boleh dilayani oleh juruwang bank dari cawangan yang kurang sibuk. Langkah ini dapat mendorong produktiviti dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

Jenama BSN yang diperbaharui ini mencerminkan matlamat BSN dalam menyediakan satu platfom bersepadu bagi perkhidmatan dan infrastruktur kewangan dengan akses mudah untuk para pelanggan, dipandu oleh pengurusan kewangan yang berhemah yang telah terbukti sekian lama. Dengan langkah inovatif dalam penyediaan peluang sama rata bagi setiap rakyat Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik, BSN terus meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia dengan memastikan bahawa "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan".

> "Bank Simpanan Nasional represents a new way in our efforts to instill thrift so that the people will be encouraged to save their money. It will maintain the high standards of the Post Office Savings Bank and at the same time bring several changes in keeping with present time.
>
> I hope that with the launching of Bank Simpanan Nasional today, it will develop as a major saving institution and will expand the savings campaign of the government, an anti-inflationary move and quicken the pace of national development.
>
> Therefore Bank Simpanan Nasional has an important role in the lives of the people and National Development."
>
> - YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein

Bank Simpanan Nasional (BSN) is one of the nation's leading financial institutions with over 7,000 employees across 403 branches nationwide, serving over 9.1 million Malaysians with deposits and savings amounting to RM24.67 billion. Currently, BSN has 732 automated teller machines, 407 cash deposit machines and 6,876 BSN banking agents (EB BSN) across the country (as at 31st December 2016).

Our roots date back to the late 19th century when the first Savings Bank service opened in Perak and Selangor. These banks soon became part of the country's Post Office Savings Bank network which grew to serve over 2.5 million depositors by 1974, with accumulated assets worth over RM537 million.

The Bank Simpanan Nasional Act (Akta BSN), was introduced in 1974 to enable the transfer of the management power from the Postal Services Department to a Board of Directors, which led to the official establishment of BSN on 1 December 1974. BSN was then officially launched on 5th December by YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, the Second Prime Minister of Malaysia.

BSN's objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life, towards improving the economic welfare of all Malaysians. Today, we continue on our quest by offering even more products, services and ready facilities – ensuring easy access even for those living in rural or remote areas.

The holistic re-branding exercise in 2015 was a timely enhancement for BSN after 40 years; refreshing and transforming its image to a more modern and customer friendly bank that provides "A Better Life Within Your Reach". The re-branding encompassed transformation of physical and philosophical aspects, as well as improvements in operations and service quality. This includes the introduction of Malaysia's first Virtual Teller Machines (VTM) in December 2015, pioneering a new advancement where customers at busy branches can be served by bank tellers from less busy branches. This drives productivity and increases customer satisfaction at the same time.

The refreshed BSN brand expresses BSN's aim to provide an easily accessible integrated platform of financial services and infrastructure for our customers, anchored in sound financial management that has withstood the test of time. By innovatively providing every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life, BSN continues to uplift the economic well-being of Malaysian, ensuring "No Malaysian is Left Behind".

PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE

BSN

MENDIDIK BELIA NEGARA

NURTURING YOUNG MALAYSIANS

BSN sentiasa komited untuk membantu golongan muda menikmati masa hadapan kewangan yang terjamin. Pada setiap tahun, Bank akan menganjurkan program serta lawatan sekolah bagi memupuk kesedaran di kalangan para pelajar mengenai kepentingan menabung dari usia muda. Pihak Bank telah memperkenalkan pelbagai produk khusus untuk para pelajar seperti Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP), BSN Smart Junior (BSJ), selain menganjur program Cabutan BSN SSP Remaja dan 'School Carnival' sebagai platform untuk mendekati golongan ini. Sehingga kini, BSJ telah menarik 284,000 ahli dengan baki akhir berjumlah RM316 juta, manakala SGSP telah mencapai 1,000,000 ahli dengan baki akhir sebanyak RM579 juta.

BSN is committed to reach out to young Malaysians and set them on the right path to a secure financial future. Every year, the Bank reaches out to students through its annual school programmes and visits to create awareness on the importance of savings from an early age. The Bank has introduced student products such as 'Skim Galakan Simpanan Pelajar' (SGSP), BSN Smart Junior (BSJ), BSN SSP Junior Draw and organise school carnival programmes as a platform to engage with students. To date, BSJ has attracted 284,000 members with end balance of RM316 million, SGSP student savers have reached 1,000,000 members with end balance of RM579 million.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
AWARDS AND RECOGNITIONS

1. **7th Annual Retail Banker International Asia Trailblazer Summit & Awards 2016**

   Cawangan Paling Inovatif
   Anugerah Saluran Terbaik

   7th Annual Retail Banker International Asia Trailblazer Summit & Awards 2016

   Most Innovative Branch Offering
   Channel Excellence Awards

2. **The Loyalty & Engagement Awards 2016**

   Pembiayaan Peribadi/'Paris, Milan, London Here I Come'
   Anugerah Gangsa 'Best Use of Contests/Promotions'

   The Loyalty & Engagement Awards 2016

   Personal Loan/'Paris, Milan, London Here I Come'
   Bronze in Best Use of Contests/Promotions

3. **2016 PMAA Dragons of Malaysia, Marketing Communications Awards** (*PMAA – Promotion Marketing Awards of Asia)

   Pinjaman Peribadi/Paris, Milan, London Here I Come
   Anugerah Gangsa 'Best Brand Trial or Sales Generation Campaign'

   2016 PMAA Dragons of Malaysia, Marketing Communications Awards (*PMAA – Promotion Marketing Awards of Asia)

   Personal Loan/Paris, Milan, London Here I Come
   Bronze in Best Brand Trial or Sales Generation Campaign

4. **PR Awards 2016**

   Kempen 'Kucing Happy'
   Anugerah Emas 'Best Use of Social Media'

   PR Awards 2016

   'Kucing Happy' Campaign
   Gold in Best Use of Social Media

5. **Appies Malaysia 2016**

   Kempen 'Kucing Happy'
   Anugerah Emas 'Consumer Services Category'

   Appies Malaysia 2016

   'Kucing Happy' Campaign
   Gold in Consumer Services Category

6. **Agency of the Year Awards 2016** (Pengiklanan & Promosi)

   Kempen 'Kucing Happy'
   Penggunaan Sosial Media Terbaik

   Agency of the Year Awards 2016 (Advertising + Marketing)

   'Kucing Happy' Campaign
   Best Use of Social Media

7. **YouTube Malaysia Ads Awards 2016**

   BSN SSP – "Janji Papa"
   Pemenang Kategori Kewangan

   YouTube Malaysia Ads Awards 2016

   BSN SSP – "Janji Papa"
   Winner of Finance Category

8. **Effies Awards Malaysia 2016**

BSN Pengacau Raya
Anugerah Gangsa - Efforts for Good – Non Profit/Pro Bono

Effies Awards Malaysia 2016

BSN Pengacau Raya
Bronze - Efforts for Good – Non Profit/Pro Bono

9. **Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)**

Pembiayaan Perumahan - Skim Perumahan Belia (SPB)
Anugerah Emas - Kecemerlangan dalam Sektor Kerajaan Pemasaran

Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)

Mortgage - BSN Youth Housing Scheme (YHS)
Gold - Excellence in Government Sector Marketing

10. **Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)**

Pembiayaan Peribadi BSN
Anugerah Perak - Kecemerlangan dalam Pemasaran Langsung

Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)

BSN Personal Finance
Silver - Excellence in Direct Marketing

11. **Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)**

Pembiayaan Perumahan - Skim Perumahan Belia (SPB)
Anugerah Perak - Kecemerlangan dalam Pemasaran Digital

Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)

Mortgage - Youth Housing Scheme (YHS)
Silver - Excellence in Digital Marketing

12. **Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)**

Korporat - Pengacau Raya
Anugerah Perak - Kecemerlangan dalam Iklan TV/Video

Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)

Corporate - Pengacau Raya
Silver - Excellence in TV/Video Advertising

13. **Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)**

Pembiayaan Peribadi
Anugerah Gangsa - Kecemerlangan dalam Inovasi Pemasaran

Marketing Excellence Awards 2016 (MEA)

Personal Finance
Bronze - Excellence in Marketing Innovation

14. **Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan**

BSN Cawangan Negeri Terengganu, Kuala Terengggnu (Anugerah Kewangan)
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

National Occupational Safety and Health (OSH) Excellence Award 2016

BSN Negeri Terengganu Branch, Kuala Terengggnu (Finance Award)
Ministry of Human Resources, Malaysia



Logo BSN telah diberi nafas baharu untuk mencerminkan peranan dan fungsinya dalam suasana Malaysia hari ini. Di samping kekal dengan kemantapan dan kesaksamaan logo yang asal, logo tersebut melalui evolusi yang menampilkan ciri yang lebih mesra, lebih segar dan tampil kontemporari.

The BSN logo has been revitalised to better reflect our role and function in today's Malaysia. While staying true to the original logo's strength and equity, it has evolved to feature a friendlier, more vibrant and contemporary look.

Logo BSN direka khas supaya tampak lebih bergaya dan progresif. Huruf BSN dikekalkan dalam huruf besar untuk melambangkan keteguhan dan kestabilan.

Simbol pokok duit atau lebih dikenali sebagai 'pohon pitis' melambangkan pertumbuhan dan kekayaan. Simbol 'pohon pitis' diadaptasi daripada versi logam timah dengan 13 keping syiling yang dikeluarkan oleh Sultan Muhammad IV dari Kelantan pada tahun 1903 ketika negeri itu masih menjadi sebahagian daripada jajahan Siam. Syiling atau 'pitis' yang bermaksud wang dalam dialek Kelantan merupakan salah satu matawang yang digunakan di Kelantan sehingga tahun 1920.

Simbol 'pohon pitis' dikekalkan tetapi diubah dengan grafik moden manakala bilangan syiling (coin) pada pohon tersebut ditambah dari 13 menjadi 14 syiling untuk mewakili kesemua negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa BSN menawarkan perkhidmatan kewangan di setiap negeri, wilayah dan semua rakyat di negara ini mempunyai akses mudah kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank.

Warna logo juga diubah kepada warna 'Teal' dan putih bagi melambangkan kebolehpercayaan dan keutuhan.

A customised logotype has been created to provide a more stylish and progressive flair to the logo. The letters 'BSN' have been retained in capital letters to signify solid strength and stability.

The money tree symbol, also known as 'pohon pitis', represents growth and wealth. The 'pohon pitis' symbol is an adaptation of the one made of tin metal bearing 13 coins issued by Sultan Muhammad IV of Kelantan in 1903 when it was still a tributary state of Siam. The coin or 'pitis' which in local Kelantanese dialect means money, was one of the denominations in circulation in Kelantan until 1920.

The 'pohon pitis' is retained but modified with a modern graphic treatment and the number of coins on the tree has been increased from 13 to 14 coins to represent all of Malaysia's states and Federal Territories. This shows that BSN serves every state and territory and everyone in the nation has easy access to the Bank's services.

The logo colours have also been changed to a fresh teal and white to symbolise trustworthiness and reliability.

CARTA ORGANISASI
ORGANISATION CHART

Undang-Undang & Sekretariat Korporat
Legal & Corporate Secretariat

Timbalan Ketua Eksekutif Perbankan Runcit
Deputy Chief Executive Retail Banking

- **Peruncitan & Perniagaan Komuniti**
  Retail & Community Business
- **Pembiayaan & Pembangunan Perniagaan**
  Business Financing & Development
- **Distribution**
  Distribution
- **Perniagaan Kad**
  Card Business

Timbalan Ketua Eksekutif Sokongan Perniagaan
Deputy Chief Executive Business Support

- **Operasi Peruncitan Kredit**
  Retail Credit Operations
- **Perbankan Digital**
  Digital Banking
- **Perbendaharaan & Pelaburan**
  Treasury & Investment
- **Khidmat Pengurusan & Pemulihan Hutang**
  Debt Management & Recovery Services
- **Operasi Perbankan**
  Banking Operations

PENGERUSI & LEMBAGA PENGARAH
Chairman & Board of Directors
KETUA EKSEKUTIF
Chief Executive
Timbalan Ketua Eksekutif Sokongan Korporat
Deputy Chief Executive Corporate Support
Pengurusan Sumber Manusia
Human Resource Management
Pentadbiran Am
General Administration
Kewangan
Finance
Keselamatan
Security
Teknologi Maklumat
Information Technology
Timbalan Ketua Eksekutif Strategi & Komunikasi
Deputy Chief Executive Strategy & Communication
Komunikasi Strategik
Strategic Communications
Perbankan Islam
Islamic Banking
Strategi Korporat
Corporate Strategy
Operational Performance Improvement
Operational Performance Improvement
Pembelajaran & Pembangunan
Learning & Development
Jawatankuasa Bagi Lembaga Pengarah
Respective Board Committees
Audit Dalaman
Internal Audit
Pengurusan Risiko
Risk Management
Pematuhan
Compliance

BSN

MEMPERKASAKAN USAHAWAN

WE EMPOWER ENTREPRENEURS

BSN merupakan pembekal pembiayaan mikro terbesar di Malaysia menerusi inisiatif BSN Micro/i, yang meliputi 53% daripada industri pembiayaan mikro. Inisiatif ini memberi talian hayat kewangan yang diperlukan oleh perniagaan-perniagaan kecil selain menyediakan pembiayaan bagi membantu mengembangkan perniagaan-perniagaan tersebut. Usaha ini turut disokong dengan penyediaan khidmat nasihat dan latihan percuma berkaitan hal-hal kewangan. Sejak 2007, BSN telah mengagihkan sebanyak RM1.3 bilion pinjaman/pembiayaan kepada lebih 50,000 pelanggan di bawah skim ini.

BSN is the largest provider of micro financing in Malaysia via its BSN Micro/i initiative, serving 53% of the micro financing industry. This extends a much needed financial lifeline to help sustain small business operations and provide funding to help expand their business further. This is complemented with advisory services and free training on financial management. Since 2007, BSN has disbursed RM1.3 billion worth of loans/financings to more than 50,000 customers under this scheme.

Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah

Pengerusi, Bank Simpanan Nasional
Chairman, Bank Simpanan Nasional

PENDAPATAN BERSIH
NET INCOME

RM1.28
bilion billion

Sepanjang tahun 2016, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang agak stabil.

Throughout 2016, the Malaysian economy recorded relatively stable growth.

KENYATAAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

Berikutan penjenamaan semula pada tahun 2015, BSN meneruskan usaha transformasi dan pembaharuan ke atas perkhidmatan dan produk-produk perbankannya pada tahun 2016. Ini merupakan langkah penting dalam usaha memastikan pertumbuhan keuntungan dan kemapanan jangka panjang Bank dan pada masa yang sama memenuhi mandat yang diamanahkan oleh Kerajaan dalam memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat akses perbankan yang komprehensif.

On the heels of its fresh re-branding in 2015, BSN continued to transform and evolve its banking services and products in 2016. This was deemed essential in growing the Bank's profitability and long-term sustainability while fulfilling its role mandated by the Government to ensure that every Malaysian has access to comprehensive banking services.

Di sebalik keadaan tidak menentu dalam ekonomi makro, beberapa strategi dan pendekatan baharu telah diambil dalam memastikan BSN terus memacu langkah ke hadapan. Ternyata, penggunaan teknologi merupakan salah satu sumber pertumbuhan alternatif. Institusi-institusi perbankan perlu berinovasi dalam menyediakan teknologi kewangan yang terkini kepada pengguna dan sentiasa cakna mengenai perubahan teknologi semasa. Justeru itu, BSN terus memberi fokus yang menyeluruh bagi rangkuman kewangan menerusi inovasi teknologi untuk jangkauan yang lebih luas dan keberkesanan yang lebih tinggi. BSN beriltizam untuk menginovasi kaedah-kaedah baharu dalam usahanya memberi kehidupan yang lebih baik kepada para pelanggan menerusi rangkaian perbankan yang meluas dan menawarkan perkhidmatan perbankan yang pelbagai.

PERSPEKTIF EKONOMI PADA 2016

Tahun 2016 diwarnai dengan pelbagai perubahan dasar dan sosio-politik antarabangsa dengan impak yang berlarutan sehingga tahun 2017. Situasi ini telah mencipta ketidakpastian dan ketidaktentuan dalam ekonomi global dan pasaran kewangan lantas mewujudkan satu persekitaran ekonomi yang mencabar. Perkembangan luar jangka seperti referendum Kesatuan Eropah UK (Brexit) serta keputusan pemilihan presiden AS, ditambah lagi dengan ketidakpastian halatuju dasar monetari AS, perubahan mendadak dalam harga komoditi global dan ketidakpastian dalam trajektori pertumbuhan global, telah membentuk satu rentak baharu dalam perjalanan dan perkembangan ekonomi global.

Challenged by greater macro economic uncertainties, new strategies and approaches pave the way forward. Significantly, the use of technology has provided an alternative source of growth. It is important that banks innovate and provide the latest financial technology to consumers, to keep abreast of changing technology. Hence, BSN continues to provide a holistic focus on financial inclusion through technological innovation for greater reach and greater effectiveness. BSN is committed to innovating new service features in its efforts to provide better lives to its customers through its extensive banking network and offering a wide range of banking services.

ECONOMIC PERSPECTIVES IN 2016

2016 was a year characterised by major policy and socio-political shifts whose impact still resonate into 2017. These created uncertainty and volatility for the global economy and financial market smaking for a challenging environment. Unexpected developments such as the UK's EU referendum (Brexit) and the outcome of the US presidential election compounded by uncertainties surrounding the monetary policy path of the US, sharp movements in global commodity prices and the uncertain trajectory of global growth, set a new tone for the global economy and its development.

KENYATAAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

Sepanjang tahun kewangan 2016, Bank Negara Malaysia (BNM) telah terlebih dahulu melaksanakan kalibrasi dasar bagi menyokong pertumbuhan mapan ekonomi Malaysia. Langkah ini beserta pembaharuan asas dan penambahbaikan institusi yang telah dan sedang dilaksanakan, akan menjamin kebingkasan ekonomi dan kewangan Malaysia.

Hasilnya, ekonomi domestik terus mencatatkan pertumbuhan yang membanggakan. Perbelanjaan isi rumah telah didorong oleh pertumbuhan gaji dan pengambilan pekerja, serta sokongan tambahan melalui inisiatif-inisiatif yang disasarkan untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Aktiviti-aktiviti pelaburan terus dipandu oleh pelaksanaan berterusan projek-projek infrastruktur dan perbelanjaan modal. Pada masa yang sama, pelaburan berterusan membuka ruang untuk meningkatkan mobiliti dan berupaya melengkapkan warga kerja dengan kemahiran-kemahiran yang relevan serta kebersediaan bagi merebut peluang-peluang baharu dalam persekitaran yang sering berubah.

PRESTASI KEWANGAN 2016

Di sebalik persekitaran operasi yang mencabar, BSN masih mengekalkan prestasi kewangan yang kukuh dengan catatan keuntungan selepas

During the year, Bank Negara Malaysia (BNM) implemented pre-emptive policy calibrations to support the sustainable growth of the Malaysian economy. This, together with previous and ongoing fundamental reforms and institutional improvements, ensured Malaysia's continued economic and financial resilience.

Hence, the domestic economy continued to record commendable growth. Household spending was supported by continued wage and employment growth, with additional lift from targeted measures for low and middle-income households. Investment activities continued to be anchored by the ongoing implementation of infrastructure projects and capital spending. At the same time, ongoing investments to improve labour mobility and quality equip the workforce with the relevant skills and readiness to tap new opportunities in a fast-changing environment.

2016 FINANCIAL PERFORMANCE

Despite the challenging operating environment, BSN maintained strong financial performance with profit after tax and zakat of RM57.18 million generated by revenue of RM1.94 billion, an increase of 3.10% compared to the previous financial year. BSN also recorded a net income of RM1.28 billion compared to RM1.13 billion recorded in the previous financial year.

RM1.94

Bilion Billion

HASIL
REVENUE

Pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2016 telah berkembang pada kadar yang sederhana disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi dunia.

Global economic growth in 2016 was moderate due to global economic uncertainties.

RM57.18

Juta Million

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT

Profit After Tax and Zakat

Di sebalik persekitaran operasi yang mencabar, BSN masih mengekalkan prestasi kewangan yang kukuh.

Despite the challenging operating environment, BSN maintained strong financial performance.

cukai dan zakat berjumlah RM57.18 juta yang dijana oleh hasil berjumlah RM1.94 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 3.10% berbanding catatan pada tahun kewangan sebelumnya. BSN juga telah mencatatkan pendapatan bersih berjumlah RM1.28 bilion berbanding RM1.13 bilion yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelum ini.

Jumlah Pinjaman meningkat dengan pertumbuhan sebanyak 4.88% kepada RM21.09 bilion, yang disokong oleh pertumbuhan Pinjaman Sewa Beli sebanyak 57.02% yang membawa kepada catatan RM633.73 juta. Ini diikuti oleh Pinjaman/Pembiayaan Perumahan sebanyak 21.75%, Kad Kredit sebanyak 15.38%, Mikro Kewangan sebanyak 13.18% dan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi sebanyak 2.38%. Jumlah deposit menurun sebanyak 6.13% pada 2016 kepada RM25.90 bilion (2015: RM27.59 bilion) sejajar dengan penurunan dalam deposit daripada institusi korporat sebanyak 22.87% kepada RM10.74 bilion.

Total Loans continued to rise with growth of 4.88% to RM21.09 billion, supported by the spike in Hire Purchase Loans by 57.02% amounting to RM633.73 million. This was followed by Housing Loans/Financing of 21.75%, Credit Cards of 15.38%, Micro Financing of 13.18% and Personal Loans/Financing of 2.38%. Total deposits decreased by 6.13% in 2016 to RM25.90 billion (2015: RM27.59 billion) in line with the decline in deposits from corporate institutions by 22.87% to RM10.74 billion.

KENYATAAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

Dengan pendekatan ini, BSN telah menempatkan Mesin Juruwang Maya (VTM) di 34 cawangan BSN dengan sokongan 447 Ejen Juruwang Maya (VTA).

Leveraging this, BSN has placed Virtual Teller Machines (VTM) at 34 BSN branches with the support of 447 Virtual Teller Agents (VTA).

Sumbangan terbesar adalah melalui sektor Perbankan Islam dimana pendapatan operasinya mencatatkan hasil berjumlah RM1.04 bilion pada tahun 2016 dan keuntungan selepas zakat dan cukai berjumlah RM55.77 juta. Pencapaian ini didorong oleh aktiviti pembiayaan dan pendahuluan yang meningkat sebanyak RM547.13 juta atau 4.06%, yang mana telah menyumbang sejumlah RM897.93 juta atau 5.58% daripada hasil Operasi Perbankan Islam bagi tahun 2016. Pertumbuhan pembiayaan berasaskan Syariah dijangka terus dipacu oleh trend permintaan pasaran yang kukuh.

Sektor ini dibantu oleh usaha berterusan Kerajaan membangunkan sektor-sektor pertumbuhan baharu sejajar dengan visinya untuk menjadikan Malaysia pusat perkhidmatan kewangan Islam dunia menjelang 2020, di mana aset-aset Perbankan Islam disasarkan akan membentuk 40% daripada keseluruhan sistem perbankan menerusi pelbagai produk pembiayaan Islam. Kebingkasan sektor ini juga terus didukung oleh beberapa platform dan dasar-dasar kewangan Islam yang baharu.

MENGOPTIMAKAN TEKNOLOGI

BSN sedang melaksanakan transformasi ke atas produk-produk dan perkhidmatannya agar dapat menarik minat pelanggan-pelanggan baharu dari pelbagai generasi terutamanya generasi digital. Dengan pendekatan ini, BSN telah menempatkan Mesin Juruwang Maya (VTM) di 34 cawangan BSN dengan sokongan 447 Ejen Juruwang Maya (VTA). Langkah strategik ini merupakan inisiatif jangka panjang untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kami dengan menyediakan lebih banyak pilihan dan kemudahan untuk pelanggan Generasi Y.

Sejak diperkenalkan pada Disember 2015, bilangan VTM meningkat kepada 99 unit berbanding 12 unit ketika mula beroperasi di cawangan-cawangan BSN yang terpilih. Sejumlah 4,207 transaksi telah direkodkan pada bulan pertama pelaksanaan sistem VTM dan bilangan transaksi yang dilakukan oleh para pelanggan terus bertambah sehingga 31 Disember 2016 dengan rekod sebanyak 218,138 transaksi.

On the Islamic Banking front, operating income recorded a revenue of RM1.04 billion in 2016 and profit after zakat and taxation amounted to RM55.77 million. This achievement was driven by financing and advances activities which rose by RM547.13 million or 4.06%, contributing a total of RM897.93 million or 5.58% of the total revenue of Islamic Banking Operations for the year 2016. The growth of Shariah-based financing is expected to continue being driven by strong market demand trends.

The sector is sustained by the Government's ongoing efforts to develop new growth areas in line with its vision to make Malaysia as a global Islamic financial services center by 2020, whereby Islamic Banking assets are targeted to make up 40% of total banking system through the diversity of Islamic financing products. New Islamic financial platforms and policies continue to uphold the resilience of this sector.

OPTIMISING TECHNOLOGY

BSN is in the midst of transforming its products and services to attract new customers from various generations, especially the digital generation. Leveraging this, BSN has placed Virtual Teller Machines (VTM) at 34 BSN branches with the support of 447 Virtual Teller Agents (VTA). This strategic step is a long-term initiative to improve the quality of our services by providing more options and facilities for Generation Y customers.

Since its introduction in December 2015, the number of VTMs has increased to 99 units compared to 12 units when it started operating at selected BSN branches. A total of 4,207 transactions were recorded during the first month of the implementation of the VTM system and the number of transactions made by customers continued to increase until 31st December 2016 with a record of 218,138 transactions.

BSN menjadi bank perintis dalam industri perbankan dengan menawarkan perkhidmatan perbankan hasil gabungan teknologi terkini dan sentuhan manusia.

Sistem VTM menyumbang kepada satu tahap produktiviti, kecekapan dan pengalaman pelanggan yang lebih baik. Dengan kombinasi teknologi dan pengalaman perbankan yang unik, ia mengimbangi beban kerja di antara cawangan di mana para pelanggan di cawangan-cawangan yang sibuk boleh melakukan transaksi melalui VTM dengan bantuan teller dari cawangan-cawangan yang kurang sibuk di seluruh negara. Para pelanggan boleh melakukan transaksi sepertimana kaunter tanpa kekangan geografi selain menikmati perkhidmatan kewangan profesional yang lebih selesa dan khusus.

Perkhidmatan VTM menyediakan lebih 80% perkhidmatan kaunter, iaitu satu penambahbaikan kepada penggunaan ATM dan CDM pada masa ini. Di masa hadapan, VTM juga akan menawarkan beberapa perkhidmatan tambahan termasuk pembukaan akaun dan pengeluaran kad debit, pengurusan maklumat pengguna dan pembayaran bil.

Sejajar dengan hasrat pembangunan Malaysia untuk menjadi sebuah negara progresif berpendapatan tinggi, BSN menyedari bahawa evolusi teknologi yang lebih tinggi boleh menjadi cara yang berkesan untuk meletakkan BSN di teraju industri. BSN beriltizam untuk terus cakna mengenai perkembangan dalam dunia IT menerusi kerjasama rapat dengan rakan-rakan teknologi kami.

MEMPERLUASKAN TAWARAN

BSN terus menyahut seruan Kerajaan dengan mandat utamanya untuk menggalakkan simpanan di kalangan rakyat Malaysia. BSN terus menjalankan promosi dan pemasaran bagi menggalakkan amalan menyimpan, terutamanya menerusi Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) yang merupakan skim simpanan yang unik dan tersendiri di kalangan produk simpanan yang ditawarkan.

BSN has positioned itself as a pioneer in the banking industry by offering banking services using a combination of the latest technology and personal touch.

The VTM system contributes to a higher level of productivity, efficiency and better customer experience. With a unique combination of technology and personalised experience, it balances the workload among branches whereby customers at busy branches can make transactions with teller assistants from less busy cities throughout the country. Customers can conduct counter transactions without geographical constraints as well as enjoy more professional and dedicated professional financial services.

VTM offers over 80% of counter services, an increase over current ATM and CDM usage. In the future, VTM will also offer several additional services including account opening and debit card generation, user information management and billing payments.

Moving forward, in line with further developing Malaysia into a progressive high-income nation, we are mindful that a further evolution of technology could become an effective tool in positioning BSN at the forefront of the industry. We intend to keep abreast with IT developments through strong collaboration with our technology partners.

EXPANDING OFFERINGS

BSN continues to respond to the Government's mandate to encourage savings among Malaysians. BSN promotes the habit of savings through its marketing and promotional activities especially BSN SSP, a unique savings scheme amongst its range of savings products..

KENYATAAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

Pengenalan kempen '7 Jutawan' bagi BSN SSP menawarkan ganjaran RM1 juta pada setiap Cabutan Istimewa dari bulan Jun sehingga Disember 2016. Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menerapkan budaya menabung di kalangan belia, BSN turut memperkenalkan satu kategori cabutan baharu iaitu Cabutan Remaja. Ini merupakan satu usaha berdaya maju ekoran pertumbuhan segmen belia yang meningkat 39% pada tahun 2015 berbanding 9% pada tahun 2014.

Sehingga 31 Disember 2016, BSN SSP telah berjaya mengumpul simpanan sebanyak RM3.3 bilion dengan 2.74 juta pendeposit. Ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan dengan kenaikan 10.9% dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM2.93 bilion simpanan oleh 2.3 juta pendeposit. Kini, BSN SSP telah memasuki tahun ke-39 sejak pengenalannya pada 1978 dan terus memperluaskan tawarannya kepada rakyat Malaysia menerusi pelbagai kempen yang menarik.

Selain itu, BSN turut diberi mandat untuk menyalurkan kemudahan pembiayaan mikro kepada perusahaan dan para usahawan dalam sektor pembuatan, peruncitan, pemborongan dan juga perkhidmatan dalam mengembangkan lagi perniagaan mereka. Melalui Skim Pembiayaan BSN Mikro/i, BSN telah berjaya membantu lebih 50,000 pelanggan seluruh Malaysia sejak diperkenalkan pada tahun 2007 dengan jumlah pembiayaan keseluruhan mencecah lebih daripada RM1.3 bilion. Malah setelah hampir sepuluh tahun, BSN telah berjaya melahirkan 18,000 usahawan mikro yang kini telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi. BSN mengungguli pasaran pembiayaan mikro di Malaysia dengan pegangan sebanyak 53%.

Dalam menyahut seruan Kerajaan untuk meningkatkan tahap dan kualiti hidup masyarakat luar bandar dalam menyediakan akses perbankan, perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSN tidak hanya terhad kepada cawangannya sahaja. BSN turut menjadi peneraju utama Ejen Bank Berdaftar atau lebih dikenali sebagai EB BSN dalam merealisasikan rangkuman kewangan secara menyeluruh. Sehingga Disember 2016, jumlah EB BSN meningkat 9.3% dari tahun sebelumnya iaitu dari 6,238 kepada 6,876 ejen meliputi 97% daripada 886 mukim di Malaysia.

The introduction of the '7 Millionaires' campaign for BSN SSP has offered a RM1 million reward in every Special Draw from June to December 2016. In line with the Government's efforts to incorporate a saving culture among youths, BSN also introduced a new category of draws namely Junior Draw. This is a viable effort following the growth of its youth segment which rose 39% by 2015 compared to 9% in 2014.

As of 31st December 2016, BSN SSP has managed to accumulate savings of RM3.3 billion with 2.74 million depositors. This is a remarkable achievement with a 10.9% increase from the previous year of RM2.93 billion in savings and 2.3 million depositors. Currently, BSN SSP has entered its 39th year since its introduction in 1978 and continues to expand its offerings to Malaysians through various exciting campaigns.

In addition, BSN is also mandated to channel micro financing facilities to enterprises and entrepreneurs for the manufacturing, retail, wholesale and services sectors in further expanding their business. Through the BSN Micro Financing scheme, BSN has successfully assisted over 50,000 customers throughout Malaysia since its introduction in 2007 with total funds totaling more than RM1.3 billion. Even after almost ten years, BSN has successfully produced 18,000 micro entrepreneurs who have now managed to take their business to a higher level. BSN also has 53% shareholding in the microfinance market in Malaysia.

In response to the Government's call to improve the quality of life of rural communities in providing banking access to those in need, the services offered by BSN are not limited to branches only. BSN is also a key player in the Banking Agents service or better known as EB BSN in realizing overall financial inclusion. As of December 2016, the number of EB BSN increased 9.3% from the previous year from 6,238 to 6,876 agents covering 97% of 886 districts in Malaysia.

BSN juga telah melancarkan tiga lagi Pusat Pembiayaan Automobil atau *Auto Finance Centre* (AFC) di Selangor, Pulau Pinang dan Johor menjadikan jumlah AFC BSN sebanyak empat buah termasuk satu di Kuala Lumpur. AFC BSN berfungsi sebagai pusat sehenti bagi semua operasi jualan, pembiayaan dan pengeluaran selain memastikan semua urus niaga pelanggan dan pengedar kereta dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan setanding dengan kehendak pasaran.

BSN terus menyokong inisiatif Kerajaan dalam melaksanakan mandatnya seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Program Baucar Buku 1Malaysia, Skim Perumahan Belia (SPB), dan Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet.

TADBIR URUS KORPORAT YANG MANTAP

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya dalam melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang mantap, telus dan teratur. Kajian semula dibuat untuk menilai kecukupan kawalan serta rangka kerja pengurusan risiko bagi memastikan ia sejajar dengan amalan terbaik tadbir urus korporat. BSN menekankan kepentingan integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam semua urus niaga kami.

BSN mematuhi dan terus komited dalam menegakkan prinsip-prinsip urus tadbir korporat dan berpegang teguh kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Tadbir Urus Korporat Pengarah bagi Institusi-Institusi Kewangan Pembangunan (IKP).

Laporan terperinci mengenai amalan tadbir urus korporat boleh didapati di halaman 72 hingga 77 laporan tahunan ini.

BSN has also launched three other Auto Finance Centres (AFC) in Selangor, Penang and Johor bringing the total number of BSN AFCs to four, including one in Kuala Lumpur. BSN AFC serves as a one stop center for all sales operations and financing, and ensures that all customer transactions and car dealerships are implemented more quickly and effectively in line with market expectations.

BSN continues to support the Government's initiative in implementing its mandate such as the 'Bantuan Malaysia 1Malaysia (BR1M)', 1Malaysia Book Voucher Programme, Youth Housing Scheme (YHS), and the Estate Worker's Special Housing Financing Scheme.

STRONG CORPORATE GOVERNANCE

The Board is fully committed to implementing sound, transparent and orderly corporate governance practices. Reviews are regularly made to assess the adequacy of controls and risk management framework and ensure that these are in line with best practices on corporate governance. BSN emphasizes the importance of integrity, transparency and accountability in all our transactions.

BSN adheres to and continues to be committed in upholding corporate governance principles and adheres to the Guidelines on Bank Negara Malaysia on the Directorate of Corporate Governance Standards for Development Financial Institutions (IKP).

Detailed reporting on corporate governance practices can be found on pages 72 to 77 of this annual report.

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya dalam melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang mantap, telus dan teratur.

The Board is fully committed to implementing sound, transparent and systematic corporate governance practices.

KENYATAAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

MENDUKUNG TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Di BSN, kami sentiasa berusaha gigih untuk mempertingkatkan nilai pemegang berkepentingan dalam setiap perkara yang kami lakukan. Ia bukan sekadar memenuhi keperluan pelanggan, malah mendukung tanggungjawab korporat kami.

Pada masa yang sama, kami berusaha memberikan warga kerja kami ganjaran yang sesuai dan persekitaran kondusif di tempat kerja. Kami menyokong pembangunan komuniti menerusi pelbagai program melibatkan pemegang berkepentingan dari segenap lapisan masyarakat selari dengan visi kami agar 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'.

WARGA KERJA KAMI

Kemampuan Bank dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat adalah hasil sikap dedikasi dan profesionalisma yang ditunjukkan oleh setiap warganya. BSN menghargai bakat-bakat wargakerjanya dan komited untuk terus memperbaiki aspek pengurusan dan pembangunan warga BSN.

Pada 2016, sebanyak 304 latihan dalaman dan luaran telah dianjurkan dengan pelaburan berjumlah RM13.8 juta bagi memberi latihan dalam pembangunan kepimpinan, teknikal dan kemahiran insaniah bagi warga kerja BSN.

BSN juga terus melantik, melatih dan membangunkan bakat yang berkebolehan untuk mengisi keperluan kepimpinan kami di seluruh negara dan memastikan pertambahan kumpulan bakat untuk industri.

Beberapa program pembangunan profesional yang telah dijalankan termasuk Program Latihan 'Core Leadership Competencies (CLC)' bagi eksekutif-eksekutif di BSN, Program Pembangunan Operasi di Cawangan yang dihadiri oleh Ketua-Ketua Operasi di setiap negeri serta 'Executive Coaching' untuk semua Ketua-Ketua Jabatan.

UPHOLDING SOCIAL RESPONSIBILITY

At BSN, we strive hard to improve value to our stakeholders in everything we do. This not only fulfills the needs of our customers but also supports corporate responsibility efforts.

At the same time, we strive to provide our staff with a rewarding and conducive workplace. We support the development of the community through various programmes involving stakeholders from all walks of life in line with our vision of 'No Malaysian Left Behind'.

OUR PEOPLE

The Bank's ability to meet escalating demands is the result of the dedication and professionalism shown by BSN staff. BSN values its talents and is committed to continuously developing the management capabilities and skills of its staff.

In 2016, a total of 304 internal and external trainings were organised with investments of RM13.8 million directed towards staff training in leadership development, technical and soft skills. BSN also continues to design, train and develop talent to fulfill our leadership requirements throughout the country and ensure an increasing talent pool for the industry.

Among other professional development programmes that have been conducted include Core Leadership Competencies (CLC) Training Programme for executives at BSN, Operational Development Programme at Branches attended by Operational Heads in each state as well as, Executive Coaching for all Heads of Department.

> Kemampuan Bank dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat adalah hasil sikap dedikasi dan profesionalisma yang ditunjukkan oleh setiap warganya.
>
> The Bank's ability to meet escalating demands is the result of the dedication and professionalism shown by BSN staff.

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

To ensure sustainable growth

Tindakan Strategik
Strategic Actions

Rancangan belanjawan berhemah dan pengurusan kos yang lebih efisien
Prudent budget planning and more efficient cost management

Sasaran Prestasi 2016
2016 Performance Target

Pulangan ke atas Aset Return on Assets	Pulangan ke atas Ekuiti Return on Equity	Nisbah Modal Berwajaran Risiko Risk Weighted Capital Ratio
0.2%	**3.1%**	**13.8%**

Prestasi Sebenar sehingga 31 Disember 2016
Actual Performance Target as of 31 December 2016

Pulangan ke atas Aset Return on Assets	Pulangan ke atas Ekuiti Return on Equity	Nisbah Modal Berwajaran Risiko Risk Weighted Capital Ratio
0.4%	**4.8%**	**15.3%**

TINJAUAN STRATEGIK
STRATEGIC OUTLOOK

ULASAN EKONOMI & PERBANKAN BAGI 2016

Pada 2016, ekonomi global mengalami pertumbuhan sederhana pada kadar 2.9% (2015: 3.2%) ekoran kelembapan ekonomi-ekonomi utama dunia seperti di Amerika Syarikat, Zon Euro dan China. Prestasi ini didorong oleh ketidaktentuan dan ketidakstabilan berterusan yang melanda pasaran kewangan dan matawang termasuk kesan kenaikan kadar faedah utama seperti yang dikenakan oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, ketegangan geo-politik serta referendum Kesatuan Eropah. Sungguhpun begitu, negara-negara ASEAN berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan sebanyak 4.5% (2015: 4.4%) berikutan permintaan domestik dan perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi. Pada 2016, Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2% (2015: 5%) selaras dengan unjuran Bank Negara Malaysia (BNM). Ini bukanlah satu pencapaian yang mudah kerana pada 2015, negara berhadapan situasi mencabar akibat permintaan luar yang kurang memberangsangkan, impak krisis minyak dan pengurangan dalam perbelanjaan Kerajaan. Pelbagai langkah diambil oleh pihak Kerajaan dan BNM bagi meningkatkan pendapatan boleh guna sekaligus meningkatkan perbelanjaan pengguna seperti pengurangan tanda aras Kadar Dasar Semalaman (KDS) BNM sebanyak 25 mata asas kepada 3% bagi membantu menghasilkan kestabilan dalam ekonomi domestik.

Pertumbuhan pinjaman dalam sektor perbankan jatuh kepada 5.3% tahun-ke-tahun pada 2016 (2015: 7.9%) dengan pertumbuhan pinjaman isi rumah dan bukan isi rumah pada kadar serupa iaitu 5.3% (2015: 7.7% dan 8% masing-masing). Pinjaman isi rumah serta pembiayaan hartanah dan automotif masing-masing mengalami pengecutan kepada 9.2% dan 1%, manakala pinjaman peribadi dan kad kredit masing-masing meningkat kepada 4.6% dan 2.5%.

2016 ECONOMIC & BANKING REVIEW

Global economic growth in 2016 experienced a relatively modest growth of 2.9% (2015: 3.2%) due to slowdown in major economies such as the US, Eurozone and China. This is in tandem with prolonged uncertainty and volatility clouding the financial and currency markets from the timing of key interest rate hike such as by the US Federal Reserve rate (Fed) to geo-political tension as well as the referendum on the EU region. Despite these, ASEAN countries managed to sustain growth momentum of 4.5% (2015: 4.4%), attributed to favorable domestic demand and higher infrastructure spending. Malaysia in 2016, recorded a growth of 4.2% (2015: 5%), which was in line with Bank Negara Malaysia (BNM) projection. However, it was a challenging journey since 2015 as the country was affected by lackluster external demand, significant impact from the oil glut and a cut in Government consumption. Various measures were taken by Government and BNM to boost disposable income to enhance consumer spending, such as the reduction of BNM's benchmark rate of Overnight Policy Rate (OPR) by 25bps to 3%, to help create stability in the domestic economy.

The banking sector's loan growth moderated to 5.3% YoY in 2016 (2015: 7.9%) with both household and non-household loan growth expanded at a similar rate of 5.3% (2015: 7.7% and 8% respectively). In the household front, the property and automotive financing witnessed a contraction to 9.2% and 1% respectively, while the personal loans and credit card expanded by 4.6% and 2.5% respectively.

TINJAUAN PERBANKAN RUNCIT PADA 2017

Selepas mencatat pertumbuhan sederhana sepanjang dua tahun sebelumnya, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sehingga 4.8% (±3%) pada 2017. Ini didorong oleh permintaan domestik yang tinggi (terutamanya dalam perbelanjaan pengguna), peningkatan pelaburan swasta dan pemulihan harga komoditi.

Sektor perbankan menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun ini dan ia dijangka kekal stabil dengan adanya projek-projek infrastruktur kerajaan yang akan menyokong pertumbuhan pinjaman perniagaan walaupun dalam persekitaran operasi dan landskap kewangan yang mencabar. Ringgit juga dijangka lebih kukuh apabila keadaan ekonomi mulai stabil, lantas memulihkan sentimen pengguna untuk membeli barangan bernilai tinggi seperti hartanah dan kereta.

2017 RETAIL BANKING OUTLOOK

After two years of soft economic growth, Malaysia's economy is projected to expand by 4.8% (±3%) in 2017, spurred by supportive domestic demand growth (particularly consumer spending), faster growth in private investment and recovery in commodity prices.

The banking sector started with a promising growth this year and the outlook is anticipated to remain stable with ongoing government infrastructure projects that would support the growth of business loans, albeit challenging operating environment and financial landscape. Furthermore, the Ringgit is expected to be less volatile as the economy stabilizes, which will then improve consumer sentiment to purchase big ticket items such as property and car.

TINJAUAN STRATEGIK
STRATEGIC OUTLOOK

Pinjaman Perumahan

Permintaan pinjaman mencatatkan pengurangan sebanyak 3% pada 2016 berbanding peningkatan sederhana sebanyak 1% pada 2015. Walau bagaimanapun, pasaran hartanah dijangka lebih berdaya saing dengan pembangunan yang lebih bersepadu terutamanya di bandar-bandar besar yang memiliki rangkaian pengangkutan awam dan kemudahan. Pada Belanjawan 2017, Kerajaan turut memberi penekanan ke atas penyediaan perumahan mampu milik. Selain itu, pelbagai skim pembiayaan akhir telah diperkenalkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapat akses kepada pembiayaan kredit.

Mortgage

Loan demand as measured by loan applications remains weak with a reduction of 3% in 2016 as compared to a moderate expansion by 1% in 2015. However, property market is anticipated to become more resilient with greater integrated developments, particularly in larger cities with connectivity to public transportation and amenities. In Budget 2017, the government has put greater emphasis on supply of affordable housing. Besides that, many end-financing scheme was introduced to assist the lower and middle income earners to have access to credit financing.

Sewa Beli

Penambahbaikan dalam sistem pengangkutan awam iaitu transit aliran ringan (LRT) serta pelancaran Aliran Transit Massa (MRT) dilihat akan memberi impak ke atas jualan kenderaan bermotor, terutamanya untuk golongan berpendapatan sederhana berikutan jualan kereta yang rendah pada 2016. Kenaikan harga bagi kereta-kereta import selain nilai Ringgit yang lemah memberi tekanan ke atas jualan kenderaan penumpang. Walau bagaimanapun, dengan strategi pemasaran yang lebih inovatif dan agresif oleh pengeluar kenderaan, keseluruhan volum industri (TIV) untuk kenderaan penumpang diunjurkan mengalami pertumbuhan sederhana sebanyak 1.7% (590,000 unit) pada 2017.

Hire Purchase

The improvement in public transportation system of the light rail transit and the launch of the Mass Rapid Transit (MRT) may further impact the sales of motor vehicles, particularly to the middle income group after rather flat sales for passenger car in 2016. Increase in prices of imported cars from the weakening of Ringgit put a further pressure on sales of passenger vehicles. However, with more innovative and aggressive marketing strategy by marques, the projected growth of total industry volume (TIV) for passenger car may achieve a modest growth of 1.7% (590,000 units) in 2017.

Kredit Peribadi

Peningkatan kos sara hidup dan kesukaran dalam pengambilan pekerja dijangka mempengaruhi permintaan kredit peribadi seperti pinjaman peribadi dan kad kredit. Berdasarkan prestasi yang kurang memberangsangkan pada 2016, pinjaman peribadi dijangka bertumbuh perlahan berbanding kad kredit akibat tukar ganti penggunaan had kredit di antara kedua-duanya.

Personal Credit

Growing cost of living and challenging employment environment is expected to influence the demand for personal credit such as personal loan and credit cards. From a bumpy performance in 2016, personal loan is expected to perform at a rather slower pace relative to credit cards, due to tradeoffs between personal loans and credit cards in terms of credit line usage.

Deposit

Berikutan kadar faedah yang rendah iaitu sebanyak 3%, para pelanggan dijangka beralih kepada pelaburan alternatif yang mampu memberi pulangan yang lebih baik. Bagi deposit runcit, kos sara hidup yang lebih tinggi dan pendapatan boleh guna yang lebih rendah mungkin menjejaskan hasrat pelanggan untuk menabung, terutamanya bagi golongan berpendapatan sederhana. Keadaan bertambah sukar dengan persaingan sengit di dalam industri untuk menambah pendeposit. Pertumbuhan deposit secara keseluruhannya dijangka perlahan terutamanya bagi deposit perniagaan.

Deposits

With the current low interest rate environment of 3%, it is expected that customers would search for alternative investments for better returns. For retail deposits, higher cost of living and lower disposable income may hamper customers' intention to save, particularly the middle income earners. This is further exacerbated by stiff competition in the industry to attract deposits. Overall deposit growth is expected to be slow hampered mainly by business deposits.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pertumbuhan pinjaman dalam industri perbankan dijangka mengalami peningkatan pada tahun ini, dengan persekitaran ekonomi yang dijangka lebih kondusif pada 2017. Walau bagaimanapun, tahap kebolehmampuan rakyat Malaysia serta hutang isi rumah yang tinggi akan menjadi pemangkin utama kepada prestasi positif sektor perbankan. Pengabaian dan penjejasan yang lebih tinggi dijangka berlaku sejajar dengan peningkatan kos sara hidup. Institusi-institusi perbankan akan terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengawal kemerosotan terutamanya dengan persaingan yang sengit dalam sektor ini.

Conclusion

Overall, banking industry loan growth is expected to witness a slight upbeat trend this year, with a more conducive economic environment expected in 2017. However, affordability of Malaysians coupled with high household debt will be a key catalyst for a positive banking sector performance. Higher delinquent and impairment are expected to increase in tandem with increasing cost of living. Banks are expected to remain cautious and will be taking adequate measures to control impairment in the environment with heightened competition in the sector.

BSN PADA 2017

Pada masa hadapan, BSN akan terus memenuhi mandatnya dalam menyokong agenda rangkuman kewangan Malaysia menerusi perluasan jangkauan rangkaian Ejen Bank BSN (EB BSN). Sehingga kini, EB BSN telah merangkumi 97% mukim di Malaysia dan berhasrat untuk memperluaskan lagi jangkauannya. Selain itu, BSN akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti utamanya seperti kempen cabutan BSN SSP, program-program sekolah dan kelab penyimpan yang telah dijenamakan semula iaitu BSN Smart Junior, sebagai sebahagian daripada inisiatif mendorong amalan menabung terutamanya di kalangan penyimpan kecil. Manakala, bagi memenuhi keperluan usahawan mikro yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka, satu produk pembiayaan mikro yang menawarkan jumlah pembiayaan yang lebih tinggi akan dilancarkan pada 2017.

Bagi merebut peluang atas permintaan yang semakin meningkat untuk rumah mampu milik terutamanya yang bernilai RM500 ribu ke bawah, BSN akan membangunkan portfolio pinjaman perumahannya menerusi Skim Perumahan Belia (SPB) pada tahun ini. Bagi menjadikan produk ini lebih menarik, BSN dengan kelulusan Kementerian Kewangan telah menyemak semula beberapa terma dan syarat bagi SPB seperti had umur dan status perkahwinan. SPB kini ditawarkan untuk individu yang sudah atau belum berkahwin serta merangkumi kumpulan sasaran berusia di antara 21 hingga 45 tahun. BSN juga berhasrat memperluaskan lagi tawaran produk sewa belinya seperti menawarkan pembiayaan kenderaan penumpang terpakai selain produk-produk yang dimandatkan untuk bersaing di pasaran. Hasrat utama BSN dalam menawarkan produk-produk yang dimandatkan ini adalah untuk memastikan segmen-segmen terpinggir di dalam masyarakat mendapat peluang sama rata untuk membina kehidupan yang lebih baik.

BSN berhasrat untuk memperkenalkan program kesetiaan yang ditambahbaik untuk pelanggan kad kreditnya selain menawarkan program wang tunai dan produk-produk unik dan menarik kepada pasaran yang terpilih. BSN akan turut mempertingkatkan tawaran produk pinjaman peribadinya kepada orang ramai.

Bagi memastikan kesemua inisiatif Bank berjalan dengan lancar, BSN akan terus menggunakan inovasi digitalnya sebagai kunci utama kepada operasi yang lebih efisien dan berkebolehan. Dengan adanya inisiatif ini, para pelanggan kami boleh menikmati pengalaman perbankan peribadi yang lebih memuaskan.

BSN IN 2017

Looking forward, BSN will continue to deliver its mandate in support of Malaysia's financial inclusion agenda through further expansion of BSN Banking Agents (EB BSN) network. To date, EB BSN has covered 97% of sub-districts (mukim) in Malaysia and we are looking to increase our coverage. Additionally, BSN will remain focus on key activities such as BSN SSP campaign, school programme and newly rebranded savers club, BSN Smart Junior as part of the initiatives on the promotion and mobilisation of savings, especially to small savers. Whereas, in order to better meet the needs of micro entrepreneurs who would like to expand their business, a new Micro Finance product which offers higher financing amount is expected to be launched in 2017.

With the snowballing demand for affordable housing, particularly houses priced below RM500k, BSN will seize the opportunity to further grow its mortgage portfolios especially through the Youth Housing Scheme (YHS) this year. In order to make the product more appealing, BSN with MOF approval has revised certain terms and conditions of YHS such as age and marital status whereby YHS is now available for both single and married couples and the target age group has expanded from 21 to 45 years old. BSN also aims to continue to expand its product offering for hire purchase such as offering secondhand passenger vehicles financing as well as its mandated products to compete in the market. BSN's primary focus in offering mandated products is to ensure unserved segments of the society will have equal opportunity for a better life.

BSN also endeavours to introduce enhanced loyalty programmes for its credit card customer besides offering attractive easy cash programmes and differentiated product to selected target market. For personal loan, it aims to beef up the product offering to the mass market.

As an effort to ensure smooth delivery of the initiatives, BSN will continue to leverage on digital innovation which is the key enabler for an efficient and more capable operational function. With this initiative, our customers can enjoy a more personalised and fulfilling banking experience with us.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

Tahun 2016 merupakan kesinambungan daripada penjenamaan semula imej Korporat BSN yang mencerminkan kesungguhan, komitmen dan tekad BSN dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan mudah diakses oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Transformasi dan elemen perubahan dipertingkatkan untuk BSN terus berdaya saing dalam menawarkan perkhidmatan yang pelbagai, komprehensif serta setanding dengan bank komersial yang lain.

BSN terus mengadakan pelbagai inisiatif bagi menyokong rangkuman kewangan yang menyeluruh dengan mengadakan pelbagai program kerjasama, majlis pelancaran produk, kempen-kempen iklan dan promosi produk, majlis anugerah dan lain-lain lagi.

Berikut adalah inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh BSN sepanjang tahun 2016.

The year 2016 saw continued emphasis on the re-branding of BSN's corporate image to reflect the passion, commitment and determination of BSN in providing the best service and access to all Malaysians, especially those living in rural and remote areas.

The transformation and elements of change have been heightened to enable BSN to provide competitive services and a more comprehensive array of diverse products so as to be on par with other commercial banks.

BSN continues to undertake various initiatives to support a comprehensive financial inclusion agenda by holding various collaborative programmes, product launches, product advertising and promotion campaigns, awards and more.

The following initiatives were implemented by BSN in 2016.

19 JANUARI • JANUARY

Hospital Sungai Buloh, Selangor

'BSN PUTRAJAYA NIGHT MARATHON' (BSN PNM)

BSN PNM merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara bersama oleh Bank sejak 2011. Menerusi penganjuran BSN PNM, pihak Bank telah berjaya mengutip dana daripada para penaja korporat kepada penerima-penerima yang terpilih.

Pada 2015, acara ini telah dibatalkan ekoran jerebu, namun pihak Bank telah berjaya mengumpul RM100,000 menerusi acara Larian Korporat 10 km Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial BSN. Dana tersebut telah disumbangkan kepada wad-wad pediatrik di Hospital Sungai Buloh, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Selayang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

BSN PUTRAJAYA NIGHT MARATHON (BSN PNM)

BSN PNM is an annual activity that the Bank has been co-hosting since 2011. Through BSN PNM, the Bank has been raising funds from its corporate sponsors to be given to those selected and identified recipients or beneficiaries.

In 2015, even though the event was canceled due to the haze, the Bank raised RM100,000 through the Corporate Social Responsibility (CSR) 10 km Corporate Run; one of BSN's social responsibility initiatives. The fund was donated to the paediatric wards of Sungai Buloh Hospital, Kuala Lumpur General Hospital, Selayang Hospital and Tengku Ampuan Rahimah Hospital, Klang.



30 JANUARI • JANUARY

Sri Pentas, Bandar Utama

SIMPAN, SIMPAN, SIMPAN DAN NIKMATI GANJARANNYA BSN SSP

Pada 2016, BSN SSP telah tampil dengan konsep baharu, 'Simpan, simpan, simpan dan nikmati ganjaran" dalam usaha memperkasakan amalan menabung dalam kalangan rakyat Malaysia sekaligus memberi pulangan ke dalam akaun penyimpan BSN SSP.

Nilai keseluruhan ganjaran dikekalkan sebanyak RM18 juta dan bilangan pemenang telah dinaikkan daripada 88,000 kepada 320,000 bagi menarik minat para penyimpan untuk menyimpan di dalam BSN SSP.

Bagi mendidik penyimpan untuk mengekalkan simpanan, BSN akan meneruskan cabutan bulanan, tempatan dan cabutan istimewa. Hadiah utama cabutan bulanan ialah kereta mewah seperti BMW520i, BMW 320I, Mercedes E200 dan Mercedes C200. Bagi cabutan tempatan, BSN menawarkan Perodua Axia dan cabutan istimewa menawarkan hadiah RM1 juta.

SAVE, SAVE, SAVE AND ENJOY REWARDS WITH BSN SSP

In 2016, BSN came up with a new concept "Save, Save, Save and Enjoy Rewards" promotion of its Premium Savings Certificates (BSN SSP) to empower a saving culture among Malaysians as well as to provide returns to BSN SSP account holders.

The total value of the reward was maintained at RM18 million and the number of winners was raised from 88,000 to 320,000 to encourage more BSN SSP depositors to save with BSN SSP.

In educating depositors to retain their savings, BSN resumed its monthly, local and special draws. The main prizes of monthly draws were luxury cars like BMW520i, BMW 320I, Mercedes E200 and Mercedes C200. For local draws, BSN offered the Perodua Axia, while special draws continue to offer a RM1 million cash prize.

18 FEBRUARI • FEBRUARY

Wisma BSN, Kuala Lumpur

PENYERAHAN VAN JENAZAH

BSN telah menyumbangkan sejumlah 17 buah van jenazah bernilai RM120,000 setiap satu kepada masjid-masjid dan institusi-institusi Islam di seluruh negara. Jumlah ini mewakili RM2,040,000.00 dalam zakat perniagaan di bawah Skim Perbankan Islam (IBS) bagi agenda pembangunan sosial masyarakat Islam. Masjid-masjid dan institusi-institusi terbabit dipilih berdasarkan keperluan masing-masing.

Sejak 2010, sejumlah 95 buah van jenazah telah disumbangkan sebagai sebahagian daripada sumbangan zakat BSN.

DONATION OF HEARSES

BSN presented a total of 17 hearses worth RM120,000 each to mosques and Islamic institutions throughout the country. This represented a total sum of RM2,040,000.00 in business zakat under the Islamic Banking Scheme (IBS) towards the social development agenda of the Muslim community. The mosque and institutions that received the hearses were selected based on their individual needs.

Since 2010, a total of 95 hearses have been donated as part of the zakat contribution by BSN.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

24 FEBRUARI • FEBRUARY - 2 MAC • MARCH

8 peringkat di Semenanjung Malaysia • 8 stages in Peninsular Malaysia

BSN TAJA LE TOUR DE LANGKAWI (LTdL) 2016

Buat pertama kalinya, BSN menaja Le Tour de Langkawi 2016 (LTdL 2016) yang merupakan penganjuran edisi ke 21 perlumbaan berbasikal elit.

Melalui penajaan ini, ianya secara tidak langsung, dapat memperkenalkan imej korporat BSN kepada rakyat Malaysia sepanjang jelajah LTdL berlangsung. Ianya juga dapat membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna kepada setiap pelanggan selari dengan visi baharu BSN iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'.

Sepanjang jelajah LTdL 2016 berlangsung, pelbagai aktiviti serta promosi produk BSN dijalankan seperti Pembiayaan Peribadi dan Rumah, BSN SSP serta Kad Kredit di setiap peringkat garisan penamat.

BSN SPONSORS LE TOUR DE LANGKAWI (LTdL) 2016

For the first time, BSN sponsored LTdL 2016 the 21st edition of the elite cycling race.

Through this sponsorship, indirectly it has introduced BSN's new corporate image to Malaysians during the LTdL tour and build a meaningful long-term relationship with every customer in line with BSN's vision of 'No Malaysian Left Behind'.

During the 2016 LTdL tour, various activities and promotions of BSN products such as Personal and Home Financing, BSN SSP and Credit Cards were held at the finishing line of each stage of the race.

14 MAC • MARCH

Wisma BSN, KL

MAJLIS PENYERAHAN CEK BAGI KEMPEN 'IMPIAN TUNAI 8 KEMBALI LAGI'

Kempen 'Impian Tunai 8 Kembali Lagi' menyaksikan BSN mengumumkan pemenang utama bagi Kad Kredit/-i 1TeachersCard yang menerima rebat tunai bernilai RM88,888 manakala lapan pemenang individu bulanan masing-masing telah menerima rebat tunai bernilai RM8,888.

Kempen yang dianjurkan buat kali ketiga ini, merupakan salah satu daripada pelbagai saluran yang digunakan oleh BSN untuk mempromosikan kad kredit yang ditawarkan khas untuk para guru serta warga kerja yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan. 1TeachersCard Mastercard-i merupakan kad kredit pertama seumpamanya di Malaysia dan menawarkan yuran pengurusan terendah iaitu pada hanya 8.88% setahun.

Kempen Impian Tunai 8 ini dapat disertai dengan hanya belanja minimum RM88 dengan Kad Kredit/-i 1TeachersCard dan berpeluang memenangi hadiah tunai yang lumayan. Penyertaan adalah automatik dan tiada SMS atau borang penyertaan diperlukan. Kempen ini menawarkan jumlah keseluruhan wang tunai mencecah lebih RM190, 000.

CHEQUE GIVING CEREMONY 'DREAM CASH 8 BACK AGAIN' CAMPAIGN

The 'Dream Cash 8 Back Again' Campaign saw BSN announce 1TeachersCard Credit card-i main winners receiving cash rebates of RM88,888 while eight individual winners received cash rebates worth RM8,888.

The third series of this campaign was one of the many channels used by BSN to promote its credit card specially offered to teachers and staff working under the Ministry of Education. The 1TeachersCard Mastercard-i is the first card introduced in Malaysia that offers the lowest management fee at only 8.88% per annum.

To participate in the 'Dream Cash 8 Back Again' Campaign, a minimum spend of RM88 with 1TeachersCard Credit Card-i is required to stand a chance to win a generous cash prize. Participation is automatic and no SMS or entry form is required. This campaign offered more than RM190,000 cash amount.

17 MAC • MARCH

Menara KL, Kuala Lumpur • KL Tower, Kuala Lumpur

MAJLIS ANUGERAH SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP) 2016

Seramai 116 pemenang individu dan sekolah menerima hadiah wang tunai sebanyak RM200,000 dalam Anugerah Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) peringkat kebangsaan bagi tahun 2015. Sebanyak tiga kategori utama dipertandingkan iaitu Kategori Individu, Kategori Sekolah dan Kategori Tabungan Berhemah.

Sehingga akhir tahun lalu, SGSP telah mencatatkan lebih RM581 juta jumlah simpanan dengan peningkatan sebanyak 13% berbanding tahun 2014. Penyertaan pelajar juga turut meningkat kepada 961,000 pelajar berbanding 800,000 pelajar pada tahun sebelumnya. Manakala penyertaan sekolah pula meningkat sehingga lebih 7,300 buah sekolah di seluruh negara.

Pada majlis yang sama, BSN turut memperkenalkan penjenamaan semula produk simpanan BSN Smart Junior (BSJ) yang dahulunya dikenali sebagai Kelab Penabung Muda (KPM). Ia adalah kelab simpanan untuk pelajar seawal usia 7 sehingga 20 tahun.

SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP) AWARD PRESENTATION 2016

A total of 116 individual and school winners received a total cash prize of RM200,000 at the national level of Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) Award for 2015. The three main categories were Individual, School and Prudent Savings.

As at the end of last year, SGSP had recorded over RM581 million in total savings with an increase of 13% over 2014. Student participation has also increased to 961,000 students compared to 800,000 students in the previous year. While school penetration has increased to more than 7,300 schools across the country.

At the same event, BSN also introduced the re-branding of BSN Smart Junior (BSJ) savings product which was formerly known as the Young Savers Club (KPM); a club for students as young as 7 to 20 years old.

19 MAC • MARCH

Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur

MALAM ANUGERAH EB BSN 2016

Seramai 18 Ejen EB BSN yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam perkhidmatan sepanjang tahun 2015 diiktiraf pada Malam Anugerah EB BSN 2016. Di majlis tersebut, BSN telah menyampaikan anugerah bagi tiga kategori iaitu 13 pemenang bagi Anugerah Kecemerlangan EB BSN Peringkat Negeri, tiga pemenang bagi Anugerah Kecemerlangan, EB BSN Peringkat Kebangsaan dan dua pemenang bagi Anugerah Penghargaan Khas EB BSN.

EB BSN merupakan salah satu saluran perbankan yang ditawarkan oleh BSN melalui ejen-ejen yang berdaftar dengan Bank dengan menawarkan perkhidmatan asas perbankan seperti perkhidmatan Deposit Tunai, Pengeluaran Wang Tunai, Pembayaran Bil, Simpanan BSN SSP, Pembayaran Tanpa Tunai, Pembelian Tambah Nilai Pra-Bayar Telefon Bimbit dan Pembukaan Akaun BSN Giro/Giro-i.

BSN terus kekal relevan sebagai satu-satunya bank yang memberi akses perbankan secara menyeluruh kepada masyarakat terutama di kawasan luar bandar menerusi rangkaian Ejen Bank Berdaftar (EB BSN) sejak pengenalannya pada tahun 2012 dalam usaha membantu Kerajaan mencapai status negara maju.

EB BSN 2016 AWARDS NIGHT

A total of 18 EB BSN agents who have shown their excellence in service throughout the year were recognised during the EB BSN 2016 Awards Night. BSN presented the awards in three categories whereby 13 winners for State Level Category, three winners received the National Level Category and two won Special Appreciation Award.

EB BSN is one of the banking channels offered by BSN through agents registered with the Bank in offering basic banking services such as Cash Deposit, Cash Withdrawal, Bill Payment, BSN SSP Savings, Cashless Cash Payment, Purchase Added Pre-Pay Cell Phone and BSN Giro/Giro-i Account Opening.

BSN continues to be relevant as the only bank that provides overall banking access to the community, especially in rural areas through the EB BSN network since its introduction in 2012 as a concerted effort to help the Government achieve developed nation status.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

1 APRIL • APRIL

Wisma BSN, Kuala Lumpur

PELANCARAN KEMPEN KAD KREDIT BSN 'FIND YOUR HAPPY'

BSN telah melancarkan kempen 'Find Your Happy' iaitu Kempen Kad Kredit yang menawarkan pelbagai ganjaran menarik bernilai lebih RM1 juta termasuk hadiah utamanya iaitu kereta 'Range Rover Evoque' dan lima kereta Honda Jazz.

Ini merupakan kempen pertama yang ditawarkan secara eksklusif kepada para pemegang kad kredit baharu dan sedia ada dimana para pemegang kad kredit berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik sambil menikmati kemudahan serta ganjaran yang ditawarkan bersama kad ini.

Kempen yang bermula dari 1 April sehingga 30 September 2016 ini turut menawarkan 24 Hadiah Bulanan iaitu Pakej Percutian untuk 2 orang di Wyndham Sea Pearl Resort, Phuket dan hadiah mingguan iaitu 6,000 mata Enrich Miles kepada para pemenang.

BSN 'FIND YOUR HAPPY' CREDIT CARD LAUNCH

BSN launched 'Find Your Happy' campaign, a Credit Card Campaign that offers a range of exciting rewards worth more than RM1 million including a top prize of a Range Rover Evoque and five Honda Jazz cars.

This is the first campaign for the year, which offered exclusively to new and existing credit card holders whereby credit card holders have the opportunity to win attractive prizes while enjoying the convenience and rewards offered with this card.

The campaign which ran from 1 April to 30 September 2016 also offered 24 Monthly Prizes - Vacation Packages for 2 at Wyndham Sea Pearl Resort, Phuket and weekly prizes - 6,000 Enrich Miles points to winners.

20-28 APRIL • APRIL

Stadium Mini Tapah, Perak • Tapah Mini Stadium, Perak

MINGGU AMANAH SAHAM MALAYSIA 2016 (MSAM)

BSN telah menyertai Minggu Amanah Saham Malaysia atau lebih dikenal sebagai MSAM yang dianjurkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak.

Acara ini tertumpu kepada pendidikan kewangan bersepadu di bawah tema 'PNB Investment 360' yang telah menarik lebih 215,000 pengunjung dan merupakan platform yang terbaik dalam mempromosikan produk-produk dan khidmat nasihat kewangan BSN bagi produk pinjaman, insurans dan takaful, penulisan wasiat, BSN SSP, kad kredit serta 'unit trust'.

'MINGGU AMANAH SAHAM MALAYSIA' 2016 (MSAM)

BSN participated in the 'Minggu Amanah Saham Malaysia' or known as MSAM organised by Permodalan Nasional Berhad (PNB) and Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) in collaboration with the Perak State Government.

The event focused on integrated financial education under the theme "PNB Investment 360". With over 215,000 visitors it was a good platform to promote BSN's range of products and financial advisory services for loans, insurance and takaful products, will-writing, BSN SSP, credit card and unit trust.

29 APRIL • APRIL - 9 MEI • MAY

Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS)

PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL)

BSN buat kali ketiga berturut-turut, menjadi penaja rasmi bagi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016 (PBAKL 2016) dalam usaha untuk memupuk tabiat suka membaca serta celik huruf dalam kalangan rakyat Malaysia.

Acara yang berlangsung selama 11 hari itu menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih 2 juta pengunjung dari luar dan dalam negara. Sebagai penaja rasmi, BSN turut mempromosikan produk dan perkhidmatan BSN seperti kad kredit, pinjaman dan gadai janji, pembukaan akaun bagi BSN SSP dan BSN Smart Junior (BSJ).

KUALA LUMPUR INTERNATIONAL BOOK FAIR (KLIBF)

For the third consecutive year BSN became an official sponsor of the KLIBF in an effort to foster reading habits and literacy among Malaysians. In line with BSN's brand promise in providing a better life, BSN supports activities that have positive impact among Malaysians.

The 11-day event received an overwhelming response with the presence of more than 2 million from local and foreign visitors. As an official sponsor, BSN promoted BSN products such as credit cards, loans and mortgages, account opening for BSN SSP and BSN Smart Junior (BSJ).

13-16 MEI • MAY

Kompleks Dewan Syarahan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) • Lecture Hall Complex, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

FESTIVAL HARI GURU 2016

Festival Hari Guru Kebangsaan kali ke-45 dianjurkan dengan kerjasama Unit Pendidikan Kumpulan Utusan yang berlangsung selama empat hari dengan membawakan pelbagai aktiviti yang menarik. BSN turut menaja penyampaian anugerah penghargaan kepada tokoh-tokoh guru bagi peringkat Kebangsaan dan Negeri antaranya, Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan, Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan dan Anugerah Tokoh Guru Inovatif.

Sepanjang festival berlangsung, kad kredit BSN 1 Teachers Card menjadi tumpuan sepanjang festival yang merupakan produk ekslusif yang dikhaskan kepada para guru melalui usahasama strategik BSN dan Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB).

TEACHERS' DAY FESTIVAL 2016

The 45th National Teachers' Day Festival in collaboration with the Utusan Group Education Unit lasted for four days with exciting activities. BSN sponsored the presentation of appreciation awards to teachers at National and State levels, the National Teachers' Award, the Leadership Education Award and the Innovative Teachers' Award.

Throughout the festival, the highlight was on the BSN 1 Teachers Card as it promises great savings with an exclusive privilege reserved for teachers through strategic collaboration between BSN and Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB).

27-28 MEI • MAY

Boulevard, Berjaya Times Square, KL

KARNIVAL BSN SSP 2016

Karnival BSN SSP telah mendapat sambutan yang amat meriah lebih-lebih lagi dengan pengumuman ganjaran baharu sejumlah RM1 juta bagi Cabutan Istimewa selama tujuh bulan bermula dari Jun sehingga bulan Disember 2016. Tujuh jutawan BSN telah dilahirkan pada tahun ini berbanding pada tahun- tahun sebelum ini yang hanya melahirkan seorang jutawan BSN pada cabutan di hujung tahun.

Cabutan Bulanan masih lagi menawarkan ganjaran kereta mewah iaitu sebuah BMW dan Mercedes Benz. Selain itu, ganjaran terbaharu ini turut memperkenalkan Cabutan Remaja Khas untuk golongan remaja berusia 12 hingga 17 tahun yang menawarkan ganjaran RM10,000 serta ganjaran lain seperti gajet elektronik.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti cabutan bertuah, persembahan artis, Kidz Talentime, Mystery Box, Giant Jengga, Selfie Box dan banyak lagi.

BSN SSP CARNIVAL 2016

The BSN SSP carnival has received a great deal of appreciation with the new rewards announcement of RM1 million for the Special Draw for seven months from June until December 2016. Seven BSN SSP millionaires were created in 2016 compared to previous years of just one BSN SSP millionaire at the end of the year.

The Monthly Draw still offered rewards of luxury car of BMW and Mercedes Benz. Additionally, a Special Junior Draw reward was introduced for teenagers aged 12 to 17 who will receive rewards of RM10,000 and other prizes such as electronic gadgets.

Various exciting activities were held such as lucky draws, artist performances, Kidz Talentime, Mystery Box, Giant Jengga, Selfie Box and more.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

15 JUN • JUNE

65 masjid dan surau di seluruh negara.

REWANG RAMADAN BSN 2016

BSN telah menganjurkan aktiviti Rewang Ramadan di kesemua 13 negeri secara serentak dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat BSN pada bulan Ramadan di mana lebih 65,000 bungkus bubur lambuk diedarkan di beberapa buah masjid dan surau.

Program ini merupakan inisiatif berterusan BSN dalam memainkan peranannya sebagai jiran kepada masyarakat setempat bagi memastikan hubungan persaudaraan, persahabatan dan muhibah di antara pelbagai bangsa terus diperkukuhkan. Lebih kurang 1,300 kakitangan BSN dari ibu pejabat dan cawangan-cawangan dari pelbagai negeri telah membantu dalam penyediaan bubur tersebut dengan bantuan wakil-wakil dari masjid-masjid terpilih.

REWANG RAMADAN BSN 2016

BSN organised a "Rewang Ramadan BSN" in all 13 states simultaneously throughout the country as part of BSN's corporate social responsibility activities during Ramadan, whereby over 65,000 packages of bubur lambuk were distributed to several mosques and suraus.

The programme was an ongoing initiative for BSN in its role as a 'neighbour' to the community and to ensure fraternity, friendship and goodwill among the various races is continually strengthened. About 1,300 BSN staff from headquarters and branches of various states helped prepare and cook the porridge, assisted by representatives of the selected mosques.

20 JUN • JUNE - 3 JULAI • JULY

Johor, Sarawak, Melaka, Kedah, Perlis dan Perak.

KEMPEN #BSNKataYangPentingIkhlas

BSN terus menjalin hubungan erat dengan masyarakat setempat sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya dengan kempen #BSNKataYangPentingIkhlas. Ianya merupakan kesinambungan daripada kempen Ramadan dan Raya tahun lepas, iaitu #BSN40Kebaikan. Kempen ini bertujuan untuk menekankan nilai-nilai positif di sebalik tradisi pemberian duit raya dan menyingkap tentang nilai keikhlasan yang semakin dilupakan. Kempen ini dipromosikan dengan kerjasama Astro TV dan Radio dengan menggunakan saluran-saluran media digital dan media sosial untuk menyampaikan mesej berkenaan selain membuat liputan mengenai inisiatif-inisiatif CSR BSN di semua negeri sepanjang bulan Ramadan.

BSN turut melawat 13 pelanggan BSN yang kurang berkemampuan di seluruh negara. Semasa lawatan ini, BSN telah memberi sumbangan berupa duit raya dan barangan keperluan harian seperti beras, susu, makanan, dan lampin pakai buang bagi membantu meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan dalam menyambut Hari Raya.

#BSNKataYangPentingIkhlas CAMPAIGN

BSN continued to foster strong engagements with the public during the Ramadhan and Hari Raya period with a new campaign, called #BSNKataYangPentingIkhlas; a continuation of the previous Ramadan Raya campaign called #BSN40Kebaikan. The objective of the campaign was to highlight the positive values behind the tradition of giving duit raya and reinstate the sense of appreciation. It was also about reminiscing the value of 'ikhlas' that is very much forgotten in today's celebration of Raya. In partnership with Astro TV and Radio, the campaign was promoted through digital and social media channels to drive the message and provide coverage of BSN CSR initiatives in all states during the month of Ramadhan.

BSN also visited 13 underprivileged BSN customers nationwide by contributing duit raya as well as daily needs products such as rice, milk, food and disposable diapers to help ease the burden of the less fortunate during Hari Raya.

3 SEPTEMBER • SEPTEMBER

Kampung Sinogindai, Sabah

PROGRAM BAKTI PERIBUMI BSN

BSN telah menyampaikan sumbangan dalam bentuk wang tunai dan barangan keperluan kepada 51 keluarga mualaf di Sabah sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat BSN sempena Hari Raya Aidil Adha.

Program ini dianjurkan oleh BSN dengan kerjasama Pejabat Mufti Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) cawangan Sabah dan Hidayah Center Sabah. Program ini bertujuan memberikan sokongan dan dorongan kepada golongan mualaf agar terus mendalami dan memahami ajaran Islam. Inisiatif ini juga mewakili penglibatan BSN dengan golongan mualaf dari pelbagai latar belakang. Pihak Pengurusan dan kakitangan BSN turut menyumbang dana bagi meringankan beban kewangan keluarga-keluarga terbabit dengan mengadakan acara gotong-royong di tapak wakaf surau di Kampung Sinogindai serta Program Halaqah turut diadakan dengan penyertaan lebih 100 penduduk setempat.

BSN BAKTI PERIBUMI PROGRAMME

BSN gave away contributions in cash and in kind to 51 muallaf families in the state of Sabah as part of BSN's Hari Raya Aidil Adha corporate social responsibility initiative.

This programme was an initiative organised by BSN in cooperation with the Office of the Mufti of Sabah, Sabah Islamic Religious Affairs Department (JHEAINS), Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) Sabah Branch and Hidayah Center Sabah. It aimed to provide impetus and encouragement to new Muslim converts to deepen knowledge and understanding of Islam. It also represented BSN's engagement with new converts of all backgrounds. Management and staff of BSN contributed funds to help ease financial burdens of those families by having a gotong-royong, visiting the wakaf site for surau at Kampung Sinogindai and Halaqah Programme with more than 100 local residents.

25 OKTOBER • OCTOBER

The Mines Resort & Golf Club, Seri Kembangan, Selangor

PELANCARAN PROGRAM GOGOLF

Persatuan Golf Malaysia (MGA) telah melancarkan Program GoGolf yang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Belia dan Sukan, Nik Abdul Kadir Nik Mohammad.

BSN telah dijemput selaku rakan strategik bagi kad kredit BSN-MGA yang diperkenalkan khas untuk peminat-peminat tegar golf. Pemegang kad ini boleh menikmati manfaat seperti perlindungan insurans serta diskaun istimewa di restoran-restoran terpilih, membeli-belah, melancong dan banyak lagi.

Turut hadir ialah, Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar Hj Mohd Nor, Pengerusi MGA; Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah, Pengerusi BSN, dan Mr David Fike, Pengerusi Zurich serta jemputan-jemputan lain.

LAUNCH OF THE GOGOLF PROGRAMME

The Malaysian Golf Association (MGA) launched the GoGolf Programme which was officiated by Deputy Secretary General of the Ministry of Youth and Sports, En. Nik Abdul Kadir Nik Mohammad.

BSN was invited as the strategic partner for the BSN-MGA credit card introduced specifically for golf enthusiasts. Cardholders will enjoy benefits such as insurance protection as well as special discounts on dining, shopping, traveling and many others.

Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar Hj. Mohd Nor, the Chairman of MGA, Tan Sri Abu Bakar Hj. Abdullah, Chairman of BSN, Mr David Fike, Chairman of Zurich, were present along with other guests.

13 SEPTEMBER • SEPTEMBER

PPBSN, Bangi

PROGRAM IBADAH KORBAN DAN AKIKAH 2016

Program Ibadah Korban dan Akikah sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha 1437H telah dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan BSN (KSKBSN). Program ini bertujuan memperkukuhkan hubungan sesama kakitangan BSN semasa menunaikan ibadah korban. Program ini dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi BSN serta Yang Dipertua KSKBSN, Datuk Yunos Abd Ghani dan Timbalan Yang Dipertua KSKBSN, En Rosman Ramlan. Proses penyembelihan dan pengagihan daging korban turut dibantu oleh kakitangan BSN. Pada tahun ini, sejumlah 7 ekor lembu telah dikorbankan.

2016 IBADAH KORBAN AND AKIKAH PROGRAMME

In conjunction with the Hari Raya Aidil Adha 1437H, BSN's Sports and Welfare Club (KSKBSN) organised a Korban and Akikah Programme; a programme to strengthen relationships among BSN staff while performing the 'Korban'. BSN's top management and the President of KSKBSN, Datuk Yunos Abd Ghani and Vice President of KSKBSN, En Rosman Ramlan led the event while BSN staff helped in the process of distributing the meat.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

5 NOVEMBER • NOVEMBER

Dewan Serbaguna Mak Inson, Pendang, Kedah

PROGRAM "DARI MATA TURUN KE HATI" BSN

BSN dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah menerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Industri Asas Tani telah menganjurkan program "Dari Mata Turun ke Hati" untuk penduduk Sungai Tiang, Pendang, Kedah. Tujuan utama program ini adalah untuk mendekati masyarakat luar bandar di kawasan ini sekaligus menyediakan pemeriksaan mata dan pemberian cermin mata secara percuma kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan agar mereka dapat menikmati pembelajaran yang lebih kondusif. BSN turut menaja kos pemeriksaan mata dan pemberian cermin mata untuk 1,000 pelajar dari 40 buah sekolah agar mereka memperoleh manfaat daripada cermin mata yang disumbangkan.

BSN "DARI MATA TURUN KE HATI" PROGRAMME

BSN collaborated with The Kedah State Government through the Women's Development, Social Welfare and Family, Entrepreneur Development and Agro-based Industries to run the "Dari Mata Turun Ke Hati" Programme for the locals in Sungai Tiang, Pendang, Kedah. The main purpose of this programme was to get closer to the pulse of the communities in the area and provide free eye check-ups and spectacles to less fortunate students for them to enjoy a more conducive learning experience. BSN sponsored the cost of the eye check ups and spectacles for 1,000 students from 40 schools so they can benefit from the new glasses.

15 NOVEMBER • NOVEMBER

Pullman Hotel, Kuala Lumpur

KERJASAMA DI ANTARA BSN DAN ORIENTAL INTEREST BHD (OIB) MENERUSI SKIM PERUMAHAN BELIA BSN

BSN dan OIB telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berkaitan pemilikan hartanah mampu milik untuk pembeli rumah pertama. Melalui kerjasama ini, BSN menawarkan Skim Perumahan Belia (SPB) yang bertujuan untuk membantu pasangan muda yang telah berkahwin berusia di antara 25 hingga 40 tahun dengan pendapatan isi rumah yang tidak melebihi RM10,000 untuk mendapatkan rumah pertama mereka.

Majlis menandatangani MoU ini diadakan bersempena pelancaran Kondominium Seroja Hills Fasa 2 di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang yang dibina oleh OIB.

PARTNERSHIP BETWEEN BSN AND ORIENTAL INTEREST BHD (OIB) ON BSN'S YOUTH HOUSING SCHEME

BSN and OIB signed a memorandum of understanding (MoU) on affordable property ownership for first time home buyers. Through this partnership, BSN offers the Youth Housing Scheme (YHS) in aiding young married couples aged 25 to 40 years old with a household income not exceeding RM10,000 to own their first home.

The MoU was held in conjunction with the launch of Seroja Hills Condominium Phase 2 in Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang built by OIB.

16-22 NOVEMBER • NOVEMBER

Kompleks Sukan LADA, Pulau Langkawi • LADA Sports Complex, Langkawi

PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN 2016

BSN telah dinobatkan sebagai Naib Juara dalam penyertaan Pesta Sukan Kementerian Kewangan atau lebih dikenali sebagai PSKK untuk kali ke-42 tahun ini. Pesta ini merupakan sukan tahunan yang dilaksanakan dibawah Kementerian Kewangan sejak tahun 1974 dan disertai lebih dari 2,000 atlit mewakili 13 agensi di bawah Kementerian Kewangan.

Selama tujuh hari, pesta sukan ini telah menyaksikan pelbagai acara sukan termasuk badminton, bola jaring, bola sepak, boling 10-pin, catur, futsal, golf, karom, tarik tali dan ping pong. Upacara pembukaan telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani. Antara agensi yang mengambil bahagian adalah Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Pembangunan Langkawi dan Jabatan Kastam.

PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN 2016

BSN was announced as the runner up at the 42nd Pesta Sukan Kementerian Kewangan or better known as PSKK. The festival is an annual event implemented under the banner of the Ministry of Finance since 1974 and had attracted participation from more than 2,000 athletes representing 13 agencies under the Ministry of Finance.

Spanning seven days, the festival featured a bevy of games such as badminton, netball, football, 10-pin bowling, chess, futsal, golf, carom, tug and table tennis. The opening ceremony was officiated by the Finance Minister II, Datuk Johari Abdul Ghani. Agency contingents that took part included Bank Negara Malaysia, the Inland Revenue Board, Langkawi Development Authority and Customs Department.

22 NOVEMBER • NOVEMBER

Dewan Kompleks PKNS, Shah Alam • PKNS Complex Hall, Shah Alam

PELANCARAN AFC DI SELANGOR

BSN telah mengadakan majlis bersama lebih 50 pengedar-pengedar kereta di sekitar negeri Selangor atas tujuan mewujudkan hubungan yang lebih erat antara BSN dan pengedar kereta.

Bersempena dengan majlis tersebut BSN turut mengumumkan pembukaan Pusat Pembiayaan Automobil (AFC) BSN yang kedua bertempat di tingkat 3, Kompleks PKNS, Shah Alam, Selangor. Ianya merupakan langkah strategik untuk menawarkan penyelesaian sewa beli BSN MyAuto/i kepada lebih ramai rakyat Malaysia.

AFC BSN yang telah mula beroperasi sejak bulan Ogos 2016 akan menjadi pusat sehenti bagi semua operasi jualan, pembiayaan dan pengeluaran di negeri Selangor. Ianya bagi memastikan semua urus niaga pelanggan dan pengedar kereta dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan setanding dengan kehendak pasaran dalam menawarkan pembiayaan sewa beli BSN MyAuto/i konvensional dan Perbankan Islam (HP-i).

AFC LAUNCH IN SELANGOR

BSN hosted over 50 car dealers in the state of Selangor to foster a closer relationship between BSN and car dealers.

In conjunction with the event, BSN also announced the opening of its second Automobile Financing Center (AFC) at the 3rd floor of Kompleks PKNS, Shah Alam, Selangor. This was a strategic move to offer BSN's MyAuto/i hire purchase solutions to more Malaysians.

AFC BSN, which has been in operation since August 2016, serves as one-stop center for all sales, financing and production operations in Selangor. It is to ensure that all customer and car dealer transactions are implemented more effectively in tandem with market expectations in offering the conventional BSN MyAuto/i and Islamic Banking (HP-i) hire purchase financing.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

17 DISEMBER • DECEMBER

Shah Alam

UPACARA PECAH TANAH IBU PEJABAT BSN SELANGOR

Upacara pecah tanah untuk tapak pembinaan ibu pejabat BSN Selangor telah diadakan di Seksyen 14, Shah Alam. Projek pembangunan ini bakal dimajukan oleh Jakel Properties Sdn Bhd.

Projek ini menyediakan 23 unit ruang kerja di bawah satu blok Menara 20 tingkat yang moden dan dilengkapi dengan kemudahan seperti ruang perbankan, surau, dewan dan lain-lain lagi dan bakal siap sepenuhnya pada Ogos 2018.

BSN berharap dengan adanya lokasi baharu bagi Cawangan Utama BSN Selangor, ianya dapat memberikan keselesaan terutama para pelanggan yang ingin berurusan. Ianya turut memberi suasana yang lebih kondusif dan memudahkan pemantauan operasi agar lebih kos efektif serta menjimatkan masa.

GROUND BREAKING CEREMONY OF BSN'S SELANGOR HEADQUARTERS

The ground breaking ceremony for the BSN Selangor headquarters was held in Section 14, Shah Alam. This will be developed by Jakel Properties Sdn Bhd.

The project provides 23 units of work space in a 20-storey tower and is equipped with facilities such as banking hall, surau, hall and others. It will be fully completed by August 2018.

BSN hopes that this new location for BSN's Selangor Headquarters will provide greater comfort especially for customers who wish to conduct banking transactions. It provides a more conducive environment and ease of monitoring operations towards greater cost-effectiveness and time-saving.

PROGRAM KARNIVAL SEKOLAH BSN

Program Karnival Sekolah BSN (BSC) 2016 terus menjadi acara bersepadu yang melibatkan murid-murid, para guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah yang terpilih. Karnival ini merupakan program yang menekankan hubungan kemasyarakatan menerusi pendidikan. Aktiviti dijalankan dari bulan April hingga November dengan penyertaan dan kerjasama daripada 52 buah sekolah di seluruh negara. Antara aktiviti sepanjang karnival ini termasuklah pertandingan bakat dan pertandingan mewarna yang dibuka kepada para pelajar dari sekolah-sekolah berdekatan.

Menerusi program ini, sekolah-sekolah yang terlibat berpeluang meningkatkan dana menerusi pelbagai aktiviti seperti jualan amal dan sewaan gerai. Sekolah-sekolah yang terpilih diberikan dana oleh BSN bagi membantu membiayai acara tersebut.

BSN SCHOOL CARNIVAL PROGRAMME

BSN School Carnival Programme (BSC) 2016 continued to be a well-organised and integrated affair that involved students, teachers and the Parent Teacher Association (PIBG) of the schools. The school carnival is a programme which emphasised on community engagement through education. The activities were carried out from April to November with a total of 52 schools participating and cooperating in making the programme a success. The activities during the carnival includes talent competition and coloring contest opened to students from the nearby schools.

Through this programme, schools were able to have an opportunity to raise funds via various activities such as charity sales and rental of booths. These selected schools received sponsorship from BSN to help kick-start and manage the school carnival.

SOROTAN MEDIA
MEDIA HIGHLIGHTS

BSN bukan saingi bank komersial

BSN sasar 72,000 pemegang kad kredit

BSN Kedah/Perlis sponsors three schools to help raise funds

BSN Malaysia causes a stir this Chinese New Year

Swipe happy with BSN

BSN Dekati Orang Ramai, Agih 65,000 Bubur Lambuk Serentak Di Seluruh Negara

BSN rewards Find Your Happy campaign winners RM1 million worth of great prizes

Bank Simpanan on course to having RM13b in retail deposits by year-end

BSN Agen Terbaru Kutipan Cukai Tanah

BSN sasar SSP 2016 capai RM3b

Inculcating the habit of saving money among pupils

BSN puts a unique twist to its latest ad

BSN beri ganjaran kepada EB

BSN terima anugerah kempen Kucing Happy

Lorem ipsum dolor sit amet, consect
etur adipiscing elit. Sed cursus ante
consectetur tempus. Nulla
venenatis varius
vel. Nu

BSN agresif tingkat jenama

BSN suntik tajaan RM1.3j untuk LTdL

TIMBALAN CEO BSN, Frederick Siew menyerahkan tajaan Le Tour de Langkawi (LTdL) 2016 serta tajaan Ketua Eksekutif (CEO) LTdL, Emir Abdul Jalal (dua kiri) di Hotel Maya, hari ini. - Foto Saifullizan Tamadi

Bank fulfils savers' dreams to be millionaires

Bank Simpanan Nasional Corporate Support deputy chief executive Ahmad Latfan Mohd Amran (centre) and Retail and Business Community senior vice-president and head Datuk Meana Hamzah at the launch of BSN SSP 7 Millionaires, Berjaya Times Square.

BSN succeeding in breaking perceptions

The bank, associated with rural Malays, has won over Chinese support and has now rebranded to attract the urban population.

KUALA LUMPUR: Bank Simpanan Nasional's (BSN) RM130 million rebranding exercise is proving to be a success.

It not only has a refreshed brand identity and logo, it also has a new corporate colour – teal – to represent trustworthiness and reliability.

Along with accord

"We wa compat support

"Within events industr

Pelajar Kelantan menabung RM30j

SGSP: Lebih Sejuta Pelajar Menabung Pada 2016 - BSN

Lebih 50 sekolah sertai Karnival Sekolah BSN 2016 seluruh negara

28th July, 2016

WP LABUAN: Bank Simpanan Nasional (BSN) kelmarin menganjurkan program BSN School Carnival 2016 di SJK Chi Wen WP LABUAN.

Ia merupakan inisiatif BSN dalam membantu sekolah yang terpilih di setiap negeri bagi meningkatkan dana sekolah melalui jualan amal dan aktiviti yang dijalankan.

BSN Sumbang 17 Van Jenazah

Jakel Properties bina bangunan Ibu Pejabat BSN Selangor

Cabaran 'kurus' 90 hari kakitangan BSN

Keluarga Miskin Gembira Dapat Bantuan Dari BSN

BSN Salur Dana Keperluan Wad Pediatrik Empat Hospital

BSN Kelantan lantik 507 ejen penerima zakat

KOTA BHARU: Bank Simpanan Nasional (BSN) Kelantan menggerakkan 507 ejennya di seluruh negeri untuk membantu umat Islam membayar pelbagai zakat sebelum disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Pengarah Perniagaan BSN negeri, Komarudin Mustapha, berkata 507 ejen berkenaan dilantik BSN yang turut berfungsi sebagai pihak yang boleh menerima bayaran pelbagai Bil, utiliti termasuk bil air, elektrik dan telefon.

BSN helping four schools to raise funds

Kassim (fifth left), accompanied by Hamdan (sixth right), Ulah (third left), and outstanding headmaster Kelvin Minin (sixth left) after cutting the cake during the BSN School Carnival 2016 ceremony at SRK St Agnes in Likas yesterday.

BSN looks to extend Youth Housing Scheme

Posted on 16 November 2016 – 03:57am

Eve Yong

sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Bank Simpanan Nasional (BSN) is looking to extend the government's Youth Housing Scheme (YHS) which offers 100% financing for first time homebuyers, after less than a tenth of the funds allocated have been taken up, more than 18 months into the scheme.

BSN to grow active debit card users to 6 million

– May 27, 2016, Friday

KUALA LUMPUR: Bank Simpanan Nasional (BSN) aims to increase the number of its active debit card users to 6.0 million by year-end from 5.0 million currently, on the back of higher customer spending pattern.

Vice President/Head of Card Business Department, Mohd Sofian Arrouzin said the target was in line with the bank's effort to change customers' behaviour towards a cashless society.

BSN catat simpanan baharu RM1 juta pada KLIBF

KUALA LUMPUR 13 Mei – Bank Simpanan Nasional (BSN) mencatatkan simpanan baharu Sijil Simpanan Premium (SSP) berjumlah RM1 juta daripada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIBF) 2016 yang berlangsung pada 29 April hingga 9 Mei lalu.

Naib Presiden Kanan dan Ketua Komunikasi Strategik BSN, Puspa Marina Omar berkata, BSN juga berpeluang berkongsi maklumat terhadap rangkaian produk semasanya termasuk kad kredit, pinjaman dan produk pada jarak selain membantu orang ramai membuka akaun baharu seperti BSN Smart Junior.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional komited untuk menegakkan prinsip-prinsip urus tadbir korporat dan memegang kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Urus Tadbir Korporat Pengarah untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (IKP) (BNM/RH/GL 005-4).

A) LEMBAGA PENGARAH

Lembaga ini kini dianggotai tujuh Pengarah susulan daripada tamat tempoh pelantikan Dato' Ghazali Awang dan Datuk Azizan Abdul Rahman, pada bulan Februari dan Mac 2016 masing-masing, yang mana enam adalah pengarah bukan eksekutif. Pengarah Eksekutif ialah Ketua Eksekutif BSN. Kesemua pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap pengarah dimuatkan dalam laporan ini.

Perlantikan kesemua pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam BNM/RH/GL 005-4.

Lembaga mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi bank. Mesyuarat khas juga telah diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain-lain urusan yang penting bila perlu. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Lembaga telah bermesyuarat 15 kali. Kehadiran pengarah-pengarah adalah seperti berikut.

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional is committed to upholding the principles of Corporate Governance and subscribes to Bank Negara Malaysia's Guidelines on Corporate Governance Standards on Directorships for Development Financial institutions (BNM/RH/GL 005-4).

A) BOARD OF DIRECTORS

The Board of Bank Simpanan Nasional (BSN) currently has seven directors following the expiry of the terms of appointment for Dato' Ghazali Awang and Datuk Azizan Abdul Rahman in February and March 2016 respectively, out of which six are non-Executive Directors. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each of the directors is briefly described in this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under BNM/RH/GL 005-4.

The Board of Directors meet at least once a month to consider financial matters, strategy and policies as well as monitor the overall performance of the Bank. Special Board meetings were also convened to consider urgent business as and when required. During the financial year ended 31 December 2016, the Board met 15 times. The attendance of the Directors is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1.	**Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah** *(Pengerusi/Chairman)* *Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non Executive Non Independent*	15/15
2.	**Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir** *(Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman)* *Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non Executive Non Independent*	13/15
3.	**Datuk Adinan Maning** *Eksekutif Bukan Bebas/Executive Non Independent*	14/15
4.	**Dato' Ghazali Awang** *Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent*	1/1*
5.	**Encik Alex Foong Soo Hah** *Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent*	15/15
6.	**Encik Md Tajuddin Md Isa** *Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent*	15/15
7.	**Datuk Azizan Abdul Rahman** *Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent*	2/2*
8.	**Tuan Hj Kamari Zaman Juhari** *Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent*	15/15
9.	**Encik Ramesh Pillai** *Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent*	15/15

* *Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.*

* *Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.*

B) JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Terdapat empat jawatankuasa yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab – Audit dan Pemeriksaan, Pengurusan Risiko, Pencalonan dan Saraan.

JAWATANKUASA AUDIT DAN PEMERIKSAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) ialah untuk mengkaji kedudukan kewangan bank, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan kemudian menyarankan secara berkala tindakan pemulihan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JAP adalah seperti berikut:

- Memastikan akaun disiapkan secara tepat dan mengikut jadual, dengan kajian semula yang kerap untuk menentukan adanya peruntukan secukupnya bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan serta hutang lapuk dan hutang ragu. Semakan semula juga dijalankan terhadap kunci kira-kira dan akaun untung-rugi sebelum dibentangkan kepada Lembaga serta memastikan laporan tahunan diterbitkan mengikut jadual;
- Menjalankan kaji semula terperinci untuk memastikan kesemua keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan dipatuhi;
- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil oleh pihak pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan JAP tidak boleh terlebih dulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. JAP juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan untuk audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti antara bank dan pengurusan kecairan bank keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan cadangan mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;
- Mengkaji semula dengan Juruaudit Luar bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli audit serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;
- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
    - andaian perniagaan berterusan;
    - pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
    - perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
    - isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terhasil dari proses audit;

B) COMMITTEES

There are four Board Committees established to assist the Board in discharging its duties and responsibilities namely the Audit and Examination Committee, Risk Management Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee.

AUDIT AND EXAMINATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Audit and Examination Committee (AEC) is to review the financial condition of the bank, its internal controls, performance and findings of the internal auditors, and to recommend appropriate remedial action regularly.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the AEC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies, and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss account for submission to the full board of directors and ensure the prompt publication of annual accounts;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations etc;
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend action to be taken by management. The reports of internal auditors and AEC should not be subject to the clearance of the Chief Executive or Executive Director. The AEC should also evaluate the performance and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of the internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of the Bank;
- The AEC should evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;
- Review with the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by management and its staff to the auditors and any findings and actions to be taken;
- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
    - continuous business assumptions;
    - compliance to accounting standard and legal requirements;
    - changes in policy and accounting practices;
    - important issues and extraordinary matters which arise from the audit process;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang dibangkitkan oleh Juruaudit luar melalui audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin dikemukakan oleh Juruaudit luar tanpa pembabitan pihak pengurusan;
- Mengkaji semula kandungan surat kepada pengurusan dari Juruaudit luar serta jawapan dari pengurusan;
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam bank atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak pengurusan;

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Dalam tahun 2016 JAP telah bermesyuarat sebanyak 16 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

- Discuss any issues and reservations raised by the external auditor from the interim and final audits, as well as any matter which the external auditors may wish to discuss (in the absence of the management or when necessary);
- Review the contents of the management letter issued by the external auditors as well as management's responses thereto;
- Review any related party transactions and conflict of interest situation that may arise in the Bank or within the group including any transaction, procedure or conduct that raises questions of the management's integrity.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The AEC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2016, the AEC met 16 times. The attendance recorded for the members of the AEC is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1.	**Datuk Azizan Abdul Rahman**	2/2*
2.	**Encik Ramesh Pillai**	15/16
3.	**Encik Alex Foong Soo Hah**	16/16
4.	**Tuan Hj Kamari Zaman Juhari**	16/16

* *Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.*

* *Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.*

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) ialah untuk menyelia aktiviti pengurusan kanan dalam mengurus bahagian risiko utama bank dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk keseluruhan risiko berkaitan aktiviti BSN.
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the senior management's activities in managing the key risk areas of the Bank and to ensure that the risk management process is in place and functioning effectively.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BRMC are as follows:

- Formulating strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommending appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Reviewing the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promoting an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- Ensuring that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;

- Mengkaji semula maklumat berkala dari pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko;
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangya sekali dalam tiga bulan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2016, JLPR telah bermesyuarat sebanyak 14 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

- Reviewing management's periodic information on risk exposures and risk management activities; and
- Formulating business continuity plans.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BRMC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2016, the BRMC met 14 times. The attendance recorded for the members of the BRMC is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1.	**Encik Ramesh Pillai**	14/14
2.	**Encik Alex Foong Soo Hah**	14/14
3.	**Encik Md Tajuddin Md Isa**	14/14
4.	**Dato' Ghazali Awang**	2/2*
5.	**Datuk Azizan Abdul Rahman**	4/4*

* *Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.*

* *Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.*

JAWATANKUASA PENCALONAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Pencalonan (JP) ialah untuk merangka prosedur bertulis, formal dan tulus berkaitan perlantikan ahli Lembaga, Ketua Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan utama dan menilai keberkesanan setiap pengarah. Lembaga pada keseluruhannya dan jawatankuasa-jawatankuasa serta Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JP adalah seperti berikut:

- Menetapkan keperluan minima untuk Lembaga dan Ketua Eksekutif menjalankan tugas secara berkesan. Ia juga bertanggungjawab menyelia komposisi Lembaga dari segi jumlah sepatutnya dan kemahiran, keseimbangan antara pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan bebas, serta keseimbangan antara kemahiran dan kecekapan utama melalui kajian semula tahunan.
- Mengesyorkan dan menilai pencalonan untuk menjadi ahli Lembaga, mereka yang menganggotai pelbagai jawatankuasa Lembaga serta pencalonan sebagai Ketua Eksekutif. Tugas ini termasuklah menilai prestasi pengarah dan Ketua Eksekutif jika disyorkan untuk perlantikan semula sebelum permohonan untuk kelulusan diserahkan kepada BNM.
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal dan juga menilai keberkesanan Lembaga, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga dan prestasi Ketua Eksekutif.

NOMINATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Nomination Committee (NC) is to establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and key senior officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and key senior officers.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the NC are as follows:

- Establishing minimum requirements for the Board and the Chief Executive to perform their responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive Directors, Non-Executive and Independent Directors, and mix of skills and other core competencies required, through annual reviews.
- Recommending and assessing the nominees for directorship, the directors to fill Board committees, as well as nominees for the Chief Executive position. This includes assessing directors and the Chief Executive proposed for reappointment, before an application for verification is submitted to Bank Negara Malaysia.
- Establishing a mechanism for formal assessment and assessing the effectiveness of the board as a whole, the contribution by each director to the effectiveness of the Board, the contribution of the board's various committees and the performance of the Chief Executive.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Menyarankan kepada Lembaga mengenai penyingkiran pengarah/Ketua Eksekutif sekiranya tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai sewaktu menjalankan tanggungjawab.
- Memastikan semua pengarah menghadiri program induksi bersesuaian dan menerima latihan berterusan.
- Menyelia perlantikan, pelan pengambilalihan jawatan pengurusan dan prestasi eksekutif kanan dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai penyingkiran mana-mana eksekutif kanan yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai dalam menjalankan tugas.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Untuk 2016 JP telah bermesyuarat sebanyak 8 kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

- Recommending to the Board on removal of a Director/Chief Executive if he is ineffective, errant or negligent in discharging his responsibilities.
- Ensuring that all directors undergo appropriate induction programmes and receive continuous training; and
- Overseeing appointment, management succession planning and performance evaluation of key senior officers, and recommending to the board the removal of key senior officers if they are ineffective, errant or negligent in discharging their responsibilities.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The NC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2016, the NC met 8 times. The attendance recorded for the members of the NC is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1.	**Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah**	8/8
2.	**Datuk Adinan Maning**	8/8
3.	**Tuan Hj Md Tajuddin Md Isa**	8/8
4.	**Tuan Hj Kamari Zaman Juhari**	8/8

JAWATANKUASA SARAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Saraan (JS) ialah untuk menyediakan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan dan memastikan imbuhan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JS adalah seperti berikut:

(i) Mengesyorkan rangka imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Dasar ini patut:

- didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga penuh. Apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan Lembaga;
- menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul pengarah individu, Ketua Eksekutif dan Eksekutif kanan utama;
- lumayan untuk menarik minat dan mengekalkan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan;
- wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.

REMUNERATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Remuneration Committee (RC) is to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and key senior officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with the BSN's culture, objectives and strategy.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the RC are as follows:

(i) Recommending a framework of remuneration for Directors, Chief Executive and key senior officers. The remuneration policy should:

- be documented and approved by the full board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the full board;
- reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and key senior officers;
- be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and key senior officers of caliber needed to manage BSN successfully; and
- be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to subsidise excessive remuneration packages.

(ii) Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Pakej berkenaan patut:

- Berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga penuh;
- Memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama;
- Tidak ditentukan oleh budi bicara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu;
- Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali. Untuk 2016 JS telah bermesyuarat sebanyak 4 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

(ii) Recommending specific remuneration packages for Directors, Chief Executive and key senior officers. The remuneration packages should:

- be based on an objective consideration and approved by the full board;
- take due consideration of assessments of the nominating committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive or key senior officers concerned;
- not be decided by the exercise of sole discretion of any one individual or restricted group of individuals; and
- be competitive and is consistent with the BSN's culture, objective and strategy.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The RC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2016, the RC met 4 times. The attendance recorded for the members of the RC is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1.	**Tuan Hj Md Tajuddin Md Isa**	4/4
2.	**Encik Alex Foong Soo Hah**	3/4
3.	**Tuan Hj Kamari Zaman Juhari**	4/4
4.	**Encik Ramesh Pillai**	4/4

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Selaras dengan prinsip dan peraturan tadbir urus risiko, pihak Bank mempunyai Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) yang memberi sokongan kepada Lembaga Pengarah bagi menyelia dan mengawasi pengurusan risiko Bank. JLPR menjalankan fungsi sokongan pengawasan dalam memastikan objektif korporat Bank disokong oleh strategi dan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan berkesan yang sesuai dengan sifat, skala dan kerumitan aktiviti Bank.

Rangka kerja pengurusan risiko Bank telah direka untuk menyediakan persekitaran pengurusan risiko yang terkawal dan kukuh. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan Bank dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan menangani risiko-risiko yang berkaitan dalam bidang risiko kredit, risiko operasi, risiko pasaran dan risiko ketidakpatuhan Shariah.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC) dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (ALCO) bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pengurusan seharian dan kegiatan Bank adalah selaras dengan strategi risiko, polisi risiko dan selera risiko yang telah ditetapkan. MRC bertanggungjawab dalam menyelia pembangunan dasar polisi-polisi berkaitan pengurusan risiko berkaitan bagi mengurus sesuatu aktiviti perniagaan Bank dan kecukupan sistem dan proses yang menyokong fungsi pengurusan risiko. ALCO pula bertanggungjawab untuk menyelia kecukupan dan pendedahan risiko aset dan liabiliti komposisi Bank, serta keperluan pembiayaan dan kecairan.

In line with the regulatory principles and guidelines on risk governance, the Bank has the Board Risk Management Committee (BRMC) at the board committee level providing oversight support on behalf of the Board of Directors on the supervision of risk management of the Bank in ensuring that the Bank's corporate objectives are supported by sound risk management strategies and framework that are appropriate to the nature, scale and complexity of its activities.

The Bank's framework for risk management has been designed to provide a sound and well-controlled risk management environment within the Bank. The framework sets out the Bank's approach in identifying, assessing, monitoring and reporting of all relevant and material risks in the areas of credit risk, operational risk, market risk and Shariah non-compliance risk.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) and Assets & Liabilities Committee (ALCO) are responsible in ensuring that the day-to-day management of the Bank's activities is consistent with its risk strategies, risk policies and risk appetite. MRC is responsible in overseeing the development of relevant risk policies that are essential in managing the business activities of the Bank and the adequacy of system and processes supporting the risk management function. On the other hand, ALCO is responsible to oversee the adequacy and the risk exposures of the Bank's assets and liabilities composition, as well of its funding and liquidity needs.

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO/RISK GOVERNANCE STRUCTURE

FALSAFAH PENGURUSAN RISIKO

Berasaskan penakrifan risiko sebagai "halangan dan ketidaktentuan yang dihadapi dalam usaha mencapai sesuatu objektif (sasaran)", falsafah pengurusan risiko ke atas aktiviti perniagaan BSN adalah bersandar pada dua pendekatan utama:

1. Pemilikan Kolektif – pengurusan risiko adalah tanggungjawab semua peringkat Bank.
2. Tanggungjawab Bersama – semua jabatan dan fungsi Bank adalah bertanggungjawab dalam menguruskan semua bentuk risiko.

Bersandarkan falsafah di atas, pihak Bank turut mengamalkan konsep "tiga peringkat pertahanan", di mana risiko yang ada adalah diuruskan oleh semua fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

RISK MANAGEMENT PHILOSOPHY

Defined as "hurdles and uncertainties faced towards the achievements of objectives", risks associated with BSN's business are managed through the following two key philosophical approaches, namely:

1. Collective Ownership – i.e., management of risks of the Bank is a collective ownership across the Bank's strata.
2. Collective Responsibility – i.e., all departments and functions of the Bank are responsible to manage the associated risks across the spectrum.

Based on this basic philosophy, the Bank adopts the concept of three lines of defence, where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

Tumpuan Masa Nyata **Real Time Focus**	Pertahanan Peringkat Pertama **First Line of Defence**	• Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko/polisi & amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. • Embedding risk management framework/policies & sound risk management practices into standard operating procedures. • Bertanggungjawab untuk memantau & menilai risiko & kawalan. • Responsible & accountable for monitoring & assessing risks & controls. • Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. • Ensuring staff have appropriate skills and training.	Unit-unit Perniagaan/ Sokongan **Business Units/ Support Units**
Tumpuan Masa Nyata & Kajian **Real Time & Review Focus**	Pertahanan Peringkat Kedua **Second Line of Defence**	• Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, sistem, dan proses. • Develop risk management framework, policies, system, processes and tools. • Menyokong unit-unit peringkat pertahanan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko dalam Bank. • Support 1st line of defence units in embedding risk management culture in the Bank. • Proaktif & reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. • Proactive & reactive to changes in risk environment.	Pengurusan Risiko/Pematuhan **Risk Management/ Compliance**
Tumpuan Kajian **Review Focus**	Pertahanan Peringkat Ketiga **Third Line of Defence**	• Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. • Review effectiveness of the risk management practices. • Mengesahkan tahap pematuhan. • Confirm level of compliance. • Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembetulan, jika perlu. • Recommend improvements and corrective actions, where necessary.	Audit Dalaman **Internal Audit**

PROSES PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT PROCESS



PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan proses-proses pengenalpastian, penilaian/pengukuran, mitigasi, pemantauan dan laporan bagi mengoptimumkan pulangan ke atas pembiayaan dan aktiviti pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam menguruskan risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko ketidakpatuhan Shariah disemua fungsi dan jabatan Bank melalui pembentukan polisi risiko, garis panduan, prosedur dan had yang sesuai.

Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang risiko berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment/measurement, mitigation, monitoring and reporting in optimising returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Shariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits.

Risk management concentrates on the following key areas:

1. RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kehilangan potensi pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) dalam memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Bank adalah terdedah kepada risiko kredit yang datang daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan runcit, mikro, perusahaan kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran yang lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpandukan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan mengikut operasi dan selera risiko Bank.

2. RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada perubahan dalam faktor risiko pasaran iaitu harga ekuiti, kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit dan kadar pertukaran matawang. Risiko ini mempunyai kesan langsung ke atas pendapatan, serta nilai ekonomi Bank. Risiko kecairan pula ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada ketidakupayaan untuk menjana dana yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangan dengan cara yang tepat pada masanya dan kos efektif. Punca biasa risiko ini adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian dalam masa dan nilai aliran masuk dan aliran keluar tunai yang timbul daripada Bank dan pendedahan kepada kunci kira-kira.

1. CREDIT RISK

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from loan and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending/financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide business risk appetite, credit risk management function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite.

2. MARKET AND LIQUIDITY RISK

Market Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the adverse movement in market risk factors namely equity prices, interest/profit rates, credit spreads and currency exchange rates. This risk has a direct impact on the earnings, as well as the economic value of the Bank. Liquidity Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the inability to generate sufficient fund to meet the financial commitments and obligations in a timely and cost-effective manner. The common source of the risk is attributed to the mismatch in timing and value of inflow and outflow of cash arising from the Bank's on and off-balance sheet exposures

3. RISIKO OPERASI

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang timbul daripada kegagalan atau proses dalaman yang tidak mencukupi, faktor manusia dan sistem atau peristiwa-peristiwa luaran. Risiko ini diuruskan melalui proses pengurusan risiko operasi yang telah ditetapkan, pemantauan dan laporan mengenai pematuhan unit-unit perniagaan mengikut polisi yang telah dibuat, prosedur dan had oleh unit kawalan dan sokongan bebas, dan pengawasan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah. Kesedaran dalam Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (PKP) adalah sebahagian daripada pembangunan budaya Bank untuk menjadikan setiap kakitangan menyedari peranan dan tanggungjawab mereka berkenaan dengan BCM sebagai ketersediaan yang berterusan terhadap perkhidmatan kritikal dan penting oleh pihak Bank. Ianya merupakan kunci dalam memastikan keyakinan pelanggan, pematuhan peraturan dan melindungi reputasi Bank. Kesedaran yang berterusan tentang BCM diberikan semasa latihan dan Program Pemulihan Bencana/Pelan Kesinambungan Perniagaan bagi menubuhkan anggota pasukan BCM dan operasi perniagaan yang kompeten, berpengetahuan, bermotivasi dan berkebolehan dalam informasi teknologi. Ini akan membantu untuk memastikan tindak balas yang berkesan dalam persediaan kesinambungan perniagaan, kesediaan dan daya tahan sekiranya berlaku sesuatu gangguan terhadap perniagaan.

4. RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Risiko Ketidakpatuhan Syariah ditakrifkan sebagai risiko yang terhasil daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Syariah. Polisi Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGP) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIFI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGP ini adalah untuk menggariskan peranan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Pengurusan Bank berhubung dengan perkara-perkara Syariah, termasuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan jabatan-jabatan dan fungsi-fungsi yang berkaitan yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan pematuhan dan fungsi penyelidikan Syariah yang bertujuan untuk mencapai persekitaran operasi yang berasaskan Syariah.

BSNSGP telah direka bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

a) Untuk menyatakan struktur tadbir urus, proses dan pengaturan Syariah untuk Bank, bagi memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaan Bank adalah mengikut Syariah;

b) Menyediakan panduan komprehensif kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, Jawatankuasa dan Pengurusan Syariah dalam melaksanakan tugas dan dalam hal-hal yang berkaitan dengan Syariah; dan

c) Untuk menggariskan fungsi yang berkaitan dengan Kajian Syariah, Audit Syariah, Pengurusan Risiko Syariah, Penyelidikan Syariah dan Sekretariat.

3. OPERATIONAL RISK

Operational Risk is defined as the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems or from external events. This risk is managed through established operational risk management processes, proper monitoring and reporting of the business units' adherence to established risk policies, procedures and limits by independent control and support units, and oversight provided by the management and the Board. Business Continuity Management (BCM) awareness is part of the Bank's culture building to make every staff aware of his/her role and responsibility with respect to BCM as continuous availability of the Bank's critical and essential services, which is key in ensuring customer confidence, regulatory compliance and protect Bank's reputation. Continuous BCM awareness was provided during training and every Disaster Recovery Programme/Business Continuity Plan exercises in order to establish competent, knowledgeable, motivated and technologically-enabled BCM team and business operations personnel. This will help to ensure an effective response in business continuity preparedness, readiness and resilience in the event of a major business disruption.

4. SHARIAH NON-COMPLIANCE RISK

Shariah Non-Compliance Risk is defined as risk resulting from the failure of any parts of the Bank to comply with the Shariah rules and principles determined by the relevant Shariah regulatory councils or committees. BSN Shariah Governance Policy (BSNSGP) for Islamic Banking Scheme is established in line with Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGFIFI) issued by Bank Negara Malaysia (BNM). The primary objective of these BSNSGP is to outline the role of the Board of Directors, the Shariah Committee, the Audit and Examination Board Committee, the Board Risk Management Committee, and the Management in relation to Shariah matters, including enhancing the capacity and capability of departments and functions having the responsibility to execute the Shariah compliance and research functions aimed at the attainment of a Shariah-based operating environment.

The BSNSGP is designed to meet the following objectives:

a) To set out the Bank's Shariah governance structures, processes and arrangements to ensure that all its operations and business activities are in accordance with Shariah;

b) To provide a comprehensive guidance to the Board of Directors, Audit and Examination Board Committee, Board Risk Management Committee, Shariah Committee and Management of the Bank in discharging its duties in matters relating to Shariah; and

c) To outline the functions relating to Shariah Review, Shariah Audit, Shariah Risk Management, Shariah Research and Secretariat.

KENYATAAN AUDIT DALAMAN
INTERNAL AUDIT STATEMENT

Jabatan Audit Dalaman (IAD) melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan (AEC) dan ia adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan yang lain. Audit Dalaman secara berkala akan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan BSN.

Skop audit IAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan termasuk anak-anak syarikat. Pengenalpastian unit-unit untuk diaudit secara keseluruhannya adalah berdasarkan kepada rangka kerja Audit Dalaman berasaskan faktor risiko yang diluluskan oleh AEC. Pelan audit tahunan dirangka berdasarkan penilaian risiko, pendedahan dan strategi BSN. Bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko tinggi adalah tertakluk kepada audit tahunan, manakala bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko sederhana tinggi, sederhana atau rendah adalah tertakluk kepada audit "cycle" yang diluluskan.

Penilaian risiko yang telah dikaji akan dikecualikan ke atas unit-unit audit yang harus dibuat di atas ketetapan "Regulator" ataupun terhadap unit-unit audit yang melibatkan insiden-insiden salah laku atau "fraud" sepanjang tempoh jadual pengauditan. Walaupun berasaskan penilaian risiko, pelan audit juga mengambil kira bahagian yang akan diaudit secara tahunan kerana keperluan aturan undang-undang dan kriteria-kriteria lain seperti kejadian fraud terkini, perkadaran audit yang menurun sebelumnya serta faktor-faktor lain yang berkaitan. IAD juga menjalankan siasatan kes penipuan oleh kakitangan, pelanggan atau pihak ketiga dan mencadangkan penambahbaikan yang sesuai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang dan tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab.

IAD mempunyai akses tanpa had kepada pihak AEC dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kerja pengauditan, yang mana asasnya termasuk mengenalpasti risiko yang boleh memberi impak negatif kepada prestasi BSN dan/atau menghalang BSN daripada mencapai matlamat korporat. Pihak AEC juga akan memastikan pihak pengurusan memahami risiko dan proaktif dalam pengawasan ke atas resolusi dan mitigasi mengikut keperluan.

Laporan Audit menyediakan skop audit yang dilaksanakan, peniliaian ke atas sistem kawalan dalaman berserta dengan pemerhatian audit yang terperinci, tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan, ulasan dan cadangan IAD untuk penambahbaikan. AEC menyemak dan membincangkan pengecualian atau ketidakpatuhan yang diutarakan dan memastikan bahawa sekiranya perlu dan berkaitan, pihak AEC mengarahkan pihak Pengurusan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperkuatkan sistem kawalan dalaman berdasarkan kepada cadangan-cadangan audit.

AEC BSN terdiri daripada empat Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ia adalah satu Jawatankuasa yang berwakilkan Lembaga Pengarah yang menyediakan pengawasan ke atas laporan kewangan, pendedahan, pematuhan peraturan undang-undang, pengurusan risiko, amalan tadbir urus dan pemantauan proses kawalan dalaman dalam BSN. AEC BSN memanfaatkan kerja-kerja Jabatan Audit Dalaman dan Laporan Audit yang dibentangkan kepada AEC. Semua penemuan-penemuan ketara dan penting oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pengawal seliaan akan dilaporkan kepada AEC untuk semakan dan perbincangan. Dalam hal ini, AEC memastikan pelan mitigasi dilaksanakan oleh pihak pengurusan kanan untuk melindungi kepentingan BSN dan untuk penjagaan urus tadbir yang sesuai. Pengurusan unit perniagaan dan sokongan yang diklasifikasikan 'Tidak Memuaskan' oleh audit dalaman akan diberi nasihat yang sewajarnya oleh AEC.

The Internal Audit Department (IAD) reports independently to the Audit & Examination Committee (AEC) and is independent of the activities and operations of the business and other support units. Internal Audit regularly evaluates the adequacy, efficiency and effectiveness of risk management, control and governance processes implemented by the Management of BSN.

IAD scope of coverage encompasses all business and support units, including subsidiaries. The identification of the auditable units and the audit universe are based on a risk based internal audit framework that is approved by AEC. The annual audit plan is developed based on assessment of risks, exposures and strategies of BSN. Areas that are assessed to be high risk are subject to an annual audit, while those that are assessed to be medium high, medium or low risk are subject to a cyclical audit.

Notwithstanding the risk assessment, the annual audit plan will include areas that will be audited annually due to regulatory requirements, and other established criteria such as recent incidence of fraud, previous adverse audit rating or other pertinent considerable factors. IAD also undertakes investigations into alleged frauds by staff, customers or third parties, and recommends appropriate improvements to prevent recurrence and actions against responsible parties.

IAD has unrestricted access to AEC and information required in the course of its work, which fundamentally involves identifying risks that could negatively impact the performance of the Group and/or keep it from achieving its corporate goals. The AEC ensures that management fully understands the risks and proactively provide the required oversight for resolution and mitigation, where necessary.

The Audit Report provides the scope of audit work performed, a general evaluation of the system of internal control together with detailed audit observations, management mitigation actions, comments and IAD recommendations for improvement. AEC reviews and deliberates exceptions or non-compliances raised and ensures that where required and applicable, the AEC directs Management to take cognizance of the issues and establish necessary steps to strengthen the system of internal controls based on audit recommendations.

BSN AEC comprises four Independent Non-Executive Directors. It is a Board-delegated committee that provides oversight on financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management, governance practices and monitoring of internal control processes in BSN. BSN AEC leverages on the work of the Internal Audit Department and the Audit Report that is presented to AEC. All significant and material findings by the internal auditors, external auditors and regulators are reported to AEC for review and deliberation. In this regard, AEC ensures that mitigation plans are implemented by senior management to safeguard the interests of BSN and to upkeep proper governance. Management of business and support units that are rated 'Unsatisfactory' by internal audit are counselled by the AEC.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH
SHARIAH COMMITTEE REPORT

1. JAWATANKUASA SYARIAH ("JKS")

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Islam (IKI), satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan JKS ini selari dengan keperluan Bahagian IV Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam ("SGF") yang dikeluarkan oleh BNM yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. JKS ini berperanan untuk menasihatkan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam memastikan operasi Bank selari dengan peraturan dan prinsip Syariah.

Dari segi fungsinya, JKS ini bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah Bank. Untuk memastikan pematuhan Syariah dan pelaksanaan keputusan JKS dan Majlis Penasihat badan kawal selia seperti BNM, Bank menjalankan fungsi Semakan dan Pematuhan, Khidmat Perundingan dan Penyelidikan serta fungsi Audit Syariah untuk menyokong pelaksanaan prinsip Syariah di seluruh organisasi.

2. KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Keanggotaan JKS adalah terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam (usul al-fiqh) dan undang-undang transaksi Islam (fiqh al-mu'amalat). Di Bank Simpanan Nasional, JKS terdiri daripada lima (5) orang ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

3. MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, sepuluh (10) mesyuarat JKS telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan seperti yang berikut:

1. SHARIAH COMMITTEE ("SC")

As an Islamic Financial Institution (IFI), a Shariah governance framework has been put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the SC in line with the requirement of Part IV Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 ("IFSA 2013") and the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions ("SGF") issued by BNM which took effect on 1 January 2011. The SC serves to advise the Board and Management in ensuring that the Bank's operations are in line with Shariah rules and principles.

Functionally, the SC reports to the Board of Directors of the Bank. In ensuring Shariah compliance and implementing decisions of SC and Shariah Advisory Council of the regulators, Bank Negara Malaysia, the Bank performs Shariah Review and Compliance, Advisory and Research as well as Shariah Audit functions to support the implementation of Shariah throughout the organisation.

2. COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualification and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence (usul al-fiqh) and Islamic commercial laws (fiqh al-mu'amalat). In Bank Simpanan Nasional, the SC consists of five (5) members of diverse backgrounds in terms of qualification, experience and knowledge.

3. SHARIAH COMMITTEE MEETING

For the financial year ended 31 December 2016, ten (10) SC meetings were held during the twelve (12) months period, as follows:

Mesyuarat/Meeting	Tarikh/Date	Peratus Kehadiran Ahli/Percentage of Member's Attendance
1/2016	21 Januari/January	100%
Special 1/2016	12 Februari/February	80%
Special 2/2016	25 Februari/February	100%
2/2016	17 Mac/March	100%
3/2016	6 Mei/May	80%
4/2016	23 Jun/June	80%
5/2016	20 Julai/July	100%
6/2016	18 Ogos/August	100%
7/2016	29 September/September	100%
8/2016	23 November/November	100%

4. KEHADIRAN JAWATANKUASA SYARIAH

Butir-butir kehadiran ahli JKS adalah seperti yang berikut:

4. ATTENDANCE OF SHARIAH COMMITTEE

The details of SC members attendance are as follows:

Bil/No	Ahli Jawatankuasa Syariah/Shariah Committee Members	Kehadiran/Attendance
1.	**Dr Mohd Fuad Md Sawari**	10/10
2.	**Dr Ahmad Zaki Salleh**	10/10
3.	**Tuan Hj. Md. Tajuddin Md. Isa**	8/10
4.	**Dr Fauziah Mohd Noor**	9/10
5.	**Dr. Zainudin Ismail**[*1]	5/5
6.	**Dr. Muhammad Zaharuddin Zakaria**[*2]	5/5

*1 *Tempoh lantikan tamat pada 31 Mei 2016 / Term of appoinment ended on 31 May 2016*
*2 *Dilantik pada 1 Jun 2016 / Appointed on 1 June 2016*

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH
SHARIAH COMMITTEE REPORT

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah sepertimana digariskan di dalam Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan juga sebagai mematuhi surat perlantikan, kami dengan ini mengemukakan laporan kami bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Kami telah membuat semakan ke atas prinsip dan kontrak berkaitan transaksi-transaksi dan pemakaian produk-produk Syariah yang diperkenalkan oleh Bank Simpanan Nasional dalam tempoh berakhir 31 Disember 2016. Kami juga telah membuat penilaian bagi merumus pendapat sama ada Bank Simpanan Nasional telah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan juga keputusan Syariah yang dibuat oleh pihak kami.

Pengurusan Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab memastikan Bank menjalankan urusniaga berkaitan produk-produk patuh Syariah selaras dengan prinsip dan peraturan Syariah. Adalah tanggungjawab kami untuk merumus pendapat secara bebas, berdasarkan semakan kami ke atas operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional, dan untuk mengemukakan laporan ini.

Pendapat kami dirumus berdasarkan kepada maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk penilaian berdasarkan ujian ke atas setiap jenis transaksi, dokumen-dokumen yang berkaitan dan prosedur-prosedur yang digunapakai oleh Bank Simpanan Nasional tidak melanggar prinsip dan peraturan Syariah.

Sepanjang tahun kewangan, terdapat kejadian ketidakpatuhan Syariah telah dikesan melalui penilaian berterusan yang dilakukan ke atas proses operasi Bank. Tindakan pembetulan sewajarnya telah diambil ke atas kejadian ketidakpatuhan Syariah tersebut sebagaimana yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

Bersandarkan kepada perkara di atas, kecuali bagi ketidakpatuhan Syariah yang dinyatakan di atas, kami berpendapat bahawa:

1. kontrak, transaksi dan urusniaga yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional pada tahun berakhir 31 Disember 2016 yang telah kami semak, mematuhi prinsip dan peraturan Syariah; dan
2. pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip dan peraturan Syariah; dan
3. segala pendapatan daripada sumber-sumber yang tidak dibenarkan oleh prinsip dan peraturan Syariah telah disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan
4. pengiraan zakat mematuhi prinsip dan peraturan Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan, setakat kemampuan terbaik kami, bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31 Disember 2016 telah dijalankan mengikut prinsip dan peraturan Syariah.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah:

DR. AHMAD ZAKI SALLEH
Pengerusi Jawatankuasa Syariah

DR. MOHD FUAD MD SAWARI
Ahli Jawatankuasa Syariah

Kuala Lumpur, Malaysia
26 Mei 2017

SHARIAH COMMITTEE'S REPORT

In the name of Allah, the Most Beneficient, the Most Merciful

In carrying out the roles and the responsibilities of the Bank's Shariah Committee as prescribed in the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions issued by Bank Negara Malaysia and incompliance with our letter of appointment, we hereby submit our report for the financial year ended 31 December 2016.

We have reviewed the principles and contracts relating to the transactions and applications of Shariah compliant products introduced by Bank Simpanan Nasional during the period ended 31 December 2016. We have also conducted our review to form an opinion as to whether the Bank Simpanan Nasional has complied with Shariah principles and rulings issued by the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia as well as Shariah decisions made by us.

Bank Simpanan Nasional's management is responsible for ensuring that the Bank conducts its business in relation to all its Shariah compliant products in accordance with Shariah principles. It is our responsibility to form an independent opinion, based on our review of the operations of the Shariah compliant products of Bank Simpanan Nasional, and to report to you.

We formed our opinion based on the information presented to the Committee which included examining, on a test basis of each type of transaction, the relevant documentation and procedures adopted by Bank Simpanan Nasional has not violated the Shariah rules and principles.

During the financial year, there was Shariah non-compliant incidences detected from the ongoing reviews of the Banks's operational processes. Necessary actions were taken accordingly to rectify the Shariah non-compliant event as approved by the Shariah Committee and Board of Directors.

In reliance to the above, except for the Shariah non-compliant events mentioned above, we are of the opinion that:

1. the contracts, transactions and dealings entered into by Bank Simpanan Nasional during the year ended 31 December 2016 that we have reviewed are in compliance with the Shariah rules and principles; and
2. the allocation of profit and charging of losses relating to investment accounts conform to the basis that had been approved by us in accordance with the Shariah rules and principles; and
3. all earnings that have been realised from sources or by means prohibited by the Shariah rules and principles have been considered for disposal to charitable causes; and
4. the calculation of zakat is in compliance with the Shariah rules and principles.

We, the members of the Shariah Committee of Bank Simpanan Nasional, do hereby confirm that, in our level best, the operations of the Shariah compliant products of Bank Simpanan Nasional for the year ended 31 December 2016 have been conducted in conformity with the Shariah rules and principles.

On behalf of Shariah Committee:

DR. AHMAD ZAKI SALLEH
Chairman of the Shariah Committee

DR. MOHD FUAD MD SAWARI
Member of the Shariah Committee

Kuala Lumpur, Malaysia
26 May 2017

PENYATA KEWANGAN

88 Laporan Ketua Audit Negara

92 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

93 Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab ke Atas Pengurusan Kewangan Bank Simpanan Nasional

94 Laporan Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

97 Laporan Jawatankuasa Syariah

98 Penyata Kedudukan Kewangan

99 Penyata Untung Atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

100 Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan

102 Penyata Perubahan Ekuiti

104 Penyata Aliran Tunai

106 Nota Kepada Penyata Kewangan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 15 hingga 177.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Bank Simpanan Nasional (Akta 146). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Bank Simpanan Nasional dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 JUN 2017

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH** dan **DATUK ADINAN BIN MANING** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan perubahan kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta hasil kendaliannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Bagi pihak Lembaga,

TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH
PENGERUSI

Kuala Lumpur
Tarikh: 24 Mei 2017

DATUK ADINAN BIN MANING
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 24 Mei 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami, **TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH** dan **DATUK ADINAN BIN MANING** sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, masing-masing yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas:)

TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
(No. K/P: 550216-02-5191))

dan

DATUK ADINAN BIN MANING)
(No. K/P: 570710-10-5777))
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan)
pada 24 Mei 2017)

Di hadapan saya,

BANK SIMPANAN NASIONAL
Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

Para Pengarah Bank Simpanan Nasional (Bank) dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti dinyatakan masing-masing dalam Nota 9 dan 10 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	BANK RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	181,709	109,495
Belanja cukai dan zakat	(70,117)	(52,318)
Keuntungan bersih pada tahun semasa	111,592	57,177
Keuntungan boleh diagihkan kepada:		
Pemilik Bank	75,795	57,177
Kepentingan bukan kawalan	35,797	-
Keuntungan bersih pada tahun semasa	111,592	57,177

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak rosotnilai dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Dividen tunai yang dibayar oleh Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah RM30 juta. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen bagi tahun yang disemak.

BANK SIMPANAN NASIONAL
Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016 (Sambungan)

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas ialah:

Tan Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah
Datuk Adinan Bin Maning
Alex Foong Soo Hah
Md Tajuddin Bin Md Isa
Haji Kamari Zaman Bin Juhari
Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir
Datuk Fazlur Rahman Ebrahim (dilantik pada 6 Februari 2017)
Dato' Ghazali Bin Awang (berkhidmat sehingga 11 Februari 2016)
Datuk Azizan Bin Abdul Rahman (berkhidmat sehingga 29 Februari 2016)
Ramesh Pillai (berkhidmat sehingga 20 April 2017)

Kesemua ahli Lembaga adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Datuk Adinan Bin Maning. Kesemua ahli Lembaga adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada antara Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang imbuhan (selain daripada imbuhan yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 28 dalam penyata kewangan) dibawah kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan tiada sebarang perjanjian yang mengatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur dalam Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:

i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan

ii) untuk memastikan aset-aset semasa yang mana nilai bukunya, mungkin tidak dapat direalisasi dalam rekod perakaunan dalam urus niaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

BANK SIMPANAN NASIONAL
Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016 (Sambungan)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (Sambungan)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank adalah sangat tidak mencukupi; atau

ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau

iii) tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau

iv) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; atau

ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh menrosotnilaikan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah,

TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH
PENGERUSI

DATUK ADINAN BIN MANING
PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 24 Mei 2017

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah sepertimana digariskan di dalam Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan juga sebagai mematuhi surat perlantikan, kami dengan ini mengemukakan laporan kami bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Kami telah membuat semakan ke atas prinsip dan kontrak berkaitan transaksi-transaksi dan pemakaian produk-produk Syariah yang diperkenalkan oleh Bank Simpanan Nasional dalam tempoh berakhir 31 Disember 2016. Kami juga telah membuat penilaian bagi merumus pendapat sama ada Bank Simpanan Nasional telah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan juga keputusan Syariah yang dibuat oleh pihak kami.

Pengurusan Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab memastikan Bank menjalankan urusniaga berkaitan produk-produk patuh Syariah selaras dengan prinsip dan peraturan Syariah. Adalah tanggungjawab kami untuk merumus pendapat secara bebas, berdasarkan semakan kami ke atas operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional, dan untuk mengemukakan laporan ini.

Pendapat kami dirumus berdasarkan kepada maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk penilaian berdasarkan ujian ke atas setiap jenis transaksi, dokumen-dokumen yang berkaitan dan prosedur-prosedur yang digunapakai oleh Bank Simpanan Nasional tidak melanggar prinsip dan peraturan Syariah.

Sepanjang tahun kewangan, terdapat kejadian ketidakpatuhan Syariah telah dikesan melalui penilaian berterusan yang dilakukan ke atas proses operasi Bank. Tindakan pembetulan sewajarnya telah diambil ke atas kejadian ketidakpatuhan Syariah tersebut sebagaimana yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

Bersandarkan kepada perkara di atas, kecuali bagi ketidakpatuhan Syariah yang dinyatakan di atas, kami berpendapat bahawa:

1. kontrak, transaksi dan urusniaga yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional pada tahun berakhir 31 Disember 2016 yang telah kami semak, mematuhi prinsip dan peraturan Syariah; dan
2. pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip dan peraturan Syariah; dan
3. segala pendapatan daripada sumber-sumber yang tidak dibenarkan oleh prinsip dan peraturan Syariah telah disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan
4. pengiraan zakat mematuhi prinsip dan peraturan Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan, setakat kemampuan terbaik kami, bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31 Disember 2016 telah dijalankan mengikut prinsip dan peraturan Syariah.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah:

DR. AHMAD ZAKI SALLEH
Pengerusi Jawatankuasa Syariah

DR. MOHD FUAD MD SAWARI
Ahli Jawatankuasa Syariah

Kuala Lumpur, Malaysia
26 Mei 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	KUMPULAN 31.12.2016 RM'000	KUMPULAN 31.12.2015 RM'000 (Dinyatakan semula)	KUMPULAN 1.1.2015 RM'000 (Dinyatakan semula)	BANK 31.12.2016 RM'000	BANK 31.12.2015 RM'000 (Dinyatakan semula)	BANK 1.1.2015 RM'000 (Dinyatakan semula)
ASET							
Tunai dan dana jangka pendek	3	**823,012**	885,752	2,007,062	**732,206**	828,781	1,949,277
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	4	**100,000**	-	-	**100,000**	-	-
Pelaburan sekuriti	5	**6,528,544**	9,358,580	10,696,115	**6,365,260**	9,192,737	10,479,096
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	6	**21,093,111**	20,112,574	18,253,416	**21,093,111**	20,112,574	18,253,416
Aset-aset lain	8	**403,730**	385,505	267,816	**237,072**	248,567	241,966
Pelaburan dalam subsidiari	9	**-**	-	-	**53,000**	53,000	53,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	**234,523**	230,096	230,409	**189,058**	187,808	187,808
Hartanah, loji dan kelengkapan	11	**655,388**	563,617	502,849	**633,533**	549,702	483,787
Pelaburan hartanah	12	**7,570**	19,185	20,203	**7,570**	19,185	20,203
Bayaran pajakan prabayar	13	**78,665**	79,407	80,491	**77,788**	78,508	79,570
Aset tak ketara	14	**15,738**	14,106	-	**-**	-	-
Cukai boleh dituntut	21	**131,922**	143,168	112,553	**123,858**	131,114	112,366
Aset cukai tertunda	22	**93,833**	95,879	97,746	**93,088**	94,997	84,353
Aset dana takaful am dan takaful keluarga	39	**2,152,536**	1,884,843	1,434,172	**-**	-	-
Jumlah aset		**32,318,572**	33,772,712	33,702,832	**29,705,544**	31,496,973	31,944,842
LIABILITI DAN EKUITI							
Deposit daripada pelanggan	15	**21,771,748**	23,915,082	26,850,567	**21,774,777**	23,918,063	26,853,455
Akaun pelaburan oleh pelanggan	15	**2,890,259**	2,928,779	-	**2,890,259**	2,928,779	-
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	16	**1,233,491**	741,810	1,459,402	**1,233,491**	741,810	1,459,402
Pendapatan tertunda	17	**381,023**	379,542	391,214	**381,023**	379,542	391,214
Obligasi manfaat persaraan	18	**427,569**	406,822	376,511	**427,569**	406,822	376,511
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	19	**51,362**	31,238	20,079	**51,362**	31,238	20,079
Liabiliti-liabiliti lain	20	**847,675**	1,020,109	782,894	**640,419**	828,082	653,552
Peruntukan untuk zakat	21	**4,362**	3,696	4,408	**4,362**	3,696	4,408
Liabiliti dana takaful am dan takaful keluarga	39	**266,333**	241,920	107,123	**-**	-	-
Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan takaful keluarga	39	**1,886,203**	1,642,923	1,327,049	**-**	-	-
Jumlah liabiliti		**29,760,025**	31,311,921	31,319,247	**27,403,262**	29,238,032	29,758,621
EKUITI							
Jumlah rizab		**2,401,818**	2,339,859	2,269,791	**2,302,282**	2,258,941	2,186,221
Kepentingan bukan kawalan terkumpul	9	**156,729**	120,932	113,794	**-**	-	-
Jumlah ekuiti		**2,558,547**	2,460,791	2,383,585	**2,302,282**	2,258,941	2,186,221
Jumlah liabiliti dan ekuiti		**32,318,572**	33,772,712	33,702,832	**29,705,544**	31,496,973	31,944,842
KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKA	34	**722,753**	1,460,366	1,522,609	**694,924**	1,419,021	1,491,393

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

		KUMPULAN		BANK	
	NOTA	2016 RM'000	2015 RM'000 (Dinyatakan semula)	2016 RM'000	2015 RM'000 (Dinyatakan semula)
Hasil	23	**2,618,982**	2,458,955	**1,944,744**	1,886,325
Pendapatan faedah	24	**792,250**	821,139	**784,299**	810,160
Perbelanjaan faedah	25	**(271,983)**	(387,885)	**(273,030)**	(388,325)
Pendapatan faedah bersih		**520,267**	433,254	**511,269**	421,835
Pendapatan fi dan komisyen	26	**721,882**	651,075	**110,320**	123,015
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	38	**640,869**	568,933	**640,869**	568,933
Pendapatan operasi lain	27	**68,469**	53,384	**13,744**	19,793
Jumlah pendapatan bersih		**1,951,487**	1,706,646	**1,276,202**	1,133,576
Perbelanjaan kakitangan	28	**(597,644)**	(595,184)	**(502,462)**	(505,705)
Overhed lain	29	**(930,527)**	(838,318)	**(419,461)**	(390,609)
Keuntungan operasi sebelum elaun rosotnilai		**423,316**	273,144	**354,279**	237,262
Elaun rosotnilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	30	**(196,002)**	(73,202)	**(196,002)**	(73,202)
Elaun rosotnilai aset-aset lain	31	**(48,782)**	-	**(48,782)**	-
Keuntungan operasi selepas elaun rosotnilai		**178,532**	199,942	**109,495**	164,060
Bahagian keuntungan/(kerugian) selepas cukai bagi syarikat bersekutu		**3,177**	(313)	**-**	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		**181,709**	199,629	**109,495**	164,060
Zakat		**(5,401)**	(4,700)	**(3,000)**	(3,000)
Perbelanjaan cukai	32	**(64,716)**	(80,508)	**(49,318)**	(51,125)
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**111,592**	114,421	**57,177**	109,935
Pendapatan komprehensif lain selepas cukai:					
Item yang berkemungkinan akan diklasifikasi semula ke untung atau rugi:					
Nilai saksama sekuriti tersedia untuk jualan		**16,164**	3,811	**16,164**	3,811
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tahun semasa		**16,164**	3,811	**16,164**	3,811
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		**127,756**	118,232	**73,341**	113,746
Keuntungan boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		**75,795**	107,283	**57,177**	109,935
Kepentingan bukan kawalan		**35,797**	7,138	**-**	-
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**111,592**	114,421	**57,177**	109,935
Jumlah pendapatan komprehensif boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		**91,959**	111,094	**73,341**	113,746
Kepentingan bukan kawalan		**35,797**	7,138	**-**	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa		**127,756**	118,232	**73,341**	113,746

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

KUMPULAN

		Milik pemegang ekuiti Bank								
		Tidak boleh diagih					*Boleh diagih*			
	NOTA	Rizab Am RM'000	Rizab Modal* RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan** RM'000	Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000	Kepentingan Bukan Kawalan RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2015, dilaporkan sebelum ini		100,000	887,334	(65,650)	131,283	42,849	1,221,573	2,317,389	113,794	2,431,183
Pelarasan tahun terdahulu	42	-	-	-	-	-	(47,598)	(47,598)	-	(47,598)
Pada 1 Januari 2015, dinyatakan semula		100,000	887,334	(65,650)	131,283	42,849	1,173,975	2,269,791	113,794	2,383,585
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa										
Keuntungan bersih pada tahun semasa, dinyatakan semula		-	-	-	-	-	107,283	107,283	7,138	114,421
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		-	-	3,811	-	-	-	3,811	-	3,811
Jumlah pendapatan komprehensif dinyatakan semula		-	-	3,811	-	-	107,283	111,094	7,138	118,232
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	-	(41,026)	(41,026)	-	(41,026)
Pematuhan rizab penyamaan keuntungan:										
Peruntukan sepanjang tahun semasa		-	-	-	-	22,902	(22,902)	-	-	-
Penggunaan rizab		-	-	-	-	(22,902)	22,902	-	-	-
Pindahan ke rizab modal		-	55,317	-	-	-	(55,317)	-	-	-
Pada 31 Disember 2015, dinyatakan semula		100,000	942,651	(61,839)	131,283	42,849	1,184,915	2,339,859	120,932	2,460,791

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

KUMPULAN

		Milik pemegang ekuiti Bank								
		Tidak boleh diagih					*Boleh diagih*			
	NOTA	Rizab Am RM'000	Rizab Modal* RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan** RM'000	Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000	Kepentingan Bukan Kawalan RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2016, dilaporkan sebelum ini		100,000	942,651	(61,839)	131,283	42,849	1,233,212	2,388,156	120,932	2,509,088
Pelarasan tahun terdahulu	42	-	-	-	-	-	(48,297)	(48,297)	-	(48,297)
Pada 1 Januari 2016, dinyatakan semula		100,000	942,651	(61,839)	131,283	42,849	1,184,915	2,339,859	120,932	2,460,791
Keuntungan bersih pada tahun semasa		-	-	-	-	-	75,795	75,795	35,797	111,592
Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa		-	-	16,164	-	-	-	16,164	-	16,164
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		-	-	16,164	-	-	75,795	91,959	35,797	127,756
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	-	(30,000)	(30,000)	-	(30,000)
Pematuhan rizab penyamaan keuntungan:										
Peruntukan sepanjang tahun semasa		-	-	-	-	1,479	(1,479)	-	-	-
Penggunaan rizab		-	-	-	-	(1,479)	1,479	-	-	-
Pindahan ke rizab modal		-	28,589	-	-	-	(28,589)	-	-	-
Pada 31 Disember 2016		**100,000**	**971,240**	**(45,675)**	**131,283**	**42,849**	**1,202,121**	**2,401,818**	**156,729**	**2,558,547**

* Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 37(b)(vi).

** Bagi tahun kewangan 2013, rizab pematuhan diselenggara untuk mengukuhkan penampan terhadap potensi kerugian kredit, menurut arahan JDKP/8808/13/5/01 Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Februari 2014. Bank mengekalkan, dalam agregat, peruntukan rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah tunggakan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, selepas ditolak peruntukan rosotnilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

BANK

		Milik pemegang ekuiti Bank						
		Tidak boleh diagih					*Boleh diagih*	
	NOTA	**Rizab Am RM'000**	**Rizab Modal* RM'000**	**Rizab Nilai Saksama RM'000**	**Rizab Pematuhan** RM'000**	**Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000**	**Keuntungan Tertahan RM'000**	**Jumlah Rizab RM'000**
Pada 1 Januari 2015, dilaporkan sebelum ini		100,000	887,334	(65,650)	131,283	42,849	1,138,003	2,233,819
Pelarasan tahun terdahulu	42	-	-	-	-	-	(47,598)	(47,598)
Pada 1 Januari 2015, dinyatakan semula		100,000	887,334	(65,650)	131,283	42,849	1,090,405	2,186,221
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa								
Keuntungan bersih pada tahun semasa, dinyatakan semula		-	-	-	-	-	109,935	109,935
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		-	-	3,811	-	-	-	3,811
Jumlah pendapatan komprehensif dinyatakan semula		-	-	3,811	-	-	109,935	113,746
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	-	(41,026)	(41,026)
Pematuhan rizab penyamaan keuntungan:								
Peruntukan sepanjang tahun semasa		-	-	-	-	22,902	(22,902)	-
Penggunaan rizab		-	-	-	-	(22,902)	22,902	-
Pindahan ke rizab modal		-	55,317	-	-	-	(55,317)	-
Pada 31 Disember 2015, dinyatakan semula		100,000	942,651	(61,839)	131,283	42,849	1,103,997	2,258,941

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

BANK

		Milik pemegang ekuiti Bank						
		Tidak boleh diagih					*Boleh diagih*	
	NOTA	**Rizab Am RM'000**	**Rizab Modal* RM'000**	**Rizab Nilai Saksama RM'000**	**Rizab Pematuhan** RM'000**	**Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000**	**Keuntungan Tertahan RM'000**	**Jumlah Rizab RM'000**
Pada 1 Januari 2016, dilaporkan sebelum ini		100,000	942,651	(61,839)	131,283	42,849	1,152,294	2,307,238
Pelarasan tahun terdahulu	42	-	-	-	-	-	(48,297)	(48,297)
Pada 1 Januari 2016, dinyatakan semula		100,000	942,651	(61,839)	131,283	42,849	1,103,997	2,258,941
Keuntungan bersih pada tahun semasa		-	-	-	-	-	57,177	57,177
Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa		-	-	16,164	-	-	-	16,164
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		-	-	16,164	-	-	57,177	73,341
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	-	(30,000)	(30,000)
Pematuhan rizab penyamaan keuntungan:								
Peruntukan sepanjang tahun semasa		-	-	-	-	1,479	(1,479)	-
Penggunaan rizab		-	-	-	-	(1,479)	1,479	-
Pindahan ke rizab modal		-	28,589	-	-	-	(28,589)	-
Pada 31 Disember 2016		**100,000**	**971,240**	**(45,675)**	**131,283**	**42,849**	**1,102,585**	**2,302,282**

* Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 37(b)(vi).

** Bagi tahun kewangan 2013, rizab pematuhan diselenggara untuk mengukuhkan penampan terhadap potensi kerugian kredit, menurut arahan JDKP/8808/13/5/01 Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Februari 2014. Bank mengekalkan, dalam agregat, peruntukan rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah tunggakan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, selepas ditolak peruntukan rosotnilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		BANK	
	2016 RM'000	2015 RM'000 (Dinyatakan semula)	2016 RM'000	2015 RM'000 (Dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Untung sebelum cukai dan zakat	**181,709**	199,629	**109,495**	164,060
Pelarasan untuk:				
Pelunasan premium bersih/(Pertambahan diskaun)	**95,222**	(31,247)	**95,222**	(31,247)
Susut nilai hartanah, loji dan kelengkapan	**96,176**	80,115	**92,998**	77,340
Susut nilai pelaburan hartanah	**295**	717	**295**	717
Pelunasan pembayaran pajakan prabayar	**1,091**	1,084	**1,069**	1,062
Pelunasan aset tak ketara	**6,056**	2,873	**-**	-
Hartanah, loji dan kelengkapan dihapus kira	**1,239**	6,799	**1,239**	6,799
Pelaburan hartanah dihapus kira	**-**	301	**-**	301
Pelarasan hartanah, loji dan kelengkapan	**796**	371	**797**	371
(Keuntungan)/Kerugian ke atas pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	**(223)**	25	**52**	27
Kerugian kemerosotan untuk hartanah, loji dan kelengkapan	**-**	929	**-**	929
Rosotnilai kolektif untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**184,209**	38,271	**184,209**	38,271
Kerugian rosotnilai ke atas pelaburan sekuriti	**48,782**	-	**48,782**	-
Hutang lapuk diperoleh semula	**(11,234)**	(12,962)	**(11,234)**	(12,962)
Peruntukan untuk hutang ragu termasuk dalam aset-aset lain dimasukkan semula	**(53)**	(1,109)	**(53)**	(1,109)
Hutang lapuk dihapus kira	**23,027**	47,893	**23,027**	47,893
Bahagian (keuntungan)/kerugian dalam syarikat bersekutu	**(3,177)**	313	**-**	-
(Keuntungan)/Kerugian bersih daripada pelaburan sekuriti	**(25,881)**	5,011	**(19,456)**	6,645
Manfaat perubatan selepas persaraan	**9,675**	9,529	**9,675**	9,529
Manfaat persaraan/gratuiti	**25,000**	25,748	**25,000**	25,748
Manfaat kakitangan jangka panjang lain	**790**	1,781	**790**	1,781
Pendapatan dividen	**(9,664)**	(9,318)	**(9,183)**	(9,300)
Pelunasan geran kerajaan	**(18,519)**	(11,672)	**(18,519)**	(11,672)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	**605,316**	355,081	**534,205**	315,183
Perubahan dalam deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	**(100,000)**	-	**(100,000)**	-
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**(1,176,539)**	(1,932,360)	**(1,176,539)**	(1,932,360)
Perubahan dalam aset-aset lain	**(18,172)**	(116,580)	**11,548**	(5,492)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan dan akaun pelaburan oleh pelanggan	**(2,181,854)**	(6,706)	**(2,181,806)**	(6,613)
Perubahan dalam deposit dan penempatan institusi kewangan lain	**491,681**	(717,592)	**491,681**	(717,592)
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**(172,434)**	237,215	**(187,663)**	174,530
Aliran tunai digunakan dalam operasi	**(2,552,002)**	(2,180,942)	**(2,608,574)**	(2,172,344)
Cukai dibayar	**(56,529)**	(111,612)	**(45,258)**	(82,873)
Zakat dibayar	**(4,735)**	(5,412)	**(2,334)**	(3,712)
Bayaran untuk manfaat perubatan selepas persaraan	**(1,332)**	(1,086)	**(1,332)**	(1,086)
Bayaran untuk manfaat persaraan/gratuiti	**(12,787)**	(5,113)	**(12,787)**	(5,113)
Bayaran untuk manfaat pekerja jangka panjang lain	**(599)**	(548)	**(599)**	(548)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	**(2,627,984)**	(2,304,713)	**(2,670,884)**	(2,265,676)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		BANK	
	2016 RM'000	**2015 RM'000 (Dinyatakan semula)**	**2016 RM'000**	**2015 RM'000 (Dinyatakan semula)**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pelaburan dalam subsidiari	**(1,250)**	-	**(1,250)**	-
Terimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	**2,034**	72	**1,757**	69
Pembelian hartanah, loji dan kelengkapan	**(188,456)**	(165,065)	**(169,703)**	(151,450)
Pembelian aset tak ketara	**(54)**	(993)	**-**	-
Pembelian bersih pelaburan sekuriti	**(577,892)**	(572,231)	**-**	(75,682)
Dividen diterima	**9,664**	9,318	**9,183**	9,300
Terimaan daripada pelupusan perlaburan sekuriti	**3,311,074**	1,942,169	**2,724,198**	1,392,810
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	**2,555,120**	1,213,270	**2,564,185**	1,175,047
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**33,083**	20,056	**33,083**	20,056
Pembayaran pinjaman dan pembiayaan kepada institusi	**(12,959)**	(8,897)	**(12,959)**	(8,897)
Penerimaan geran daripada Kerajaan	**20,000**	-	**20,000**	-
Dividen dibayar kepada Kerajaan	**(30,000)**	(41,026)	**(30,000)**	(41,026)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	**10,124**	(29,867)	**10,124**	(29,867)
PENURUNAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN	**(62,740)**	(1,121,310)	**(96,575)**	(1,120,496)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	**885,752**	2,007,062	**828,781**	1,949,277
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	**823,012**	885,752	**732,206**	828,781
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 3)	**823,012**	885,752	**732,206**	828,781

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berpengkalan di Malaysia. Pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan Bank adalah seperti berikut:

Wisma BSN,
117, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 tidak termasuk entiti lain.

Aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiarinya dinyatakan masing-masing di Nota 9 dan 10 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama Bank dan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk terbitan menurut resolusi para Pengarah pada 24 Mei 2017.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA), Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan keperluan Syariah, di mana berkenaan.

Berikut adalah MFRS, pindaan MFRS dan interpretasi IC yang telah dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasa oleh Kumpulan dan Bank:

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2017:

- Pindaan kepada MFRSs terdapat di dalam dokumen bertajuk "Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2014-2016"
  – Pindaan kepada MFRS 12, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti
- Inisiatif pendedahan (Pindaan kepada MFRS 107)
- Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Direalisasi (Pindaan kepada MFRS 112)

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2018:

- MFRS 15 Perolehan daripada Kontrak dengan Pelanggan
- Penjelasan kepada MFRS 15 Perolehan daripada Kontrak dengan Pelanggan
- MFRS 9 Instrumen Kewangan (2014)
- Pindaan kepada MFRSs terdapat di dalam dokumen bertajuk "Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2014-2016"
  – Pindaan kepada MFRS 1 Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
  – Pindaan kepada MFRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
- Pindahan Harta Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 140)
- Interpretasi IC 22 Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan
- Mengguna Pakai Instrumen Kewangan MFRS 9 dengan MFRS 4 Kontrak Insuran (Pindaan ke atas MFRS 4)
- Pembayaran Berasaskan Saham – Pengelasan dan Pengukuran Transaksi Pembayaran Berasaskan Saham (Pindaan ke atas MFRS 2)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyata Pematuhan (sambungan)

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2019:

- MFRS 16 Pajakan

Dikuatkuasa bagi tarikh yang akan disahkan:

- Pindaan kepada MFRS 10 *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Penerangan yang ringkas mengenai MFRS baru, pindaaan kepada MFRS dan IC Interpretasi di atas yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

(i) Pindaan untuk MFRS yang terkandung dalam dokumen bertajuk "Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2014 – 2016". Penambahbaikan tahunan terdiri daripada pindaan yang berikut:

(a) Pindaan kepada MFRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

Pindaan itu menjelaskan bahawa entiti yang tidak perlu mendedahkan ringkasan maklumat kewangan untuk anak syarikat, usaha sama atau bersekutu apabila ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan menurut MFRS 5.

(b) Pindaan kepada MFRS 1 Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia

Pindaan mengeluarkan peruntukan tertentu daripada piawaian yang telah digunakan dan tidak lagi diperlukan.

(c) Pindaan kepada MFRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama

Pindaan menjelaskan bahawa apabila pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dipegang oleh entiti yang merupakan organisasi teroka, atau kumpulan wang bersama, unit amanah atau entiti yang sama, entiti boleh memilih untuk mengukur bahawa pelaburan pada nilai saksama pada pelaburan demi pelaburan yang mengikut piawaian.

Penggunaan penambahbaikan tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2014 – 2016 dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

(ii) Inisiatif Pendedahan (Pindaan kepada MFRS 107)

Pindaan kepada MFRS 107 memerlukan entiti untuk menyediakan pendedahan kepada perubahan dalam liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan, termasuk perubahan daripada aliran tunai dan perubahan bukan tunai. Daripada perubahan penggunaan pindaan ini, suatu penyesuaian antara pembukaan dan baki penutup bagi liabiliti daripada aktiviti pembiayaan telah didedahkan. Penggunaan pindaan ini tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ke atas Kumpulan dan Bank kerana pendedahan sahaja yang rosotnilai.

(iii) Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Nyata (Pindaan kepada MFRS 112)

Pindaan kepada MFRS 112 menjelaskan kaedah perakaunan aset cukai tertunda bagi kerugian tidak nyata pada kadar tetap instrumen hutang pada nilai saksama. Penggunaan pindaan ini tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ke atas Kumpulan dan Bank sebagai satu Kumpulan dan Bank telah memohon prinsip-prinsip di bawah pindaan ini.

(iv) MFRS 15 Perolehan Daripada Kontrak dengan Pelanggan

MFRS 15 mewujudkan prinsip yang boleh diguna pakai oleh entiti untuk melaporkan maklumat berguna mengenai jenis, amaun, pemasaan dan ketidaktentutan perolehan dan aliran tunai yang diperoleh daripada kontrak dengan pelanggan. Prinsip utama MFRS 15 ialah apabila entiti mengiktiraf perolehan dengan cara yang menunjukkan pertimbangan suatu entiti dijangka layak untuk menerima sebagai pertukaran untuk barang atau perkhidmatan.

Penerimaan pakai MFRS 15 tidak dijangka mempunyai kesan penting atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata Pematuhan (sambungan)

Penerangan yang ringkas mengenai MFRS baru, pindaaan kepada MFRS dan IC Interpretasi di atas yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut (sambungan):

(v) MFRS 9 Instrumen Kewangan (2014)

Versi akhir MFRS 9 ini menggantikan semua versi MRFS 9 sebelumnya. Permohonan retrospektif diperlukan, namun maklumat perbandingan tidak dimestikan.

Piawaian ini memperkenalkan keperluan baharu bagi pengelasan dan pengukuran aset dan liabiliti, pengurangan nilai aset kewangan dan perakaunan lindung nilai.

Pengelasan dan pengukuran

Pendekatan bagi pengelasan aset kewangan didorong oleh ciri-ciri aliran tunai dan model perniagaan di mana suatu aset dipegang dengan dua kategori pengukuran – kos terlunas dan nilai saksama. Semua instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama. Instrumen hutang diukur pada kos terlunas sekiranya entiti itu memegangnya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak dan aliran tunai tersebut merupakan amaun prinsipal dan faedah. Bagi liabiliti kewangan, piawaian itu mengekalkan kebanyakan keperluan MFRS 139. Ini termasuk perakaunan kos terlunas bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan derivatif terbenam yang dwicabang. Perubahan utama ialah, dalam keadaan apabila opsyen nilai saksama diambil sebagai liabiliti kewangan, pertukaran nilai saksama yang disebabkan oleh risiko kredit entiti itu sendiri, dicatatkan dalam pendapatan komprehensif lain bukannya penyata untung atau rugi, kecuali ini menyebabkan ketakpadanan perakaunan.

Rosotnilai

Keperluan susutnilai diterima pakai bagi set kewangan yang diukur pada kos terlunas dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, pajakan belum terima dan komitmen pinjaman tertentu lain serta kontrak jaminan kewangan. Pada pengiktirafan awal, peruntukan bagi susutnilai diperlukan bagi kerugian kredit yang dijangkakan (ECL) berikutan peristiwa kemungkiran yang berkemungkinan berlaku dalam tempoh 12 bulan (ECL selama 12 bulan). Sekiranya berlaku peningkatan yang ketara dalam risiko kredit, peruntukan bagi pengurangan susutnilai diperlukan untuk ECL yang disebabkan oleh semua peristiwa kemungkiran yang mungkin sepanjang jangkaan hayat instrumen kewangan berkenaan. Pentaksiran sama ada risiko kredit telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dibuat bagi setiap tempoh pelaporan dengan mempertimbangkan kebarangkalian berlakunya kemungkiran sepanjang baki hayat instrumen kewangan tersebut. Pentaksiran risiko kredit, serta anggaran ECL, hendaklah tidak berat sebelah, berwajaran kebarangkalian dan hendaklah menggabungkan semua maklumat yang berkaitan dengan pentaksiran tersebut, termasuk maklumat mengenai peristiwa lampau, keadaan semasa dan unjuran munasabah dan boleh disokong mengenai peristiwa masa hadapan dan keadaan ekonomi pada tarikh pelaporan. Selain itu, anggaran mengenai ECL hendaklah mengambil kira nilai semasa wang.

Perakaunan lindung nilai

Dibawah MFRS 9, keperluan perakaunan lindung nilai dipermudahkan bagi ujian keberkesanan lindung nilai dan membenarkan perakaunan lindung nilai untuk diguna pakai bagi instrumen dan risiko lindung nilai yang lebih pelbagai. Piawaian tersebut tidak menyelesaikan secara nyata perakaunan lindung nilai makro, yang dipertimbangkan dalam projek berasingan.

MFRS 9 memperkenalkan perubahan penting dalam cara Kumpulan dan Bank mengambil kira instrumen kewangan, terutamanya dasar perakaunan mengenai peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Penerimaan pakai keperluan bagi pengelasan dan pengukuran akan memberi kesan ke atas pengelasan dan pengukuran aset kewangan Kumpulan dan Bank, tetapi ia dijangka tidak mempunyai kesan ke atas pengelasan dan pengukuran liabiliti Kumpulan dan Bank.

Pengiktirafan dan pengukuran pengurangan nilai di bawah MFRS 9 bertujuan untuk lebih berpandangan jauh berbanding dengan di bawah MFRS 139 dan menyebabkan kenaikan dalam peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan memandangkan lebih banyak aset kewangan (MFRS 9 termasuk komitmen pinjaman dan kontrak jaminan pembiayaan) akan dinilai untuk pengurangan nilai dan peruntukan bagi pengurangan nilai akan dibuat untuk sekurang-kurangnya 12 bulan ECL.

MFRS 9 membenarkan entiti-entiti meneruskan dengan perakaunan lindung nilai di bawah MFRS 139 walaupun semasa elemen lain MFRS 9 berkuat kuasa jauh pada 1 Januari 2018. Kumpulan dan Bank akan terus menerima pakai perakaunan lindung nilai di bawah MFRS 139 sehingga lebih banyak penjelasan diperoleh mengenai keperluan perakaunan lindung nilai makro.

Penyediaan MFRS 9 oleh Kumpulan dan Bank bermula pada tahun 2015 dengan penubuhan Pasukan Projek MFRS 9 yang diketuai oleh Ketua Pegawai Kewangan Bank dan dibantu oleh perunding bagi Pelaksanaan MFRS 9. Pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016, Kumpulan dan Bank menyelesaikan penilaian jurang dan mula membangunkan model-model pengurangan nilai patuh MFRS 9 bagi semua pendedahan kredit yang rosotnilai.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata Pematuhan (sambungan)

(vi) Pemindahan Pelaburan Hartanah (Pindaan kepada MFRS 140)

Pindaan ini menjelaskan peruntukan yang sedia ada dalam piawaian mengenai pemindahan kepada, atau daripada kategori pelaburan hartanah. Penggunaan pindaan ini dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

(vii) Interpretasi IC 22 Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Terlebih Dahulu

Interpretasi IC menangani isu di mana kadar pertukaran yang akan digunakan dalam laporan transaksi urus niaga mata wang asing melibatkan pertimbangan terlebih dahulu sama ada dibayar atau diterima. Penggunaan Interpretasi IC ini dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

(viii) Mengguna Pakai Instrumen Kewangan MFRS 9 dengan MFRS 4 Kontrak Insuran (Pindaan ke atas MFRS 4)

Pindaan menangani isu-isu yang timbul daripada cabaran peralihan memohon pengecualian sementara daripada MFRS 9 untuk penanggung insurans memandangkan kontrak insurans baru yang akan datang MFRS17 standard dijangka akan dikeluarkan tidak lama lagi. Tarikh tamat tempoh pengecualian sementara daripada MFRS 9 bertepatan dengan tarikh kuat kuasa tentatif MFRS 17, seperti yang diputuskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa pada bulan November 2016. Di samping itu, untuk mengurangkan kesan turun naik sementara keputusan yang dilaporkan entiti yang berurusan dengan kontrak insurans, pindaan memperkenalkan dua pilihan sukarela tambahan, iaitu pendekatan lapisan dan pendekatan penangguhan. Penggunaan pindaan ini dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

(ix) Pembayaran Berasaskan Saham – Pengelasan dan Pengukuran Transaksi Pembayaran Berasaskan Saham (Pindaan ke atas MFRS 2)

Pindaan ini memberi panduan tentang bagaimana untuk mengambil kira situasi yang berikut:

- Kesan syarat-syarat keadaan letak hak dan tidak letak hak mengenai pengukuran yang bayaran berdasarkan saham penyelesaian tunai;
- Pengelasan urus niaga bayaran berasaskan saham dengan ciri-ciri penyelesaian bersih untuk pegangan pajak; dan
- Pengubahsuaian kepada terma-terma dan syarat-syarat urus niaga bayaran berasaskan saham yang mengubah klasifikasi transaksi dari tunai diselesaikan untuk penyelesaian ekuiti.

Kumpulan dan Bank pada masa ini tidak mempunyai apa-apa urus niaga bayaran berasaskan saham, penggunaan pindaan ini tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ke atas Kumpulan dan Bank.

(x) MFRS 16 Pajakan

MFRS 16 memperkenalkan model perakaunan tunggal untuk penyewa dan menghapuskan perbezaan antara pajakan kewangan dan pajakan operasi. Penerima pajak kini perlu mengiktiraf aset dan liabiliti untuk semua pajakan dengan tempoh lebih daripada 12 bulan, kecuali aset sandaran yang mempunyai nilai yang rendah. Dengan mengguna pakai MFRS 16, Kumpulan dan Bank dikehendaki untuk mengambil kira sebahagian besar daripada pajakan operasi mereka dalam kunci kira-kira dengan mengiktiraf aset dan liabiliti pajakan 'hak-guna', sekali gus meningkatkan aset dan liabiliti Kumpulan dan Bank.

Kesan kewangan yang timbul daripada penggunaan piawaian ini masih dinilai oleh Kumpulan.

(xi) Pindaan kepada MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama

Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 menangani konflik antara keperluan MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama dan MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan dan menjelaskan bahawa dalam transaksi yang melibatkan syarikat bersekutu atau usaha sama, sejauh mana keuntungan atau kerugian pengiktirafan bergantung sama ada harta yang dijual atau disumbangkan membentuk perniagaan. Menurut pindaan itu, keuntungan atau kerugian sepenuhnya harus diiktiraf atas kehilangan kawalan ke atas perniagaan, sama ada perniagaan itu terletak di dalam anak syarikat atau tidak. Pada masa yang sama, keuntungan atau kerugian daripada penjualan atau sumbangan anak syarikat yang bukan terdiri daripada perniagaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam MFRS 3 Gabungan Perniagaan kepada syarikat bersekutu atau usaha sama hanya boleh diiktiraf pada pelabur yang tiada kaitan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

Para Pengarah tidak menjangka bahawa permohonan pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 akan memberi kesan yang ketara kepada penyata kewangan disatukan Kumpulan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan daripada yang dinyatakan dalam Nota 2. Kos sejarah secara umumnya berasaskan nilai saksama pertimbangan yang terlibat dalam pertukaran untuk aset. Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran, tidak kira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan dengan terus atau dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam menganggar nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira karakter aset atau liabiliti jika peserta pasaran akan mengambil karakter tersebut dalam menentukan harga aset atau liabiliti pada tarikh pengukuran. Nilai saksama untuk pengukuran dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditetapkan atas dasar tersebut kecuali untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di dalam skop MFRS 2, urus niaga pemajakan yang berada di dalam skop MFRS 117 dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan dinilai pada nilai saksama, seperti nilai boleh direalisasi dalam MFRS 102 atau nilai digunakan dalam MFRS 136.

Di samping itu, untuk tujuan laporan kewangan, pengukuran nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 atau 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan tahap signifikan input kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan yang dihuraikan seperti berikut:

- Input Tahap 1 adalah harga disebut (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama di mana entiti boleh mengaksesnya pada tarikh pengukuran;
- Input Tahap 2 adalah input, selain daripada harga disebut yang termasuk dalam Tahap 1, yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Input Tahap 3 adalah input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan mengenal pasti pemindahan antara hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Bank dan telah dibundarkan kepada ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Dalam penyediaan penyata kewangan, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini. Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana anggaran itu disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang rosotnilai.

Bahagian penting penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting dalam menentukan jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

(i) Kerugian rosotnilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank menyemak portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan untuk menentukan sama ada kerugian rosotnilai patut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dianggap sebagai rosotnilai apabila terdapat bukti objektif rosotnilai akibat daripada peristiwa kerugian yang telah merosotnilaikan anggaran aliran tunai masa depan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tersebut selepas pengiktirafan awal.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(i) Kerugian rosotnilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (sambungan)

Rosotnilai kolektif

Rosotnilai kolektif diaplikasi ke atas kumpulan pembiayaan dengan karakter risiko kredit yang sama, dan yang tidak dikelaskan di bawah rosotnilai individu.

Elaun kolektif mengambil kira kebarangkalian pembiayaan menjadi mungkir (atau kebarangkalian mungkir) dan anggaran kerugian apabila mungkir (atau kerugian mungkir) pembiayaan tertentu.

Kebarangkalian mungkir adalah hasil kumulatif tren mungkir untuk tempoh tertentu yang ditetapkan, sedangkan kerugian mungkir adalah diukur dengan mempertimbangkan nilai cagaran kepada pembiayaan dan anggaran tempoh pemulihan daripada cagaran.

Kebarangkalian mungkir mencerminkan sektor perniagaan untuk pembiayaan dan ditapis ke tahap graviti dari segi mungkir yang ditunjukkan oleh pembiayaan. Kadar untuk kebarangkalian mungkir mengambil aspek risiko sektor perniagaan.

(ii) Rosotnilai aset kewangan tersedia untuk jualan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, pihak pengurusan akan menilai sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal pelaburan.

Rosotnilai sekuriti hutang

Sekuriti hutang rosotnilai jika terdapat tanda peristiwa kerugian telah berlaku sejak pengiktirafan awal. Ia biasanya mempunyai kesan negatif terhadap anggaran aliran tunai masa depan berkaitan dengan pembayaran balik sekuriti.

Rosotnilai sekuriti ekuiti

Bagi instrumen ekuiti, rosotnilai tidak dikenal pasti berdasarkan analisa unjuran aliran tunai seperti instrumen hutang di atas. Ia wujud kerana berlakunya peristiwa-peristiwa berikut:

a. penurunan signifikan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal (20%); atau

b. penurunan berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal (9 bulan)

Peristiwa di atas ini dianggap bukti objektif bagi peruntukan rosotnilai atas sekuriti ekuiti.

(iii) Rosotnilai aset kewangan dipegang hingga matang

Kumpulan dan Bank menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai pelaburan dipegang hingga matang yang disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa kerugian yang mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi pelaburan kewangan atau kumpulan pelaburan kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Jika terdapat bukti objektif rosotnilai, kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan, ditolak sebarang kerugian rosotnilai nilai yang diiktiraf sebelumnya.

Jika pelaburan dipegang hingga matang mempunyai kadar keuntungan berubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosotnilai adalah kadar keuntungan semasa efektif yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai suaimanfaat praktikal, Kumpulan dan Bank boleh mengukur rosotnilai nilai atas asas nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran tersiar.

(iv) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf ke atas kerugian cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara yang boleh ditolak sehingga ke tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan cukai masa hadapan yang mencukupi boleh diperolehi untuk kegunaan cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara tersebut. Pertimbangan signifikan oleh pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan tempoh masa yang berkemungkinan dan tahap keuntungan boleh cukai hadapan, bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(v) Obligasi manfaat persaraan

Nilai kini obligasi pelan manfaat ditentukan bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan menggunakan beberapa andaian.

Andaian yang digunakan untuk menentukan kos bersih manfaat persaraan telah mengambil kira kadar diskaun, kadar inflasi perubatan kadar peningkatan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan kepada amaun bawaan obligasi pelan manfaat ditentukan.

Kumpulan dan Bank menentukan kadar diskaun yang berpatutan pada setiap akhir tempoh pelaporan. Ia digunakan untuk menentukan nilai semasa anggaran aliran keluar tunai masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi pelan manfaat ditentukan tersebut. Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan Bank mengambil kira kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi yang dinominasikan dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan ianya mempunyai tempoh kematangan lebih kurang sama dengan tempoh obligasi pelan manfaat ditentukan tersebut.

Andaian utama yang digunakan dalam penganggaran obligasi masa hadapan Kumpulan dan Bank yang timbul daripada manfaat perubatan selepas perkhidmatan, manfaat persaraan/gratuiti dan manfaat kakitangan jangka panjang lain masing-masing dinyatakan dalam Nota 18.

(vi) Peruntukan untuk fi wakalah/pembiayaan Akaun Khas Individu (ISA) dan Akaun Unit Perlindungan (PUA)

Peruntukan untuk fi wakalah

Peruntukan telah dibuat untuk merekodkan kerugian masa hadapan yang tertentu, jika ada, kepada Pengendali Takaful yang timbul daripada servis kontrak polisi individu dengan peserta.

a. Produk caruman tunggal

Peruntukan dianggar berdasarkan nilai kini aktuari bagi perbelanjaan penyelenggaraan pada masa hadapan.

b. Produk lain

Peruntukan dianggarkan berdasarkan aliran wang tunai bersih masa hadapan yang didiskaunkan kepada Pengendali Takaful dengan menggunakan kaedah aktuari yang selaras dengan apa yang digunakan bagi bukan unit rizab dalam penanggung insurans hayat konvensional dikenali sebagai kaedah rizab “sterling”.

Andaian yang digunakan adalah selaras dengan apa yang digunakan dalam penilaian dana Tabarru’ dan andaian perbelanjaan Pengendali Takaful adalah berdasarkan kajian pengalaman Kumpulan.

Pembiayaan untuk ISA dan PUA

Kumpulan menyediakan pembiayaan kepada peserta untuk menyelesaikan caj Tabarru’ tertunggak kepada dana takaful keluarga bagi jumlah yang kekurangan dalam dana setiap peserta ISA dan PUA. Peruntukan untuk kerugian rosotnilai dibuat kepada pembiayaan ini dengan menggunakan anggaran nisbah luput bagi sijil-sijil yang terlibat. Selepas pembiayaan, peruntukan untuk kerugian rosotnilai akan dinyatakan semula sehingga jumlah asal dibekalkan untuk sijil peserta yang menambah kekurangan mereka manakala kerugian rosotnilai dihapus kira bagi sijil/manfaat yang luput.

(vii) Takaful

Penghutang takaful diiktiraf apabila terhutang dan pengiktirafan awal diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang takaful diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

Jika terdapat bukti objektif bahawa penghutang takaful rosotnilai, Kumpulan mengurangkan jumlah bawaan penghutang takaful dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian rosotnilai dalam untung atau rugi. Kumpulan mengumpulkan bukti objektif bahawa penghutang takaful dirosotnilaikan menggunakan proses yang sama bagi aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Kerugian rosotnilai dikira di bawah kaedah sama yang digunakan untuk aset kewangan. Proses-proses ini telah dijelaskan di Nota 2(i)(v). Penghutang Takaful dinyahiktiraf apabila kriteria penyahiktirafan bagi aset kewangan telah dipenuhi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(viii) Dana takaful am – Peruntukan untuk tuntutan tertunggak

Peruntukan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan adalah berdasarkan anggaran kos muktamad bagi semua tuntutan yang berlaku tetapi tidak diselesaikan pada akhir tempoh pelaporan, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama-sama dengan tuntutan yang berkaitan dengan kos pengendalian dan pengurangan nilai penyelamatan yang dijangka dan lain-lain pemulihan. Kelewatan boleh berlaku dalam pemberitahuan dan penjelasan dalam beberapa jenis tuntutan. Oleh itu, kos muktamad tuntutan ini tidak boleh diketahui dengan pasti pada akhir tempoh pelaporan. Liabiliti ini dikira pada akhir tempoh pelaporan dengan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan piawaian aktuari berdasarkan data empirik dan andaian semasa yang boleh merangkumi margin untuk sisihan negatif. Liabiliti ini tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang. Tiada peruntukan untuk rizab penyamaan atau malapetaka diiktiraf. Liabiliti ini tidak lagi diiktiraf apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan.

Sebagaimana dengan semua unjuran, terdapat unsur-unsur ketidaktentuan, maka unjuran tuntutan masa hadapan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam mengunjurkan tuntutan masa hadapan adalah berdasarkan pengalaman tuntutan lepas. Ketidaktentuan ini berlaku dari perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam penyebaran risiko, masa dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan asas andaian.

(ix) Dana takaful keluarga - Peruntukan untuk tuntutan tertunggak

Bagi perniagaan kumpulan keluarga, peruntukan dibuat bagi kos tuntutan bersama dengan perbelanjaan yang berkaitan dan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan bagi kemalangan dan perlindungan kesihatan pada akhir tempoh pelaporan. Kos muktamad bagi tuntutan tertunggak adalah dianggar dengan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan piawaian aktuari, seperti Chain Ladder, Bornheutter-Ferguson dan Nisbah Rugi Muktamad oleh aktuari Kumpulan yang berkelayakan. Bagi semua unjuran, terdapat unsur-unsur yang tidak menentu maka pengalaman tuntutan masa hadapan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam mengunjurkan tuntutan masa hadapan adalah berdasarkan pengalaman tuntutan lepas.

Ketidaktentuan ini berlaku disebabkan perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam penyebaran risiko, masa dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan asas andaian.

(x) Dana takaful keluarga - Rizab aktuari

Liabiliti aktuari bagi produk berkaitan dengan pelaburan dan produk bukan berkaitan dengan pelaburan dikira menggunakan kaedah aliran tunai didiskaun untuk memastikan sebarang aliran tunai negatif masa hadapan akibat kekurangan caj Tabarru' untuk memenuhi jangkaan perbelanjaan manfaat keluar dihapuskan.

Liabiliti takaful keluarga diiktiraf apabila kontrak dimeterai dan caruman dikenakan.

Liabiliti ini diukur dengan menggunakan kaedah penilaian aktuari prospektif. Liabiliti ini ditentukan sebagai jumlah nilai kini manfaat masa hadapan yang ditolak dengan nilai kini bagi pertimbangan kasar masa hadapan yang timbul daripada sijil yang didiskaunkan pada kadar diskaun risiko yang bersesuaian. Liabiliti ini berdasarkan andaian anggaran terbaik dan dengan mengambil kira pengalaman penting kebelakangan ini. Jumlah yang sesuai bagi peruntukan margin risiko untuk sisihan negatif daripada jangkaan pengalaman dibuat dalam penilaian liabiliti.

Bagi sijil keluarga di mana sebahagian daripada atau keseluruhan caruman terkumpul dalam suatu dana, jumlah yang terkumpul seperti yang diisytiharkan kepada peserta akan ditetapkan sebagai liabiliti. Pensifaran diaplikasi pada peringkat sijil dan tiada sijil dianggap sebagai aset di bawah kaedah penilaian yang diguna pakai.

Pelarasan kepada liabiliti pada setiap akhir tempoh pelaporan adalah direkodkan dalam untung atau rugi. Keuntungan daripada margin sisihan negatif di atas kontrak larian diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang hayat kontrak manakala kerugian diiktiraf sepenuhnya dalam untung atau rugi pada tahun pertama larian.

Liabiliti ini tidak diiktirafkan apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan. Pada setiap akhir tempoh pelaporan, satu penilaian dibuat sama ada liabiliti takaful keluarga yang diiktiraf adalah mencukupi dengan menggunakan ujian kecukupan liabiliti yang sedia ada.

Apa-apa kekurangan direkodkan dalam untung atau rugi dengan penubuhan rizab teknikal bagi kerugian tersebut. Pada tempoh berikutnya, liabiliti bagi suatu blok perniagaan yang telah gagal ujian kecukupan adalah berdasarkan andaian-andaian yang ditubuhkan pada masa pengiktirafan kerugian. Kerugian yang terhasil daripada ujian kecukupan liabiliti boleh ditarikbalik dalam tahun-tahun masa hadapan jika rosotnilai tidak lagi wujud.

Sebagaimana dengan semua unjuran, terdapat unsur-unsur ketidaktentuan dan oleh itu liabiliti yang diunjurkan mungkin akan berbeza daripada liabiliti yang sebenar disebabkan tahap penting ketidakpastian yang terlibat dalam kadar diskaun yang digunakan dan juga andaian kematian dan kesihatan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah digunakan secara konsisten oleh Kumpulan dan Bank, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan

(i) Subsidiari dan asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Bank dan entiti yang dikawal oleh Bank dan subsidiarinya. Kawalan dicapai apabila Bank:

- mempunyai kuasa atas penerima pelaburan;
- terdedah atau mempunyai hak, pulangan berubah-ubah dari penglibatannya dengan menerima pelaburan; dan
- mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya untuk memberi kesan kepada pulangan.

Bank menaksir semula sama ada ia mengawal satu penerima pelaburan jika fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih tiga unsur kawalan yang disenaraikan di atas.

Apabila Bank mempunyai hak mengundi kurang daripada majoriti di dalam penerima pelaburan, ianya mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan apabila hak mengundinya cukup untuk memberikan kebolehan praktikal dalam mentadbir aktiviti relevan penerima pelaburan secara unilateral. Bank mempertimbangkan semua fakta relevan dan keadaan dalam menaksir sama ada hak mengundi Bank dalam satu penerima pelaburan adalah mencukupi untuk memberi ia kuasa, termasuk:

- saiz pegangan hak mengundi Bank berbanding dengan saiz dan penyerakan pemegangan pemegang-pemegang undian yang lain;
- potensi hak mengundi dipegang oleh Bank, pemegang-pemegang undian lain atau pihak lain;
- hak terhasil daripada persetujuan kontrak lain; dan
- mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Bank mempunyai, atau tidak mempunyai, kebolehan untuk mentadbir aktiviti relevan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak pengundian di mesyuarat pemegang saham sebelumnya

Penyatuan subsidiari bermula apabila Bank mendapatkan kawalan ke atas subsidiari dan terhenti apabila Bank hilang kawalan terhadap subsidiari itu. Secara khusus, pendapatan dan perbelanjaan dalam subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan di dalam untung atau rugi dari tarikh Bank mendapat kawalan sehingga tarikh Bank berhenti mengawal subsidiari.

Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain diagihkan kepada pemilik Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan. Jumlah pendapatan komprehensif subsidiari diagihkan kepada pemilik Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun menyebabkan keputusan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit.

Jika perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan subsidiari dengan melaraskan polisi perakaunan mereka sejajar dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Semua aset dan liabiliti dalam ahli kumpulan, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga di antara ahli-ahli Kumpulan dihapuskan sepenuhnya semasa penyatuan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(i) Subsidiari dan asas penyatuan (sambungan)

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam subsidiari

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam subsidiari yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan Kumpulan diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Amaun bawaan bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan dilaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti pemilikan Bank.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas subsidiari, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi dan dikira sebagai perbezaan di antara:

a. agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang kepentingan tertangguh; dan

b. amaun bawaan terdahulu oleh aset (termasuk muhibah) dan liabiliti subsidiari dan sebarang kepentingan bukan kawalan.

Semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain yang berkenaan dengan subsidiari tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau liabiliti yang berkenaan subsidiari (iaitu dikelaskan semula sebagai untung atau rugi dan dipindahkan ke satu lagi kategori ekuiti seperti yang ditetapkan/dibenarkan oleh MFRS). Nilai saksama bagi apa-apa pelaburan tertahan oleh bekas subsidiari pada tarikh apabila kawalan hilang dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal bagi perakaunan berikutnya di bawah MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* atau, di mana berkenaan, kos pada pengiktirafan awal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

Kombinasi Perniagaan

Pengambilalihan subsidiari dan perniagaan diambil kira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Pertimbangan yang dipindahkan di dalam kombinasi perniagaan ini diukur pada nilai saksama di mana ia dikira sebagai jumlah pengambilalihan pada tarikh nilai saksama aset yang dipindahkan oleh Kumpulan, liabiliti yang ditanggung oleh Kumpulan kepada penerima pemilik aset terdahulu dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan dalam pertukaran untuk kawalan subsidiari yang diambil alih. Kos berkaitan pengambilalihan yang terlibat diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Pada tarikh pengambilalihan, aset dikenal pasti dan liabiliti yang diambil alih dianggap diiktiraf pada nilai saksama, kecuali:

- aset atau liabiliti cukai tertunda atau aset atau liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan manfaat pekerja adalah diiktiraf dan diukur selaras dengan MFRS 112 *Cukai Pendapatan* dan MFRS 119 *Manfaat Pekerja*;
- liabiliti atau instrumen ekuiti yang berkaitan dengan pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh penerima atau pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh Kumpulan dimasukkan bagi menggantikan pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh penerima yang diukur mengikut MFRS 2 *Pembayaran berasaskan Saham* pada tarikh pengambilalihan; dan
- aset (atau kumpulan penyingkiran) yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan selaras dengan MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Penamatan Kendalian* adalah diukur mengikut Piawaian tersebut.

Muhibah adalah diukur sebagai lebihan jumlah pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan semasa diambilalih, dan nilai saksama kepentingan ekuiti pemeroleh yang sebelum ini diambilalih (jika ada) ke atas amaun bersih pengambilalihan nilai pada tarikh jumlah aset dikenalpasti diambilalih dan liabiliti yang ditanggung. Jika, selepas penilaian semula, jumlah bersih pengambilalihan-tarikh aset dikenalpasti diambilalih dan liabiliti yang ditanggung melebihi jumlah pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan yang diambilalih dan nilai saksama ekuiti pemerolehan yang sebelum ini mempunyai kepentingan dalam syarikat yang diambilalih (jika ada), lebihan tersebut diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi sebagai keuntungan tawaran pembelian.

Kepentingan bukan kawalan adalah kepentingan pemilikan yang hadir dan melayakkan pemegangnya untuk berkongsi satu kadar aset bersih entiti sekiranya berlaku pembubaran yang mungkin pada mulanya diukur sama ada pada nilai saksama atau mengikut bahagian bersekadar dengan kepentingan bukan kawalan melalui jumlah yang diiktiraf daripada aset bersih yang boleh dikenalpasti. Asas pilihan pengukuran dibuat berdasarkan transaksi-transaksi. Lain-lain jenis kepentingan bukan kawalan diukur pada nilai saksama atau, apabila berkenaan, atas dasar yang dinyatakan dalam piawaian lain.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(i) Subsidiari dan asas penyatuan (sambungan)

Kombinasi Perniagaan (sambungan)

Jika pertimbangan yang dipindahkan oleh Kumpulan dalam penggabungan perniagaan termasuk aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan kontinjen, pertimbangan kontinjen diukur pada nilai saksama semasa tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan kontinjen yang layak ke atas pelarasan tempoh pengukuran diselaraskan secara retrospektif, dengan pelarasan yang sepadan terhadap muhibah. Pelarasan tempoh pengukuran adalah pelarasan yang timbul daripada maklumat tambahan yang diperoleh semasa "tempoh pengukuran" (yang tidak boleh melebihi satu tahun dari tarikh pengambilalihan) mengenai fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan.

Perakaunan yang berikutnya bagi perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang tidak layak sebagai pelarasan tempoh pengukuran bergantung kepada bagaimana pertimbangan kontijen diklasifikasikan. Pertimbangan kontinjen yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula pada tarikh laporan berikutnya dan penyelesaian berikutnya adalah diambilkira dalam ekuiti. Pertimbangan kontinjen yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti diukur semula pada tarikh pelaporan berikutnya selaras dengan MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* atau MFRS 137 *Peruntukan, Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka,* sebagaimana yang sesuai, dengan keuntungan atau kerugian sepadan yang diiktiraf dalam untung rugi.

Jika kepentingan ekuiti di mana kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat-peringkat, Kumpulan sebelumnya telah memegang kepentingan ekuiti akan diukur semula pada nilai saksama mengikut tarikh pengambilalihan tersebut (iaitu tarikh apabila Kumpulan mencapai kawalan) dan keuntungan atau kerugian yang terhasil, jika ada, diiktiraf dalam untung rugi. Jumlah yang timbul daripada kepentingan yang diambilalih sebelum tarikh pengambilalihan di mana sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan kepada untung atau rugi, di mana keadaan itu akan menjadi sesuai jika kepentingan itu telah dilupuskan.

Jika permulaan perakaunan bagi penggabungan perniagaan adalah tidak lengkap menjelang akhir tempoh pelaporan di mana gabungan itu berlaku, Kumpulan melaporkan jumlah sementara bagi barangan yang perakaunannya adalah lengkap. Jumlah sementara diselaraskan dalam tempoh pengukuran (seperti di atas), atau aset atau liabiliti tambahan diiktiraf, untuk mencerminkan maklumat baru yang diperolehi tentang fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan itu, jika diketahui, akan menrosotnilaikan amaun yang diiktiraf pada tarikh berkenaan.

Subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari yang dihapuskan semasa penyatuan, dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai, jika ada, dalam penyata kewangan Bank yang berasingan.

(ii) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Keputusan dan aset dan liabiliti syarikat bersekutu diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti, kecuali apabila pelaburan, atau sebahagian daripadanya, diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, di mana ianya akan diambil kira selaras dengan MFRS 5. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan di dalam syarikat bersekutu pada mulanya diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan pada kos dan diselaraskan kemudiannya untuk mengiktiraf untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan ke atas syarikat bersekutu. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu melebihi kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang pada amnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu), Kumpulan tidak meneruskan mengiktiraf bahagiannya dalam kerugian. Kerugian tambahan diiktiraf hanya setakat di mana Kumpulan menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh di mana pelaburan menjadi syarikat bersekutu. Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka bersih yang dikenal pasti adalah mewakili muhibah, di mana ia dimasukkan di dalam amaun bawaan pelaburan. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti ke atas kos pelaburan, selepas penilaian semula, diiktiraf serta merta di dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana pelaburan tersebut diperoleh.

Keperluan MFRS 139 digunakan untuk menentukan sama ada ia perlu untuk mengiktiraf sebarang rosotnilai bagi pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Apabila perlu, keseluruhan amaun bawaan pelaburan (termasuk muhibah) diuji untuk rosotnilai mengikut MFRS 136 *Rosotnilai Aset* sebagai aset tersendiri dengan membandingkan amaun boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos pelupusan) dengan amaun bawaan. Sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf membentuk sebahagian dengan amaun bawaan pelaburan. Sebarang keterbalikan kerugian rosotnilai diiktiraf mengikut MFRS 136 setakat mana amaun boleh pulih pelaburan kemudiannya meningkat.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(ii) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Kumpulan tidak meneruskan penggunaan kaedah ekuiti dari tarikh pelaburan terhenti menjadi syarikat bersekutu atau apabila pelaburan tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan. Apabila Kumpulan mengekalkan kepentingan dalam bekas syarikat bersekutu dan kepentingan yang dikekalkan adalah aset kewangan, Kumpulan mengukur kepentingan dikekal pada nilai saksama pada tarikh tersebut dan nilai saksama adalah dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal mengikut MFRS 139. Perbezaan di antara amaun bawaan syarikat bersekutu pada tarikh kaedah ekuiti dihentikan, dan nilai saksama sebarang kepentingan dikekal dan apa-apa hasil daripada melupuskan sebahagian kepentingan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penentuan keuntungan atau kerugian di atas pelupusan syarikat bersekutu. Di samping itu, Kumpulan akan mengambil kira semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berkenaan dengan syarikat bersekutu sama seperti dasar yang akan disyaratkan jika syarikat bersekutu telah secara langsung melupuskan aset atau liabiliti yang berkaitan. Oleh itu, sekiranya keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain oleh syarikat bersekutu akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti. Kumpulan mengklasifikasikan semula keuntungan atau kerugian daripada ekuiti kepada untung atau rugi (sebagai pelarasan klasifikasi semula) apabila kaedah ekuiti dihentikan.

Kumpulan masih menggunakan kaedah ekuiti apabila pelaburan dalam syarikat bersekutu menjadi satu pelaburan dalam usahasama. Tidak ada pengukuran semula nilai saksama kepada sebarang perubahan dalam kepentingan pemilikan.

Apabila Kumpulan mengurangkan kepentingan pemilikannya dalam syarikat bersekutu tetapi Kumpulan terus menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan mengklasifikasikan semula kepada untung atau rugi bahagian keuntungan atau kerugian yang sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehubungan dengan pengurangan dalam kepentingan pemilikan jika keuntungan atau kerugian akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

Apabila sekumpulan entiti berurusniaga dengan syarikat bersekutu Kumpulan, untung atau rugi dari urus niaga dengan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan yang disatukan hanya setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu yang tidak berkaitan dengan Kumpulan.

(b) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian bagi setiap entiti dalam Kumpulan pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul daripada pertukaran semula diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Pendapatan faedah dan pembiayaan dan perbelanjaan

Semua instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas dan aset kewangan yang menjana faedah/keuntungan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan dan sekuriti tersedia untuk jualan, pendapatan faedah dan pembiayaan dan perbelanjaan diiktiraf di bawah pendapatan faedah, perbelanjaan faedah dan pendapatan bersih bagi operasi Perbankan Islam dalam untung atau rugi menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif.

Kaedah faedah/keuntungan efektif adalah kaedah pengiraan kos aset dan liabiliti kewangan yang dilunaskan dan mengagihkan pendapatan faedah/pembiayaan atau perbelanjaan dalam tempoh yang berkenaan. Kadar faedah/keuntungan efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan atau penerimaan melalui jangka hayat instrumen kewangan atau tempoh yang lebih singkat kepada jumlah bersih amaun bawaan bagi aset atau liabiliti kewangan. Pengiraan ini mengambil kira semua syarat kontrak instrumen kewangan tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa hadapan. Yuran dan kos urus niaga yang ketara adalah penting kepada kadar faedah efektif dan kiraan premium atau diskaun.

Pendapatan daripada kontrak berasaskan jual-beli diiktiraf menggunakan asas kadar keuntungan efektif ke atas tempoh kontrak berdasarkan jumlah pokok belum dijelaskan manakala pendapatan daripada Ijarah (kontrak berasaskan pajakan) diiktiraf menggunakan asas kadar keuntungan efektif ke atas tempoh pajakan.

Bagi aset kewangan yang telah rosotnilai di mana nilai aset kewangan telah dikurangkan akibat kerugian rosotnilai, pendapatan faedah/pembiayaan terus diiktiraf menggunakan kadar faedah/keuntungan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan bagi tujuan mengukur kerugian rosotnilai.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisyen

Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisyen yang integral dengan kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif ke atas aset atau liabiliti kewangan dimasukkan dalam pengukuran kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif.

Kos sampingan dan pendapatan komisyen merangkumi fi servis akaun, fi pengurusan pelaburan, komisyen jualan, fi penempatan pinjaman bersindiket diiktiraf selepas perkhidmatan berkaitan dilaksanakan. Apabila komitmen pinjaman tidak dijangka dikeluarkan dari pinjaman, fi komitmen pinjaman berkenaan diiktiraf atas dasar sama rata sepanjang tempoh komitmen tersebut.

Lain-lain fi terutamanya berkaitan dengan urus niaga dan fi perkhidmatan, diambil kira sebagai perbelanjaan apabila perkhidmatan diberikan.

Fi wakalah, perbelanjaan komisyen dan perbelanjaan pengurusan

Selaras dengan prinsip-prinsip Wakalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan dipersetujui oleh pemegang polisi dan Pengendali Takaful, peratusan yang dipersetujui ke atas sumbangan kasar akan dikenakan oleh dana Pengendali Takaful secara pendahuluan kepada dana takaful am dan takaful keluarga sebagai fi wakalah.

Fi wakalah yang dikenakan oleh dana Pengendali Takaful daripada peserta digunakan untuk membayar semua perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan komisyen Pengendali Takaful, yang telah ditanggung bagi pihak dana takaful am dan keluarga. Semua perbelanjaan pengurusan diiktiraf oleh Pengendali Takaful apabila berlaku.

Perbelanjaan komisyen, iaitu kos langsung yang telah ditanggung dalam mendapatkan caruman ke atas sijil takaful diiktiraf oleh Pengendali Takaful sebagai perbelanjaan dan diperuntukkan sewajarnya dalam tempoh di mana ia berkemungkinan menghasilkan pendapatan.

(e) Dividen

Pendapatan dividen daripada subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan lain diiktiraf apabila hak para pemegang saham untuk menerima bayaran telah ditentukan.

(f) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa daripada pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberikan diiktiraf sebagai sebahagian penting daripada jumlah pendapatan sewa di sepanjang tempoh pajakan. Pendapatan sewa daripada hartanah dipajak yang dipajak semula diiktiraf sebagai pendapatan lain.

(g) Geran kerajaan

Geran kerajaan tidak diiktiraf sehingga terdapat kepastian yang munasabah bahawa Bank akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka dan bahawa geran tersebut akan diterima.

Geran kerajaan diiktiraf dalam untung atau rugi secara sistematik sepanjang tempoh di mana Bank mengiktirafkannya sebagai perbelanjaan kos yang berkaitan di mana geran bertujuan untuk digunakan. Secara amnya, geran kerajaan di mana syarat utama adalah Bank perlu membeli, membina atau memperoleh aset bukan semasa diiktiraf sebagai hasil tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunaskan kepada untung atau rugi secara sistematik dan rasional ke atas jangka hayat aset tersebut.

Geran kerajaan yang diterima sebagai pampasan untuk perbelanjaan atau kerugian yang bertujuan memberi bantuan kewangan segera kepada Bank dengan tiada kos berkaitan masa depan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia dikira akan diterima.

Manfaat daripada pinjaman kerajaan pada kadar faedah di bawah kadar faedah pasaran dianggap sebagai geran kerajaan diukur sebagai perbezaan di antara perolehan yang diterima dan nilai saksama pinjaman berdasarkan kadar faedah pasaran semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Pencukaian

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa yang perlu dibayar dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf di dalam untung atau rugi kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa yang perlu dibayar adalah berdasarkan kepada untung atau rugi boleh cukai untuk tahun tersebut dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh laporan.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kewangan dan asas cukai berkaitan yang digunakan dalam pengiraan keuntungan boleh cukai. Cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan ditolak sementara, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa depan yang mencukupi akan tersedia di mana perbezaan-perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan. Aset cukai tertunda itu dan liabiliti tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan kombinasi perniagaan dan tidak menrosotnilaikan sama ada perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dipakai dalam tempoh di mana liabiliti dilangsaikan atau aset direalisasikan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh laporan. Pengukuran liabiliti dan aset cukai tertunda mencerminkan kesan cukai seperti mana Kumpulan dan Bank menjangkakan pada akhir tempoh pelaporan, untuk memperoleh atau melangsaikan amaun bawaan aset dan liabilitinya.

Amaun dibawa bagi aset cukai tertunda dinilai semula pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset tersebut diperolehi semula.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama dan Kumpulan dan Bank berhasrat untuk menyelesaikan aset cukai semasa mereka dan liabiliti atas nilai bersih.

(i) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila Kumpulan dan Bank menjadi pihak dalam peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset dan liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama. Kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan akan ditambah atau ditolak (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi).

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama dan diambil kira sebagai derivatif sekiranya, dan hanya sekiranya, ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak utama dan kontrak utama tidak dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya ada derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, ia diambil kira mengikut polisi diguna pakai kepada sifat kontrak utama.

(ii) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya hanya dinyahiktiraf apabila hak kontraktual kepada aliran tunai dari aset kewangan tersebut berakhir atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa kawalannya dikekalkan atau sebahagian besar risiko atau ganjaran hakmilik terhadap aset tersebut. Ketika penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara amaun bawaan aset dan jumlah pertimbangan telah diterima (termasuk apa-apa aset baru yang baru diperolehi dikurangkan dengan sebarang liabiliti baru yang dianggarkan) dan apa-apa keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian darinya hanya dinyahiktiraf apabila obligasi kontrak telah dilucutkan atau dibatalkan atau cukup tempoh. Semasa liabiliti kewangan dinyahiktiraf perbezaan diantara amaun bawaan liabiliti kewangan dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan jumlah pertimbangan yang dibayar termasuk apa-apa aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti dianggarkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Instrumen kewangan (sambungan)

(iii) Mengofset

Aset dan liabiliti kewangan diofset dan amaun bersih dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak undang-undang untuk mengofset amaun diiktiraf dengan hasrat samada untuk menyelesaikan secara asas bersih atau merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti secara serentak.

Pendapatan dan perbelanjaan dibentangkan secara asas bersih hanya jika dibenarkan di bawah MFRS, atau untuk keuntungan dan kerugian yang timbul dari kumpulan urus niaga yang sama seperti dalam aktiviti perdagangan Kumpulan dan Bank.

(iv) Kaedah faedah/keuntungan efektif

Kadar faedah/keuntungan efektif adalah kaedah pengiraan/pelunasan kos bagi instrumen hutang, liabiliti kewangan dan pembahagian faedah pendapatan bagi tempoh yang berkenaan. Kaedah faedah/keuntungan efektif adalah kadar yang tepat anggaran penerimaan tunai masa hadapan melalui jangka tempoh hayat aset dan liabiliti kewangan atau (jika bersesuaian) tempoh lebih pendek, kepada amaun bawaan bersih pada pengiktirafan awal.

(v) Pengenalpastian dan pengukuran rosotnilai

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Bank mentaksir sama ada wujud bukti objektif di mana aset kewangan yang tidak dinilai pada nilai saksama melalui untung atau rugi telah merosot. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan rosotnilai apabila bukti objektif mempamerkan peristiwa kerugian yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut, dan peristiwa kerugian memberi kesan ketara ke atas aliran tunai aset yang boleh dianggar secara munasabah.

Bukti objektif bahawa aset kewangan (termasuk sekuriti-sekuriti ekuiti) rosotnilai boleh merangkumi kesukaran kewangan yang signifikan bagi peminjam atau penerbit; kemungkiran atau pengabaian oleh peminjam; penstrukturan semula terma pinjaman atau pendahuluan di mana Kumpulan dan Bank sebaliknya tidak akan mempertimbangkan; petunjuk bahawa peminjam atau penerbit akan mengalami kemuflisan; hilang daripada pasaran aktif untuk sekuriti; atau data lain yang boleh diperhatikan berkaitan dengan sekumpulan aset seperti perubahan yang bertentangan dengan status pembayaran peminjam atau penerbit dalam kumpulan; atau keadaan ekonomi yang berkait dengan kemungkiran kumpulan tersebut. Sebagai tambahan untuk pelaburan dalam sekuriti ekuiti, pengurangan yang ketara atau berpanjangan di dalam nilai saksama di bawah kos ialah bukti yang objektif terhadap rosotnilai.

(a) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank mengambil kira bukti rosotnilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada tahap kolektif. Kesemua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individu signifikan dinilai rosotnilai secara khusus. Jika semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya signifikan dan didapati tidak mengalami rosotnilai secara khusus akan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai yang telah berlaku tetapi belum dikenalpasti.

Dalam penentuan rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, Kumpulan dan Bank menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau kumpulan pembiayaan telah rosotnilai. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau kumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan rosotnilai dan kerugian rosotnilai berlaku hanya jika terdapat bukti objektif rosotnilai sebagai hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal aset (iaitu peristiwa kerugian yang ditanggung) dan bahawa kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau kumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Kumpulan dan Bank menilai secara individu sama ada bukti objektif rosotnilai wujud secara individu bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang signifikan secara individu, atau secara kolektif bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang tidak signifikan secara individu. Jika ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang ditaksir secara individu, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kemudian dimasukkan ke dalam kumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dinilai secara individu untuk rosotnilai dan di mana kerugian rosotnilai adalah diiktiraf, ia tidak dimasukkan dalam penilaian kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai atas aset yang dibawa pada kos terlunas diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset kewangan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/keuntungan efektif asal aset tersebut. Kerugian rosotnilai diiktiraf di dalam untung atau rugi dan dinyatakan dalam akaun elaun atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Faedah dan untung ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang rosotnilai akan diiktiraf melalui diskaun *'unwinding'*.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Instrumen kewangan (sambungan)

(v) Pengenalpastian dan pengukuran rosotnilai (sambungan)

(a) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (sambungan)

Perubahan dalam peruntukan rosotnilai ke atas nilai masa adalah digambarkan sebagai komponen pendapatan faedah/pembiayaan.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak signifikan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai dengan mengkelaskan bersama pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut ciri-ciri risiko yang serupa.

Di dalam menilai rosotnilai kolektif Kumpulan dan Bank menggunakan tren permodelan statistik sejarah bagi tren kebarangkalian, mungkir masa pemulihan dan jumlah kerugian yang berlaku. Ianya dilaraskan oleh pertimbangan pengurusan sama ada kedudukan kredit dan ekonomi semasa menyebabkan kerugian melebihi atau berkurangan daripada yang dicadangkan oleh permodelan sejarah. Kadar kemungkiran, kadar kerugian dan jangkaan pemulihan masa depan ditanda aras berasaskan keputusan sebenar untuk memastikan ia terus bersesuaian.

Apabila peristiwa berikutan menyebabkan jumlah kerugian rosotnilai menurun, penurunan dalam kerugian rosotnilai akan diselaraskan semula melalui untung atau rugi.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai rosotnilai apabila prinsipal atau faedah/untung atau kedua-duanya tertunggak untuk tempoh 90 hari ke atas atau tertunggak kurang daripada itu tetapi disokong oleh tanda kelemahan kredit pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Kumpulan dan Bank menghapus kira pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tertentu apabila mereka telah ditentukan untuk menjadi tidak boleh dipungut semula.

Bagi mengukuhkan lagi penampan terhadap potensi kerugian kredit, Kumpulan dan Bank telah mengekalkan, secara agregat, peruntukan rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan pada kadar minimum sebanyak 1.2% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan terkumpul (tidak termasuk pinjaman/pembiayaan dengan jaminan tersirat daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia), selepas ditolak peruntukan rosotnilai individu seperti yang dikehendaki oleh BNM melalui surat rujukan JDKP/8808/13/01/05 diterbitkan pada 4 Februari 2014.

Dalam tahun 2014, BNM mengarahkan Kumpulan dan Bank mematuhi keperluan undang-undang untuk mengekalkan kadar minimum sebanyak 1.2% rosotnilai kolektif atas pinjaman rosotnilai hendaklah digunakan berdasarkan segmentasi pinjaman. Bagi kes di mana sekiranya terdapat kekurangan antara rosotnilai kolektif yang dikira berdasarkan kaedah Kumpulan dan Bank dan mematuhi keperluan undang-undang untuk mengekalkan kadar minimum sebanyak 1.2% untuk segmen pinjaman tertentu, maka Kumpulan dan Bank perlu mengenalpasti perbezaan melalui untung atau rugi. Walau bagaimanapun, sekiranya segmen pinjaman tertentu, kemerosotan kolektif adalah lebih tinggi daripada 1.2% yang dikira berdasarkan kaedah Kumpulan dan Bank maka kemerosotan bagi segmen pinjaman tersebut harus dikekalkan kiraan berdasarkan kaedah Kumpulan dan Bank.

(b) Pelaburan sekuriti dipegang hingga matang

Bagi sekuriti dibawa pada kos terlunas yang mana terdapat bukti objektif rosotnilai, kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/untung efektif asal sekuriti. Amaun kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Faedah di atas pelaburan sekuriti dipegang hingga matang yang rosotnilai diiktiraf secara berterusan melalui diskaun *'unwinding'*.

Penarikbalikan kerugian rosotnilai diiktiraf apabila penurunan secara objektif boleh dikaitkan kepada satu peristiwa yang berlaku selepas rosotnilai diiktiraf, sehingga tahap amaun bawaan sekuriti tidak melebihi kos terlunas apabila tiada rosotnilai diiktiraf. Penarikbalikan kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Untuk sekuriti dibawa pada kos, kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang sama. Amaun kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan kerugian rosotnilai sedemikian tidak boleh ditarik balik selepas pengiktirafannya. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira pelaburan sekuriti dipegang hingga matang apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dipungut semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Instrumen kewangan (sambungan)

(v) Pengenalpastian dan pengukuran rosotnilai (sambungan)

(c) Pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan

Bagi pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan yang mana terdapat bukti objektif rosotnilai, kerugian rosotnilai terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain boleh dipindahkan daripada pendapatan komprehensif lain untuk mendapat keuntungan atau kerugian, walaupun sekuriti tidak diiktiraf . Kerugian rosotnilai terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos perolehan (selepas ditolak apa-apa bayaran balik prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (ditolak sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dalam untung atau rugi).

Jika dalam tempoh berikutnya nilai saksama bagi pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan yang telah rosotnilai meningkat dan peningkatan tersebut secara objektifnya dapat dikaitkan dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosotnilai telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosotnilai dilaraskan semula dengan amaun pelarasan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagaimanapun, sebarang bayaran balik pelaburan sekuriti ekuiti tersedia untuk jualan pada nilai saksama yang rosotnilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan yang tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dipungut semula.

(vi) Penetapan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank telah ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dalam keadaan berikut:

a Aset atau liabiliti diurus, dinilai dan dilaporkan secara dalaman berasaskan nilai saksama.

b. Penetapan ini menyingkirkan atau mengurangkan secara signifikan suatu perbezaan perakaunan yang mungkin wujud.

c. Aset atau liabiliti mengandungi derivatif terbenam yang secara signifikan mengubah aliran tunai yang mungkin diperlukan di dalam kontrak tersebut.

Nota 35 menunjukkan jumlah bagi setiap kelas aset atau liabiliti kewangan yang telah ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Penjelasan kepada asas untuk setiap penetapan telah dibentangkan seperti di dalam nota setiap aset atau liabiliti kelas yang berkenaan.

(j) Rosotnilai aset bukan kewangan

Amaun dibawa bagi aset bukan kewangan Kumpulan dan Bank dikaji semula pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk rosotnilai. Jika terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun bolehpulih aset dianggarkan dan kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan dan Bank.

Dasar tentang rosotnilai aset-aset bukan kewangan diringkaskan seperti berikut:

Aset-aset lain

Aset-aset lain seperti hartanah, loji dan kelengkapan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dikaji semula untuk petunjuk rosotnilai yang objektif pada akhir setiap tempoh pelaporan atau apabila terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset ini mungkin rosotnilai. Jika terdapat petunjuk sedemikian, kerugian rosotnilai ditentukan sebagai lebihan daripada nilai bawaan aset mengatasi amaun boleh pulihnya (yang lebih besar antara nilai dalam kegunaan atau nilai saksama tolak kos pelupusan) dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang penarikbalikan kerugian rosotnilai untuk aset-aset ini diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun bawaan dinaikkan kepada amaun bolehpulih setelah semakan, dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi amaun bawaan yang sepatutnya dibawa (bersih selepas pelunasan atau susut nilai) jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf untuk aset-aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai dan baki bank dengan bank-bank berlesen dan institusi kewangan lain dan wang panggilan dan penempatan deposit matang dalam tempoh sebulan, adalah jangka pendek, pelaburan yang sangat cair dengan kematangan satu bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan dan sedia untuk ditukar kepada tunai dengan risiko ketara perubahan dalam nilai.

(l) Aset dan liabiliti dagangan

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dagangan ialah aset dan liabiliti yang diperolehi oleh Kumpulan dan Bank dengan tujuan utamanya untuk dijual atau dibeli kembali dalam tempoh terdekat atau dipegang sebagai sebahagian daripada portfolio yang dikendalikan bersama untuk keuntungan jangka pendek atau untuk tujuan perletakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti pada awalnya diiktiraf dan seterusnya diukur pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan, dengan kos transaksi yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Semua perubahan nilai saksama diiktiraf sebagai sebahagian daripada pendapatan dagangan bersih dalam untung atau rugi. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dagangan tidak boleh diklasifikasikan semula selepas pengiktirafan awal, kecuali aset dagangan bukan derivatif, melainkan yang ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ketika pengiktirafan awal, kemungkinan boleh diklasifikasikan semula dari kategori nilai saksama melalui untung atau rugi (iaitu dagangan) sekiranya ianya tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau belian kembali dalam tempoh terdekat dan keadaan-keadaan berikut ini dipenuhi:

a. Jika aset kewangan telah memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima (jika aset kewangan tidak diperlukan untuk diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dagangan pada ketika pengiktirafan awal) maka ianya mungkin boleh diklasifikasikan semula sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan itu untuk masa depan atau sehingga matang.

b. Jika aset kewangan tidak memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima, maka ianya mungkin diklasifikasikan semula daripada kategori dagangan hanya dalam 'keadaan-keadaan yang jarang berlaku'.

(m) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran-bayaran telah ditetapkan dan boleh ditentukan dan tidak disiar di pasaran aktif dan Kumpulan dan Bank tidak berhasrat untuk menjual serta-merta atau dalam tempoh terdekat. Pembiayaan Kumpulan dan Bank terdiri daripada kontrak jual beli (dinamakan Bai' Bithaman Ajil, Bai Al-Inah, Murabahah dan At-Tawarruq), kontrak berasaskan pajakan (dinamakan Ijarah), dan kontrak Ujrah.

Apabila Kumpulan dan Bank merupakan pemberi pajak dalam perjanjian pajakan yang memindahkan sebahagian besar ganjaran dan risiko yang berkaitan dengan pemilikan aset kepada penerima pajak, perjanjian itu diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dan belum terima yang bersamaan pelaburan bersih dalam pajakan tersebut diiktiraf dan dibentangkan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Apabila Kumpulan dan Bank membeli aset kewangan dan pada masa yang sama membuat perjanjian untuk menjual semula aset (atau aset yang serupa) dengan harga tetap pada tarikh hadapan (repo yang terbalik atau pinjaman saham), penjanjian ini diambilkira sebagai pinjaman atau pendahuluan dan aset sandaran tidak diiktiraf di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada awalnya diukur pada nilai saksama ditambah kos langsung transaksi dan seterusnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif, kecuali Kumpulan dan Bank memilih untuk mengkelaskan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi seperti yang dijelaskan di Nota 2(i)(vi).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Pelaburan sekuriti

Pelaburan sekuriti pada awalnya diukur pada nilai saksama, dalam keadaan di mana pelaburan sekuriti tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, tambahan kos transaksi langsung dan seterusnya diakaunkan bergantung kepada klasifikasi sama ada dipegang hingga matang, nilai saksama melalui untung atau rugi atau tersedia untuk jualan.

Pelaburan sekuriti Kumpulan dan Bank diklasifikasikan menurut kategori berikut, bergantung kepada tujuan sekuriti tersebut diperoleh.

(i) Dipegang hingga matang

Pelaburan dipegang hingga matang ialah aset bukan derivatif dengan bayaran balik tetap dan boleh ditentukan serta mempunyai tarikh kematangan tetap di mana Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat positif dan kemampuan untuk memegang sehingga matang dan tidak ditanda pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau sebagai tersedia untuk jualan.

Sekuriti dipegang hingga matang dibawa pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah kadar efektif. Jualan atau klasifikasi semula amaun yang signifikan bagi sekuriti dipegang hingga matang akan menyebabkan pengklasifikasian semula semua sekuriti dipegang hingga matang sebagai sekuriti tersedia untuk jualan. Ini juga akan juga menghalang Kumpulan dan Bank dari mengklasifikasikan sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun semasa dan dua tahun kewangan berikutnya. Bagaimanapun, penjualan dan klasifikasi semula dalam sebarang keadaan berikut tidak akan mencetuskan kepada klasifikasi semula seperti berikut:

a. Jualan atau klasifikasi semula yang menghampiri kematangan dan perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempunyai kesan yang signifikan terhadap nilai saksama aset kewangan tersebut.

b. Jualan atau klasifikasi semula selepas Kumpulan dan Bank membuat kutipan sebahagian besar prinsipal asal aset.

c. Jualan atau pengklasifikasian semula yang berkaitan dengan peristiwa yang terpencil dan tidak berulang dan di luar kawalan Kumpulan dan Bank dan ianya tidak dapat dijangka secara munasabah.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos ditambah/dilunaskan berasaskan kaedah kadar hasil efektif, ditolak rosotnilai, sekiranya ada. Pelunasan premium, pertambahan diskaun dan rosotnilai serta keuntungan atau kerugian yang timbul akibat penyahiktirafan sekuriti dipegang hingga matang, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(ii) Nilai saksama melalui untung atau rugi

Kumpulan dan Bank menetapkan sebahagian pelaburan sekuriti pada nilai saksama, dengan perubahan nilai saksama diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi seperti yang dinyatakan dalam dasar perakaunan.

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan sekiranya aset kewangan ini diperoleh terutamanya untuk tujuan mendapat manfaat daripada pergerakan harga jangka pendek sebenar atau jangkaan atau untuk mengunci untung arbitraj. Sekuriti dipegang untuk dagangan dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksamanya dan penyahiktirafan sekuriti dipegang untuk dagangan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama sekuriti dipegang untuk dagangan yang disebutharga diperoleh daripada harga bida pasaran.

(iii) Tersedia untuk jualan

Sekuriti tersedia untuk jualan ialah pelaburan-pelaburan bukan derivatif yang mana telah ditetapkan sebagai tersedia untuk jualan atau tidak diklasifikasikan sebagai kategori aset kewangan yang lain-lain. Sekuriti ekuiti tidak disebutharga yang mana nilai saksamanya tidak dapat diukur secara munasabah dibawa pada kos. Semua sekuriti tersedia untuk jualan dibawa pada nilai saksama.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pendapatan dividen diiktiraf dalam untung atau rugi apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak kepada dividen. Keuntungan atau kerugian bagi sekuriti hutang pelaburan tersedia untuk jualan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Perubahan nilai saksama yang lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehingga sekuriti dijual atau rosotnilai, di mana keuntungan dan kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengklasifikasian semula.

Aset kewangan bukan derivatif mungkin akan diklasifikasikan semula daripada kategori aset tersedia untuk jualan kepada kategori pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima jika memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima dan jika Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan untuk masa depan atau sehingga matang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika keputusan peristiwa lepas Kumpulan dan Bank mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif masa kini yang boleh dianggar dengan pasti dan berkemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

Peruntukan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa depan pada kadar pra-cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa bagi nilai mata wang dan jika sesuai risiko dikhusus kepada liabiliti.

(i) Kontrak yang membebankan

Peruntukan untuk kontrak yang membebankan diiktiraf apabila manfaat yang akan diperolehi oleh Kumpulan dan Bank daripada kontrak adalah lebih rendah daripada kos yang tidak dapat dielakkan bagi memenuhi obligasi di bawah kontrak tersebut. Peruntukan diukur pada nilai kini anggaran kos penamatan kontrak dan kos jangkaan bersih meneruskan kontrak yang lebih rendah. Sebelum peruntukan disahkan, Kumpulan dan Bank mengiktiraf sebarang kerugian rosotnilai ke atas aset yang berkaitan dengan kontrak tersebut.

(ii) Peruntukan untuk fi wakalah

Peruntukan untuk fi wakalah dibuat bagi merekodkan jangkaan kerugian-kerugian tertentu masa depan kepada dana pemegang saham hasil daripada perkhidmatan bagi perjanjian polisi individu dengan peserta.

a. Produk caruman tunggal

Peruntukan dianggar berdasarkan nilai kini aktuari bagi perbelanjaan penyelenggaraan masa hadapan.

b. Produk-produk lain

Peruntukan dianggar berdasarkan aliran tunai bersih masa hadapan didiskaunkan kepada Pengendali Takaful menggunakan kaedah aktuari konsisten dengan yang telah digunakan untuk pembalikan bukan unit di dalam pemilik insurans nyawa konvensional yang dipanggil metodologi rizab 'sterling'.

Andaian yang digunakan konsisten dengan yang digunakan dalam penilaian dana Tabarru' dan andaian belanja Pengendali Takaful adalah berasaskan pada kajian Pengendali Takaful.

(iii) Rizab penyamaan keuntungan (PER) untuk Skim Perbankan Islam (IBS)

PER bagi bahagian pemegang pelaburan diklasifikasikan sebagai liabiliti dan diiktiraf pada kos dan agihan seterusnya diiktiraf dalam untung atau rugi.

PER bagi bahagian Kumpulan dan Bank diklasifikasikan sebagai rizab lain dalam ekuiti dan daripada pembahagian berikutnya dan diagihkan kepada keuntungan tertahan seterusnya diambil kira dalam pindahan antara rizab.

Penggunaan rizab tersebut tidak boleh dibentangkan sebagai peningkatan pendapatan dalam penyata kewangan tetapi sebagai aliran keluar dana dari penyelesaian obligasi kepada pemegang akaun pelaburan.

(p) Luar jangkaan

(i) Liabiliti luar jangka

Jika wujud kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi yang tidak akan diperlukan atau amaunnya tidak dapat dianggar pasti, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan wujudnya obligasi hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

Jika Kumpulan atau Bank mengikat kontrak jaminan kewangan untuk menjamin keberhutangan pihak lain, maka Kumpulan atau Bank menganggap ini sebagai aturan insurans dan ia diambilkira sebagai sedemikian. Sehubungan itu, Kumpulan atau Bank menganggap kontrak jaminan sebagai liabiliti luar jangka sehingga ke suatu masa Kumpulan atau Bank berkemungkinan perlu membuat pembayaran di bawah jaminan tersebut.

(ii) Aset luar jangka

Apabila wujud kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi atau amaunnya tidak boleh dianggar pasti, aset tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai aset luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan kelayakan kewujudannya hanya akan dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan, ianya juga didedahkan sebagai aset luar jangka melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaaat ekonomi adalah tipis.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Aset lain belum terima

Aset-aset lain yang belum terima pada awalnya diiktiraf pada kos apabila hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain telah disahkan.

Lanjutan kepada pengiktirafan awal, aset-aset lain yang belum terima dinyatakan pada kos tolak rosotnilai.

Aset-aset yang belum diterima tidak dipegang untuk tujuan dagangan.

Hutang lapuk yang diketahui untuk perniagaan Takaful dihapuskira dan elaun-elaun khusus dibuat untuk sebarang premium belum jelas atau baki insurans semula yang masih belum berbayar lebih daripada 90 hari atau 3 bulan dari tarikh ianya menjadi belum terima dan untuk semua hutang yang dianggap rosotnilai.

(r) Hartanah, loji dan kelengkapan

(i) Pengiktirafan dan ukuran

Butiran hartanah, loji dan kelengkapan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Kos termasuk perbelanjaan yang dinisbahkan secara langsung kepada pemerolehan aset tersebut. Kos aset yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan dan pekerja langsung, sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan memulihkan tapak di mana hartanah, loji dan kelengkapan ditempatkan. Perisian yang dibeli yang merupakan sebahagian penting dalam memastikan aset berkaitan dapat berfungsi dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Apabila bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia diambil kira sebagai butiran berasingan (komponen utama) bagi hartanah, loji dan kelengkapan. Termasuk dalam hartanah, loji dan kelengkapan ialah pajakan kewangan yang diiktiraf sekiranya ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

(ii) Pengkelasan semula ke pelaburan hartanah

Apabila kegunaan sesuatu harta berubah daripada harta huni sendiri kepada pelaburan hartanah, harta tersebut diukur pada kos dan diklasifikasikan semula sebagai pelaburan hartanah.

(iii) Kos berikutan

Kos untuk menggantikan komponen sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam amaun dibawa bagi item tersebut jika ada kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam komponen tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan Bank dan kosnya boleh diukur pasti. Kos penyelenggaraan harian hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam untung atau rugi bila berlaku.

(iv) Susut nilai

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi atas asas garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat setiap butiran komponen hartanah, loji dan kelengkapan dari tarikh ia sedia untuk digunakan. Aset pajakan disusutnilai di sepanjang tempoh yang lebih pendek antara tempoh pajakan dengan jangka hayat hartanah, loji dan kelengkapan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilai. Hartanah, loji dan kelengkapan dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut tersedia untuk tujuan penggunaannya.

Anggaran jangka hayat untuk tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

- bangunan — 50 tahun
- komponen utama — 25 - 30 tahun
- loji dan peralatan — 5 - 7 tahun
- perabot dan kelengkapan — 5 - 7 tahun
- kenderaan bermotor — 5 - 7 tahun
- pengubahsuaian — 7 tahun

Amaun susut nilai ditentukan selepas menolak nilai sisa. Kaedah susut nilai, jangka hayat dan nilai sisa dinilai semula pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangka timbul dari penggunaan aset tersebut di masa hadapan dari penggunaan berterusan. Sebarang untung atau rugi terhasil semasa pelupusan atau persaraan hartanah, loji dan kelengkapan ditentukan sebagai perbezaan antara hasil jualan dan amaun dibawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(s) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah harta yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pegangan pajak untuk memperoleh pendapatan sewaan atau untuk menambah nilai modal atau untuk kedua-duanya. Ini termasuk tanah dipegang untuk kegunaan masa depan yang belum ditentukan buat masa kini. Harta yang diduduki oleh entiti dalam Kumpulan dan Bank diambil kira sebagai harta huni sendiri dan bukan sebagai pelaburan hartanah.

Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai adalah selaras dengan dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan kelengkapan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(r). Susut nilai dicaj kepada untung atau rugi menggunakan kaedah garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat antara 25 hingga 50 tahun.

(t) Tanah pegangan pajak/Bayaran pajakan prabayar

Tanah pegangan pajak yang biasanya mempunyai hayat ekonomi tidak terhad dan yang hak miliknya tidak mungkin akan berpindah kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat sebaik sahaja memasuki atau memperoleh tanah pegangan pajak diambil kira sebagai bayaran pajakan prabayar yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan menurut corak manfaat yang diperuntukkan kecuali untuk tanah pegangan pajak yang diklasifikasikan sebagai pelaburan hartanah.

(u) Aset tak ketara

(i) Aset tak ketara lain

Aset tak ketara yang diperlukan, yang mempunyai jangka hayat yang terbatas, diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

(ii) Perbelanjaan berikutan

Perbelanjaan berikutan adalah dimodalkan hanya apabila ia meningkatkan manfaat ekonomi masa hadapan dalam aset tertentu yang berkaitan. Semua perbelanjaan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila berlaku.

(iii) Pelunasan

Aset tak ketara lain dilunaskan dari tarikh ia sedia untuk digunakan. Pelunasan adalah berdasarkan kos aset selepas metolak nilai sisa. Pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut kaedah garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat aset tak ketara.

Anggaran jangka hayat bagi tempoh semasa adalah seperti berikut:

- lesen dan perisian komputer 3 - 10 tahun

Kaedah pelunasan, jangka hayat dan nilai sisa dinilai semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dilaraskan, jika perlu.

(v) Deposit daripada pelanggan dan akaun pelaburan oleh pelanggan

Deposit daripada pelanggan dan akaun pelaburan oleh pelanggan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama bayaran diterima tolak kos transaksi yang dinisbahkan secara langsung. Selepas pengiktirafan awal tersebut, liabiliti kewangan dinilai pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif.

(w) Pengiktirafan faedah/keuntungan, pembiayaan dan perbelanjaan berkaitan

Perbelanjaan faedah dan keuntungan yang diagihkan (di dalam aktiviti yang berkaitan dengan operasi perbankan Islam) ke atas deposit dan pinjaman/pembiayaan Kumpulan dan Bank diiktiraf menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(x) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Obligasi manfaat pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur atas asas tidak didiskaunkan dan dibelanjakan apabila perkhidmatan berkaitan disediakan.

Peruntukan diiktiraf bagi amaun yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek jika Kumpulan dan Bank mempunyai perundangan semasa atau obligasi konstruktif untuk membayar amaun ini kesan daripada perkhidmatan lepas yang diberikan oleh pekerja dan obligasi ini boleh dijangka pasti.

(ii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Sumbangan Kumpulan dan Bank kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dicaj kepada untung atau rugi dalam tahun ianya berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan dibuat, Kumpulan dan Bank tiada lagi obligasi bayaran selanjutnya.

(iii) Pelan manfaat ditentukan

Sumbangan kepada caruman pelan manfaaat persaraan wajib diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila kakitangan telah menjalankan perkhidmatan yang melayakkan mereka untuk mendapat sumbangan. Kumpulan dan Bank itu tidak mempunyai sebarang tanggungjawab setelah pembayaran dibuat.

Peruntukan faedah persaraan dibuat berdasarkan penilaian aktuari yang dilaksanakan pada akhir setiap tempoh pelaporan oleh aktuari bertauliah dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjur. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada 31 Disember 2014.

Pengukuran semula yang terdiri daripada keuntungan dan kerugian aktuari, kesan perubahan kepada siling aset (jika berkenaan) dan pulangan ke atas pelan (tidak termasuk faedah) ditunjukkan dengan serta-merta di dalam penyata kedudukan kewangan dengan caj atau kredit diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dalam tempoh di mana ia berlaku.

Pengukuran semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain ditunjukkan serta-merta dalam keuntungan tertahan dan tidak akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi. Kos perkhidmatan yang lepas diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh pindaan pelan. Faedah bersih diambil kira dengan menggunakan kadar diskaun kepada manfaat pada awal tempoh kepada liabiliti bersih. Kos manfaat tertakrif dikategorikan sebagai berikut:

a. Kos perkhidmatan (termasuk kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan yang lepas dan keuntungan dan kerugian ke atas pengurangan dan pembayaran);

b. Perbelanjaan atau pendapatan faedah bersih; dan

c. Pengukuran semula.

Kumpulan dan Bank membentangkan dua komponen pertama kos manfaat ditentukan dalam untung atau rugi sebagai kos kakitangan.

Obligasi manfaat persaraan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan mewakili defisit atau lebihan sebenar dalam pelan manfaat ditentukan Kumpulan dan Bank. Sebarang lebihan terhasil daripada pengiraan ini adalah terhad kepada nilai kini manfaat ekonomi yang boleh didapati dalam bentuk bayaran balik daripada pelan atau pengurangan caruman masa hadapan kepada pelan.

(iv) Manfaat penamatan

Manfaat penamatan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila Kumpulan dan Bank komited dengan ketara tanpa kemungkinan realistik untuk menarik balik kepada pelan terperinci rasmi sama ada menamatkan penggajian sebelum tarikh persaraan biasa atau untuk menyediakan manfaat-manfaat penamatan kesan daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan penamatan secara sukarela. Manfaat penamatan sukarela diiktiraf jika Kumpulan dan Bank membuat tawaran menggalakkan sukarela yang kemungkinan tawaran itu akan diterima dan bilangan penerimaan boleh dijangka pasti. Jika manfaat penamatan yang dibayar lebih daripada 12 bulan selepas tempoh laporan, maka ia akan didiskaunkan kepada nilai kini.

(v) Manfaat kakitangan jangka panjang lain

Liabiliti diiktiraf bagi manfaat kakitangan jangka panjang lain diukur pada nilai semasa daripada anggaran aliran tunai keluar masa hadapan yang dibuat oleh Kumpulan dan Bank berkenaan dengan perkhidmatan yang dijalankan oleh kakitangan sehingga tempoh akhir pelaporan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(y) Dana takaful am

Dana takaful am dikekalkan mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan terdiri daripada rizab sumbangan belum diperoleh dan lebihan/defisit terkumpul. Sebarang defisit aktuari di dalam dana takaful am akan diuruskan dengan baik oleh pengendali takaful melalui pinjaman ihsan atau Qard. Lebihan diagihkan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kumpulan Jawatankuasa Syariah.

Hasil penanggungjaminan takaful am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira takaful semula, komisyen, sumbangan tidak terperoleh dan tuntutan tertanggung.

(i) Pendapatan caruman

Caruman diiktiraf dalam tahun kewangan merujuk kepada andaian risiko sepanjang tahun kewangan berkenaan berasaskan tarikh permulaan caruman. Caruman takaful semula diiktiraf dalam tahun kewangan seperti sijil asal berkaitan dengan takaful semula.

(ii) Rizab sumbangan belum diperoleh

Rizab sumbangan belum diperoleh merupakan bahagian sumbangan bersih sijil takaful yang ditanggungjamin berkaitan dengan sijil belum tamat tempoh pada akhir tempoh pelaporan.

Dalam menentukan rizab sumbangan belum diperoleh pada akhir tempoh pelaporan, kaedah yang paling tepat bagi menggambarkan sumbangan sebenar yang belum diperoleh berdasarkan kaedah 1/365 digunakan bagi semua perniagaan takaful am di dalam Malaysia. Rizab ini dikurangkan dengan peratus komisyen perniagaan langsung kasar yang diambil kira dan tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Pada setiap akhir tempoh pelaporan, Kumpulan memeriksa risiko belum tamat tempoh dan menjalankan ujian kecukupan liabiliti untuk menentukan sama ada terdapat sebarang lebihan keseluruhan tuntutan yang dijangka dan kos pemerolehan tertunda atas premium tidak diperoleh. Pengiraan ini menggunakan anggaran semasa aliran tunai masa hadapan (dengan mengambil pertimbangan nisbah kerugian semasa) selepas mengambil kira pulangan pelaburan dijangka yang wujud daripada aset yang berkaitan dengan peruntukan teknikal takaful am yang relevan. Sekiranya anggaran ini menunjukkan bahawa amaun bawaan untuk caruman tidak diperoleh ditolakkan kos pemerolehan tertunda yang tidak mencukupi, kekurangan itu diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menetapkan peruntukan kecukupan liabiliti.

(iii) Peruntukan untuk tuntutan tertunggak

Liabiliti untuk tuntutan diiktiraf untuk perniagaan insurans langsung. Amaun tuntutan ialah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan bersama dengan belanja berkaitan dikurangkan bayaran balik untuk menjelaskan obligasi semasa pada akhir tempoh pelaporan.

Tuntutan tertunggak termasuk peruntukan bagi kos tuntutan, bersama dengan belanja berkaitan, yang berlaku tetapi tidak dilaporkan pada akhir tempoh pelaporan dengan menggunakan kaedah penganggaran matematik oleh aktuari bertauliah Kumpulan.

(z) Dana takaful keluarga

Dana takaful keluarga diselenggara selaras dengan keperluan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan termasuk liabiliti aktuari, wang benih (jika berkenaan) dan akaun peserta.

